



JAKIM

جابتن كماجوان اسلام ملیسیا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2013









جابتن كماجوان إسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

KANDUNGAN

4	Perutusan Menteri di Jabatan Perdana Menteri
5	Ucapan Alu-Aluan Ketua Pengarah Jakim
6-7	Info Korporat
8-9	Carta Organisasi
10-12	Pengurusan Tertinggi dan Pengarah-Pengarah Bahagian
13-26	Penyelidikan & Pembangunan Fatwa
27-46	Manifestasi Dakwah dalam Masyarakat
47-70	Pengukuhan Institusi Kekeluargaan dan Kemasyarakatan
71-92	Pengukuhan Modal Insan
93-116	Penyelarasan Pendidikan dan Pengurusan Masjid
117-122	Penggubalan dan Penyelarasan Undang-Undang
123-130	Pemerkasaan Hab Halal Global
131-138	Perhubungan Antarabangsa dan Dalam Negeri
139-146	Pengurusan dan Kewangan

PERUTUSAN
Menteri di Jabatan Perdana Menteri



بِسْمِ اللهِ الرَّحْمـــنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ للهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ .

Alhamdulillah, saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya saya diberi kesempatan bersama-sama JAKIM dalam memartabatkan pentadbiran hal ehwal agama Islam dan menyebar luaskan syiar Islam di Malaysia. Buku Laporan Tahunan JAKIM ini diterbitkan sebagai penanda aras dan rujukan untuk penambahbaikan program-program yang akan datang di JAKIM.

Seiring dengan perkembangan dunia tanpa sempadan dan maklumat di hujung jari, JAKIM telah melangkah satu langkah ke hadapan dengan pelancaran **"MY JAKIM MOBILE"** yang merupakan satu inisiatif bagi menggerakkan perkhidmatan kerajaan melalui platform mudah alih dan maklumat di hujung jari.

Memandangkan jumlah penjawat awam di sekitar Putrajaya bertambah, JAKIM mengambil inisiatif mewujudkan **"Zakat Drive Thru"** bagi memudahkan pembayaran zakat yang menjadi kewajipan kita sebagai umat Islam.

Selain itu, portal E-Muallaf telah dilancarkan bagi memudahkan pengurusan mendaftar dan menyimpan data berkaitan saudara Muslim di Malaysia. Ini membuktikan bahawa agama Islam telah berkembang pesat dan melebar luaskan skop pengurusan bagi saudara Muslim di Malaysia.

Hubungan antara ulama dan pendakwah sangat dititikberatkan dalam memastikan bahawa usaha dakwah itu dijalankan secara baik dan mendapat tempat di hati masyarakat. Konvensyen Pendakwah Negara diadakan bagi meningkatkan kefahaman, pemikiran Islam dalam menjayakan pelaksanaan dakwah secara menyeluruh.

Saya pasti banyak lagi program-program besar yang banyak memberi impak kepada masyarakat dan apa yang saya nyatakan di sini adalah sebahagian kecil sahaja. Akhir kata, saya berjarap warga JAKIM dan juga agensi-agensi agama dapat bersatu dalam mengharungi gelombang transformasi Negara selari dengan misi dan visi masing-masing. Semoga Allah merahmati serta mempermudahkan segala usaha baik kita dalam memartabatkan agama-Nya.

Sekian, wassalam.

Y.B MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B)
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

UCAPAN
Ketua Pengarah Jakim





Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Illahi di atas limpah rahmat dan kasih sayang-Nya, kita masih lagi di beri kesempatan dalam meneruskan perjuangan memartabatkan syiar Islam menerusi pemantapan pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih dan syabas kepada sidang redaksi atas kejayaan penerbitan Buku Laporan Tahunan JAKIM pada kali ini.

Tahun 2013 telah berakhir dengan kesudahan yang cukup sempurna dan sudah tentu banyak kejayaan yang kita kecapi pada tahun tersebut. Buku Laporan Tahunan ini sudah tentu menjadi kayu pengukur dan penanda aras bagi kita supaya merancang program-program yang lebih memberi kesan dan pendekatan kepada masyarakat. Antara program yang dilaksanakan meliputi aspek pengurusan halal, dakwah, kekeluargaan, pembangunan modal insan, akidah, syariah dan sebagainya.

Seiring dengan sumbangan JAKIM dalam pelbagai bidang dan lapangan di Malaysia, saya yakin pencapaian ini bukan hanya kejayaan bagi pihak pengurusan tertinggi JAKIM sahaja, tetapi kerjasama dan komitmen semua agensi-agensi agama Islam seluruhnya. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah buat semua warga JAKIM.

Akhir kata, saya menyeru kepada warga JAKIM agar sentiasa mendukung misi dan visi jabatan dan sentiasa menambah nilai mutu kerja secara produktif dan inovatif.

"Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah"

DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA
Ketua Pengarah JAKIM

INFO Korporat

Peneraju Dalam Membina
Ketamadunan Ummah Yang Unggul

VISI

FUNGSI

Sebagai sebuah agensi utama pengurusan hal ehwal Islam di peringkat persekutuan serta urus setia kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI), Maka JAKIM melaksanakan tiga fungsi utama berikut :

Fungsi 1 : Penggubalan dan Penyeragaman Undang-Undang Syarak
Fungsi 2 : Penyelarasan dan Pentadbiran Islam
Fungsi 3 : Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam

OBJEKTIF

- Memastikan Ajaran Islam Tersebar Luas Kepada Seluruh Masyarakat
- Membentuk Kepimpinan Yang Berwibawa dan Melahirkan Tenaga Pengurusan Yang Terlatih, Berketerampilan, Dedikasi dan Berhikmah
- Menghasilkan Sistem Pengurusan Yang Berteraskan Nilai dan Etika Islam

Mewujudkan Pengurusan Hal Ehwal Islam Yang Cekap dan Berkesan


MISI


PIAGAM PELANGGAN

Jabatan ini berjanji akan melaksanakan tanggungjawab dan memainkan peranan sebagai "agensi pusat" yang unggul dengan memberikan perkhidmatan yang berkualiti dalam pengurusan hal ehwal Islam melalui usaha penyelarasan dan peningkatan mutu perkhidmatan dalam bidang dakwah, penyelidikan, perundangan, latihan, pendidikan serta pembangunan ekonomi dan sosial dengan menyediakan perkhidmatan seperti yang berikut:

- Menyediakan draf undang-undang Islam dalam tempoh enam bulan selepas semua dasar diputuskan.
- Menyediakan hasil penyelidikan dalam bidang akidah, syariah, falak dan muamalat dalam tempoh enam bulan selepas arahan diterima.
- Menyediakan program dakwah secara komprehensif dan melaksanakannya mengikut jadual yang ditetapkan.
- Menerbitkan rancangan agama di radio dan televisyen pada setiap hari menepati waktu, dipersembahkan secara menarik dan mudah difahami.
- Menerbit dan mengedar buku, majalah dan risalah dalam bidang keilmuan Islam mengikut jadual yang ditetapkan.
- Menyiarkan keputusan atau pandangan hukum Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dalam Portal e-Fatwa dalam tempoh satu hari selepas ia disahkan.
- Menyediakan program Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) kepada kanak-kanak Islam berusia enam hingga 12 tahun mengikut kurikulum yang ditetapkan.
- Mengeluarkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia bagi makanan, barangan gunaan dan perkhidmatan logistik bagi permohonan yang memenuhi syarat dalam tempoh 50 hari bekerja selepas permohonan diterima.
- Menyediakan teks khutbah Jumaat pada setiap minggu dan memaparkannya dalam portal Jakim pada setiap hari Rabu.
- Memberi latihan dalam bidang pengurusan hal ehwal Islam mengikut jadual perancangan yang ditetapkan.
- Mengeluarkan surat tawaran kepada calon yang berjaya dalam temuduga pengambilan pelajar baharu Darul Quran dalam tempoh tiga minggu selepas tarikh temuduga.
- Memastikan segala tuntutan yang lengkap diproses dan pembayaran dibuat dalam tempoh 14 hari.
- Mengeluarkan surat sokongan pas lawatan ikhtisas bagi pendakwah dan pelajar warganegara asing dalam tempoh 21 hari bekerja daripada permohonan diterima.

CARTA Organisasi




Ketua Pengarah
Penasihat Undang-undang
Pengarah Kanan (PENGURUSAN)
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
Darul Quran
Hab Halal
Jakim Cawangan Sarawak
Pengurusan Sumber Manusia
Pengurusan Maklumat
Institut Latihan Islam Malaysia
Jakim Cawangan Sabah
Kewangan dan Pembangunan
Khidmat Pengurusan

PENGURUSAN
Tertinggi



DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA
Ketua Pengarah JAKIM



ENCIK MOHD HAMZAH BIN ISMAIL
Penasihat Undang-Undang



TUAN HAJI MOHAMAD NORDIN BIN IBRAHIM
Timbalan Ketua Pengarah
(DASAR)



DATO' HAJI RAZALI SHAHABUDIN
Timbalan Ketua Pengarah
(PEMBANGUNAN INSAN)



TUAN HAJI AWANG KHALID BIN MAT ALI
Pengarah Kanan
(PENGURUSAN)

PENGARAH-PENGARAH
Bahagian



TUAN HAJI MOHAMAD BIN SAARI
Pengarah Bahagian Perancangan & Penyelidikan



HAJJAH RAMLAH BINTI YONG
Pengarah Bahagian Kemajuan Islam



DATO' HAJI ALI BIN MOHAMMED
Pengarah Bahagian Dakwah



HAJJAH SAIMAH BINTI MUKHTAR
Pengarah Bahagian Pembangunan Insan



TUAN HAJI PAIMUZ BIN YAHYA
Pengarah Jabatan Agama Islam W.Persekutuan



ENCIK MAZLAN BIN ABDULLAH
Pengarah Pengurusan Fatwa



TUAN AZIZ BIN HAJI MOHAMAD
Pengarah Bahagian Penyelarasan Undang-Undang



ENCIK SUHAIMI BIN ALI @ AHMAD
Pengarah Bahagian Perhubungan



DATO' HAJI MUSTAPHA KAMAL BIN A. RAZAK
Pengarah Bahagian Media



ENCIK MOHD ZAKUAN BIN SAWAI
Pengarah Bahagian Keluarga, Sosial & Komuniti

PENGARAH-PENGARAH
Bahagian



TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN MOHAMED SALLEH
Pengarah Bahagian Penerbitan



PUAN ZAWANAH BINTI MUHAMAD
Pengarah Darul Quran



HAJJAH PAUZAIYAH BINTI HARON
Pengarah Institut Latihan Islam Malaysia



HAJJAH HAKIMAH BINTI MOHD YUSOFF
Pengarah Bahagian Hub Halal



ENCIK HALIM BIN AHMAD
Pengarah Jakim Cawangan Sabah



TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN JUSOH
Pengarah Jakim Cawangan Sarawak



ENCIK MASRI BIN RAZALI
Pengarah Pengurusan Sumber Manusia



ENCIK MOHD HALIMI BIN IBRAHIM
Pengarah Bahagian Kewangan



TUAN HAJI KAMARUDIN BIN HAJI DOLMAIN
Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat



ENCIK ZAINUDIN BIN SULEIMAN
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

جابتن كماجوان إسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN FATWA

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN FATWA

JAKIM memberikan tumpuan kajiannya dalam bidang akidah, syariah, kawalan media, muamalat, sosio ekonomi, falak syarie dan juga perancangan strategik. Bidang-bidang penyelidikan yang dijalankan oleh bahagian ini semakin mencabar selaras dengan keperluan, tuntutan dan cabaran semasa. Bahagian ini juga bukan sahaja menjalankan penyelidikan bagi memenuhi keperluan jabatan malah hasil kajian yang dijalankan juga menjadi sumber rujukan dan panduan kepada Kerajaan dan masyarakat khususnya berkaitan dengan hal ehwal agama Islam.

SYARIAH

Melaksanakan kajian bidang syariah merangkumi aspek ibadat, hal ehwal keperibadian (ahwal syakhsiyyah), hal ehwal kenegaraan (siyasah syar'iyyah), jenayah (jinayat), sains perubatan, sains pemakanan dan fiqah semasa yang melibatkan hukum syarak bagi mencapai tujuan syariah (maqasid syariah) serta melaksanakan kajian istinbat hukum untuk dirujuk kepada Panel Pakar Syariah dan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Selain itu, menyediakan kaedah dan garis panduan bagi perkara yang melibatkan hukum syarak untuk memberi kefahaman kepada masyarakat. Sepanjang tahun 2013, beberapa aktiviti telah dilaksanakan seperti berikut:

A. Muzakarah Pengurusan Istinbat Hukum

Muzakarah Pengurusan Istinbat Hukum telah menghimpunkan pegawai penyelidik dan pegawai istinbat daripada JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Jabatan Mufti Negeri. Bengkel yang berlangsung pada 6 hingga 7 November 2013 bertempat di Corus Paradise Resort, Port Dickson ini dianjurkan bertujuan membincangkan konsep dan kaedah istinbat hukum khususnya dalam aspek qawa'id usuliyyah. Ia juga menjadi medium perbahasan, pendedahan dan percambahan idea kepada para pegawai penyelidik JAKIM dan Jabatan Mufti berkaitan qawa'id usuliyyah dan dalam masa yang sama menjadi platfom dalam menerokai bidang kajian hukum baru yang menyentuh isu sebenar ummah dan bersifat futuristik tanpa mengenepikan aspek epistemologinya yang berasaskan al-Quran dan al-Hadith.

B. Seminar/Bengkel

1. Bengkel Semakan Garis Panduan Bersukan Bagi Atlet Sukan Olimpik pada 30 Januari 2013 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi;

2. Wacana Pakar Maqasid al-Syariah Siri 1/2013 pada 6 Mac 2013 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi;

3. International Seminar on Usul fiqh (I-SUFI) 2013 dengan kerjasama USIM pada 23 dan 24 Oktober 2013 bertempat di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM; dan



Wacana Pakar Maqasid al-Syariah Siri 1/2013 dengan tema Maqasid al-Syariah Dalam Istinbat Hukum

FALAK

Bidang falak merangkumi aspek pembangunan sistem pengurusan falak, menganalisis data cerapan untuk rujukan Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia bagi penentuan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijjah, menganalisis data piawai falak untuk menyediakan almanak, takwim hijri, hari kebesaran Islam, jadual waktu solat seluruh Malaysia, penentuan arah kiblat, objek samawi dan fenomena alam serta melaksanakan kajian istinbat hukum berkaitan falak untuk dirujuk kepada Panel Pakar Syariah dan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

Kajian Cerapan Hilal, Kecerahan Langit Dan Pembiasan Cahaya Di Ufuk Selepas/Terbenam Matahari

Kajian Cerapan Hilal, Kecerahan Langit dan Pembiasan Cahaya Di Ufuk Selepas Terbenam Matahari bertempat di Kompleks Baitul Hilal Telok Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan. Kajian yang diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Mohd Zambri bin Zainuddin dari Universiti Malaya, turut melibatkan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Jabatan Mufti Negeri Sembilan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia diadakan seperti berikut:

1. 12 dan 13 Januari 2013
2. 11 dan 12 Februari 2013
3. 12 dan1 3 Mac 2013
4. 11 dan 12 April 2013
5. 10 dan 11 Mei 2013
6. 9 dan 10 Jun 2013
7. 6 dan 7 September 2013
8. 4 dan 5 November 2013
9. 3 dan 4 Disember 2013



Kajian Cerapan Hilal, Kecerahan Langit Dan Pembiasan Cahaya Di Ufuk Selepas Terbenam Matahari yang dilaksanakan di Kompleks Baitul Hilal Telok Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Cadangan Pusat Falak Negara

JAKIM merancang untuk menubuhkan Pusat Falak Negara. Bagi tujuan tersebut, beberapa lokasi yang dicadangkan telah dilawati dan dikaji antaranya Tanjung Piandang, Parit Buntar, Perak. Lokasi ini telah dicadangkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perak. Kajian lokasi telah dilaksanakan pada 4 hingga 5 Mac 2013 dengan kerjasama Unit Falak Jabatan Mufti Negeri Perak. Kajian meliputi aspek kesesuaian ufuk barat dan ufuk timur, pencahayaan dan kemudahan logistik.







Gambar semasa kajian lokasi sedang dijalankan di Tanjung Piandang, Parit Buntar, Perak.

Bengkel Pengendalian Peralatan Cerapan dan Astrofoto

JAKIM telah menganjurkan Bengkel Pengendalian Peralatan Cerapan dan Astrofoto pada 3 hingga 5 Julai 2013 bertempat di Woodland Resort, Taman Negara Jerantut, Pahang. Bengkel telah dihadiri oleh wakil Jabatan Mufti Negeri-negeri seluruh Malaysia dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.

Antara kertas kerja yang dibentangkan dalam bengkel berkenaan adalah seperti berikut:

1. Pengoperasian Kamera DSLR Dan Penyambungan ke Teleskop.
2. Pengambilan Sampel Imej Menggunakan Kamera DSLR.
3. Teknik Pengimejan Astrofoto.
4. Teknik Pengimejan Solar.
5. Teknik Pengeditan Imej Astrofoto.
6. Teknik Pengeditan Imej Solar.
7. Teknik Pengimejan Menggunakan CCD.

Peserta juga didedahkan dengan aktiviti amali bagi meningkatkan kemahiran penggunaan peralatan berkenaan.

Munaqasyah Fiqh Falak

JAKIM dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Kelantan telah mengadakan Munaqasyah Fiqh Falak pada 19 hingga 21 November 2013 di Hotel Perdana Kota Bharu Kelantan. Peserta terdiri daripada wakil-wakil Jabatan Mufti Negeri-negeri,Institut Pengajian Tinggi Awam Swasta dan Jabatan Agama Negeri Kelantan.

Enam kertas kerja telah dibentangkan dalam munaqasyah seperti berikut:

1. Gerhana: Di Antara Tanda Kemurkaan Atau Kenikmatan.
2. Semakan Semula Nas Syarak Terhadap Beberapa Waktu Solat di Malaysia.
3. Penentuan Parameter Kedudukan Matahari (19º Untuk Subuh Dan 17º Untuk Isyak) bagi Negeri Kelantan dari Sudut Syarak.
4. Unsur-Unsur dalam Mensabitkan Anak Bulan di Sisi Ulama' Falak.
5. Batu Kiblat, Jam Matahari dan Nilai Astrofiqh dalam Takwim Awam Turki 2013.
6. Isu-isu Falak Pelajar Malaysia di Negara Eropah

AKIDAH

Aspek akidah merupakan fokus utama aktiviti penyelidikan JAKIM kerana ia menjadi teras kepada pegangan agama kepada setiap individu. Penyelidikan akidah JAKIM adalah berteraskan prinsip-prinsip akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai dasar dan pegangan masyarakat Islam di negara ini. Beberapa aktiviti dan program telah dijalankan seperti berikut:

a. Seminar / Bengkel

1. Seminar Mendaulatkan Islam Agama Negara–SEMAIAN (Kerjasama JAKIM dan MUAFAKAT)
2. Bengkel Kajian Al-Ash'ari Dan Al-Asha'irah Di Nusantara Sejarah Dan Terjemahan Teks pada 22-24 Februari 2013, 22-24 Mac 2013,19-21 April 2013, 17-19 Mei 2013;
3. Seminar Pengubatan Islam dan Sihir Kali Pertama Tahun 2013 (dengan kerjasama JHEIKedah) pada 2 Mei 2013 bertempat di Amanpura Hotel, Sungai Petani, Kedah;
4. Seminar Pemantapan Akidah (dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur) pada 21 September 2013 bertempat di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Jalan Semarak, Kuala Lumpur; dan
5. Seminar Kebangsaan Agama (SIGMA) 2013 Kerjasama Dengan USIM pada 28 September 2013 bertempat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan.

b. Makmal Menangani Isu Semasa Akidah

Dua siri Makmal Menangani Isu Semasa Akidah pada tahun 2013 seperti berikut:

1. Makmal Menangani Isu Semasa Akidah Siri 1/2013 pada 23-25 September 2013 bertempat di Mahkota Hotel, Melaka; dan
2. Makmal Menangani Isu Semasa Akidah Siri 2/2013 pada 11-13 Disember 2013 bertempat di Bayview Hotel, Melaka.

c. Panel Pakar Akidah (PPA)

Dalam usaha JAKIM mencapai matlamat

memelihara kemurniaan akidah, satu Panel Penasihat telah ditubuhkan pada 20 Mei 1993. Keahliannya terdiri daripada para ulama, ahli akademik dan wakil daripada beberapa agensi yang berkaitan. Pada masa ini panel ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Wan Zahidi bin Wan Teh, Mantan Mufti Wilayah Persekutuan. Sepanjang tahun 2013, Seksyen Akidah telah berjaya melaksanakan dua mesyuarat Panel Pakar Akidah seperti berikut:-

1. Mesyuarat Panel Pakar Akidah kali ke-46 pada 3-4 Jun 2013 bertempat di Palm Garden Resort, Putrajaya ; dan

2. Mesyuarat Panel Pakar Akidah Kali Ke-47 pada 6-8 November 2013 bertempat di Mines Wellness Hotel, Seri Kembangan, Selangor.

d. Jawatankuasa Pemandu Menangani Ajaran Sesat Peringkat Kebangsaan (JAPAS)

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan ahli-ahlinya yang terdiri daripada Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, wakil daripada Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Penasihat Undang-Undang JAKIM , Pengarah Bahagian Dakwah, Pengarah Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat, Pengarah Bahagian Media dan Pengarah Bahagian Penerbitan, Pengarah Bahagian Perancangan & Penyelidikan JAKIM bertindak sebagai Setiausaha. Jawatankuasa ini berfungsi menyelaras tujuan, strategi dan tindakan menangani ajaran sesat, menilai kaedah yang sesuai untuk tindakan sewajarnya, mengadakan garis panduan umum bagi tindakan susulan ke atas masalah berkaitan dengan aqidah umat Islam secara berkesan, serta membuat perakuan dan rumusan terhadap isu yang dikemukakan dari semasa ke semasa. Pada tahun 2013, Mesyuarat JAPAS telah diadakan pada 9 Julai 2013 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, Selangor.

e. Jawatankuasa Penyelarasan Penyelidikan Islam Kebangsaan (JAPPIS)

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Ahli-ahlinya terdiri daripada Ketua Penolong Pengarah Penyelidikan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri, Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Dalam Negeri, Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT), Kementerian Pendidikan Malaysia, Penasihat Undang-Undang, Pengarah Bahagian Dakwah, dan Pengarah Bahagian Penyelarasan Undang-Undang . Jawatankuasa ini berfungsi merancang tindakan kerjasama dan pelan tindakan penyelidikan dalam bidang-bidang yang disepekati serta menyelaras hasil dapatan penyelidikan di peringkat pusat bersama pihak berkuasa agama negeri. Dua siri mesyuarat JAPPIS iaitu Mesyuarat JAPPIS Kali Ke-30 pada 29-30 Mei 2013 bertempat di Corus Paradise Hotel, Port Dickson, Negeri Sembilan; dan Mesyuarat JAPPIS Kali Ke-31 pada 13-15 November 2013 bertempat di Holiday Villa City Centre, Alor Setar, Kedah.

MUAMALAT

Kajian dan Penyelidikan Muamalat

Selaras dengan keperluan semasa, beberapa kajian mengenai muamalat telah dilaksanakan dengan matlamat supaya prinsip muamalat Islam dapat diguna pakai dalam masyarakat. Antara kajian dan penyelidikan yang dijalankan:

1. Pembelian Saham di Bank Secara Online Melalui Broker
2. Perniagaan (Jual Beli Barangan) Secara Online Melalui Internet
3. Kajian Pemantauan Portal e-Muamalat JAKIM
4. Kajian Penggunaan Produk Perbankan Islam di Kalangan Umat Islam, Kajian Perbankan Konvensional.
5. Kajian berkaitan produk-produk kewangan dan ekonomi Islam di institusi perbankan dan kewangan Islam.
6. Kajian tahap kepuasan pelanggan terhadap produk perbankan Islam di Malaysia seperti pembiayaan peribadi, perumahan, kenderaan, takaful dan sebagainya.
7. Kajian Keperluan Akta Berkenaan Muamalat dan Penguatkuasaannya: Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

8. Kajian Terhadap Pelaksanaan Khairat Kematian oleh masjid seluruh Negara
9. Kajian Sistem Percukaian dalam Islam
10. Kajian Sistem Belanjawan Menurut Islam
11. Kajian Skim Musyarakah Mutanasiqah Koperasi Ukhwah
12. Kajian Aduan Awam Sepanjang 2013
13. Kajian Penerimaan OKU sebagai Asnaf Zakat
14. Kajian Harta Al-Mafqud

Muzakarah Ahli-Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan Di Malaysia

Muzakarah anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) merupakan program tahunan sejak daripada tahun 2004. Tahun ini, penganjuran Muzakarah masih mengekalkan konsep kerjasama dengan Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) dan Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA) . Muzakarah ini diadakan pada 14 Mei 2013 bertempat di Dewan A1, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya. Tujuan muzakarah diadakan adalah bagi mencapai objektif berikut :

1. Meningkatkan kerjasama dan penyelarasan di peringkat kebangsaan dalam bidang Syariah dan mencapai harmonisasi Syariah dalam sektor kewangan Islam;
2. Membincangkan tajuk-tajuk terpilih berkaitan isu-isu Syariah yang relevan dalam kewangan Islam di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta berkongsi ilmu dan pengalaman dalam mencari penyelesaian terhadap isu-isu Syariah .
3. Mendapatkan cadangan dan pandangan, strategi-strategi berkesan serta pandangan bernas dan realistik sebagai input dalam usaha JAKIM membantu negara untuk muncul sebagai pusat kewangan Islam di peringkat antarabangsa.

Muzakarah pada kali ini mengekalkan tema "Memartabatkan Muamalah Islam Demi Kesejahteraan Ummah" dan memfokuskan tajuk berkaitan "Tadbir Urus Pematuhan Syariah Secara Holistik". Senarai kertas kerja seperti berikut:

1. Kertas Kerja pertama "Urus Tadbir Pematuhan Syariah Dalam Perbankan Islam dan Takaful: Kekuatan, Cabaran dan Masa Depan" oleh YBhg. Tuan Haji Rustam bin Mohd Idris, Timbalan Pengarah, Jabatan Perbankan Islam dan Takaful, Bank Negara Malaysia.
2. Kertas Kerja kedua "Tadbir Urus Syariah Dalam Pasaran Modal Islam: Rangka Kerja dan Aplikasi" dibentangkan oleh YBhg. Dr. Md. Nurdin Ngadimon, Wakil Suruhanjaya Sekuriti (SC).
3. Kertas Kerja ketiga "Urus Tadbir Pematuhan Syariah Dalam Industri Yang Tidak Dikawal Selia: Isu-isu Dan Cabaran" oleh YBhg. Dr. Zaharuddin bin Abdul Rahman daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
4. Kertas Kerja keempat "Urus Tadbir Pematuhan Syariah Dalam Industri Halal: Kekuatan, Cabaran dan Masa Depan" oleh YBhg. Encik Jafri bin Abdullah daripada Bahagian Hab Halal, JAKIM .



Barisan Tetamu Kehormat Semasa Muzakarah Sedang Berlangsung.



YBhg. Tuan Haji Rustam bin Mohd Idris, (Pembentang kertas kerja pertama) Timbalan Pengarah, Jabatan Perbankan Islam dan Takaful, Bank Negara Malaysia, menerima cenderamata kenang-kenangan dari Dato' Ketua Pengarah JAKIM



Pandangan dalam dewan sepanjang Muzakarah

Wacana Pakar Kewangan Islam

JAKIM telah mengadakan Wacana Pakar Kewangan Islam: Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Sesi perbincangan ini dikendalikan oleh dua orang wakil Bank Negara Malaysia (BNM) Tuan Haji Rustam Mohd Idris (Timbalan Pengarah, Jabatan Perbankan Islam dan Takaful) dan Puan Nurul Izza Idris (Pengurus, Pembangunan Infrastruktur Kewangan, Jabatan Perbankan Islam dan Takaful).

Sepanjang wacana ini berlangsung, pihak BNM telah memberikan penerangan mengenai struktur akta perkhidmatan kewangan Islam yang baru dan juga turut disusuli beberapa persoalan yang berkaitan dengannya. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 merupakan akta baru yang telah memansuhkan akta-akta perbankan yang lalu.

Portal e-Muamalat

Portal e-Muamalat ini dibangunkan khusus untuk memuatkan perbahasan-perbahasan fiqh muamalat di samping menjadi tempat rujukan berautoriti bagi umat Islam negara ini menjawab isu dan permasalahan semasa yang berlegar di dalam masyarakat khususnya yang melibatkan penentuan hukum hakam dalam bidang kewangan, kontrak, perniagaan dan sebagainya.

Secara umumya, banyak penambahbaikan dan kemaskini telah dibuat ke atas portal e- Muamalat sama ada pada menu, kandungan dan aplikasi bagi menjadikannya lebih menarik dan memenuhi kehendak pengunjung. Portal e-Muamalat dari bulan Januari sehingga Disember 2013 telah memuatkan 163 petikan akhbar, 12 Soalan-Soalan Lazim (FAQ), 6 Berita, 6 banner, 2 video serta 11 harga emas, 1 Garis Panduan MLM Bil.1/2013 dan bahan-bahan koleksi sedia ada seperti yang dimuatnaik sebelum ini.

Bagi jumlah pengunjung/pelayar portal e-Muamalat pula sebagaimana yang telah direkodkan oleh google analytics bermula Januari hingga Disember adalah seramai 120,684 pelayar, dengan purata sebulan sebanyak 10,057 pengunjung berbanding 110,456 pengunjung bagi tahun 2012.

KAJIAN MEDIA

Fungsi utama Unit Kajian Media, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, JAKIM adalah menjalankan kajian terhadap bahan penerbitan berunsur Islam yang disalurkan melalui tiga media utama iaitu media cetak, media elektronik dan media baharu seperti buku-buku, majalah, manuskrip, laman web/blog dan bahan audio visual, pertubuhan/individu dan bahan gunaan yang dirujuk oleh pihak-pihak yang berkaitan. Selain itu, Unit Kajian Media diberi tanggungjawab membuat kajian terhadap trend penyebaran bahan penerbitan berunsur Islam dan pengaruhnya terhadap akidah umat Islam. Unit ini juga turut terlibat dalam membuat pemantauan terhadap bahan penerbitan berunsur Islam yang disebarkan di pasaran.

Pemantauan Bahan-Bahan Penerbitan Berunsur Islam Dan Bahan Gunaan Orang Islam

Selain membuat kajian dan semakan terhadap bahan penerbitan, Unit Kajian Media juga turut membuat pemantauan terhadap penyebaran buku-buku berunsur Islam di pasaran. Tujuan pemantauan ini adalah untuk memastikan premis-premis dan kedai-kedai tidak menjual buku- buku berunsur Islam yang telah diwartakan Perintah Larangan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Pemantauan ini dilakukan dalam tiga bentuk iaitu:

1. Pemantauan Bersepadu
2. Pemantauan Berkala
3. Pemantauan Berdasarkan Aduan

Program Demonstrasi Pelupusan Al-Quran

Selain membuat kajian berkaitan media Unit Kajian Media juga turut terlibat dalam menilai peralatan pelupusan al-Quran. Unit Kajian Media, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah terlibat dalam menilai peralatan pelupusan al-Quran yang diperkenalkan oleh Kumpulan Inovasi Kreatif Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) melalui demontrasi perlupusan al-Quran pada 7 Oktober 2013 bersamaan 2 Zulhijjah 1434Hdi perkarangan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin Putrajaya.

Alat Pelupusan al-Quran ini diperkenalkan bertujuan untuk mengurangkan kos yang tinggi sebelum ini, sekaligus dapat memartabatkan keagungan al-Quran melalui proses pelupusan secara teratur dan sistematik mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan mengikut syariat disamping menjaga kesucian al-Quran diatas prinsip-prinsip seperti berikut:


1. Menjaga Akidah Umat Islam
2. Memenuhi Tuntutan Fardhu Kifayah
3. Menerapkan Kerja Pelupusan Sebagai Ibadah
4. Menjaga Kesucian dan Kemulian al-Quran dan Hadith
5. Mengurangkan Kos Pelupusan Yang Tinggi
6. Selaras dengan Keputusan Lujnah Fatwa Negeri Johor .

PERANCANGAN STRATEGIK

Bengkel Sasaran Kerja Strategik (SKS) JAKIM : Kajian Penilaian Setengah Tahun dan Akhir Tahun 2013 Serta Perancangan Tahun 2014

Bengkel Sasaran Kerja Strategik JAKIM merupakan mesyuarat dwitahunan yang membincangkan pencapaian Pelan Tindakan Strategik JAKIM 2009-2014 bagi tahun semasa dan merancang program JAKIM bagi tahun yang akan datang. Bengkel ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM , Dato' Haji Othman bin Mustapha dan dianggotai oleh semua Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Kanan JAKIM .

Bengkel SKS JAKIM (Kajian Penilaian Setengah Tahun 2013) telah diadakan pada 15 hingga 17 Julai 2013 di Dewan Sheikh Daud Al-Fathoni, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya. Manakala Bengkel SKS JAKIM (Penilaian 2013 dan Perancangan 2014) pula telah diadakan pada 16 hingga 18 Disember 2013 di Hotel Mahkota, Melaka.



Carta 2: Pencapaian keseluruhan SKS JAKIM sehingga tahun 2013

TERAS STRATEGIK	JUMLAH PROGRAM	STATUS PELAKSANAAN		
		TELAH LAKSANA	SEDANG DILAKSANA	TIDAK DILAKSANAKAN
Teras 1	42	28	13	1
Teras 2	53	37	13	3
Teras 3	20	18	2	0
Teras 4	37	22	10	5
Teras 5	91	64	24	3
Teras 6	15	6	8	1
JUMLAH/ PERATUS	258	175 (68%)	70 (27%)	13 (5%)

Jadual 1: Pelaksanaan Program SKS mengikut Teras



YBhg. Dato' Ketua Pengarah menyampaikan perutusan



Pembentangan Rumusan Pencapaian SKS 2013 oleh Ketua Penolong Pengarah Cawangan Perancangan Strategik

Key Performance Indicators JAKIM

KPI merupakan satu sistem pengukuran yang mudah dan berkesan bagi membantu sesebuah organisasi menjelaskan dan mengawal tahap kemajuan sesuatu proses perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan selaras dengan misi dan visi sesebuah organisasi.

Selaras dengan fungsi yang diberi, Seksyen Perancangan Strategik bertanggungjawab memantau pencapaian KPI Bahagian-bahagian di JAKIM dan KPI JAKIM kepada YB Menteri (MKPI) dari semasa ke semasa. Terdapat empat KPI JAKIM kepada YB Menteri bagi tahun 2013 dan kesemuanya mencapai 100 peratus sasaran yang ditetapkan.

BIL.	KPI	SASARAN TAHUNAN
1.	Melaksanakan Latihan Kemahiran Kepada Guru KAFA dan Guru Sekolah Agama Negeri/Sekolah Agama Rakyat	2000 orang
2.	Menyiapkan pembangunan sistem e-Jawab dan Sistem aplikasi siap sistem permohonan perkahwinan secara online dibangunkan	
3.	Menghantar rombongan silaturrahim ke perkampungan orang Asli serta pedalaman Sabah dan Sarawak	300 orang
4.	Jumlah peserta dalam program dialog silang dengan melibatkan NGO	4000 orang agama

Jadual 2: Key Performance Indicators (KPI) JAKIM

PENGURUSAN FATWA

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI
Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI dan program ilmiah seumpama dengannya telah bersidang sebannyak 5 kali sepanjang tahun 2013 iaitu;

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali ke-103
Tarikh : 18-20 Februari 2013
Lokasi : Kinta Riverfront Hotel & Suites, Ipoh Perak

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa MKI Bincang Isu Shisha
Tarikh : 17 Jul 2013
Lokasi : Hotel Sama-Sama KLIA

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-104
Tarikh : 4 Sep 2013
Lokasi : Le Meridien Kota Kinabalu Sabah

Pengerusi melahirkan kebimbangan apabila pandangan hukum/ fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berautoriti dipertikai di media-media hingga menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat .Oleh itu pandangan hukum /fatwa yang yang dikeluarkan secara jamaie berdasarkan nas-nas syara' dan ketetapan jumhur ulama' terus dipertahankan dalam menghadapi perbahasan semborono oleh pihak-pihak tertentu.

Pandangan hukum/ fatwa yang telah diputuskan sepanjang tahun 2013 antara lainnya ialah:

i. Status hasil caj abstraksi sumber air Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) daripada syarikat yang menjalankan aktivti Operasi Harian tidak halal.
ii. Hukum pemakaian pakaian tentera yang mempunya kalimah Allah dan Muhammad terhadap mayat bukan Islam dalam upacara pengkebumian.
iii. Hukum Penggunaan dakwah kekal (Indelible Ink) dalam proses pengundian oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)
iv. Hukum Shisha menurut pandangan syara' dan hukum penggunaaan Vaksin Menigitis Menveo.

Perbincangan Meja Bulat
Tarikh : 13 Mei 2013
Lokasi : Hotel Sama Sama, KLIA, Sepang.



Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali ke-103



Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa MKI Bincang Isu Shisha

PERSIDANGAN, MESYUARAT, BENGKEL DAN DIALOG FATWA

Dialog Intelektual Fatwa (DIF) kali ke 3- Suburkan "Hayatul 'Ilmi Bil Muzakarah"

Tarikh : 5-7 Mac 2013
Lokasi : Sunway Putra Kuala Lumpur
Pengerusi : Pengerusi Jawatankuasa FatwaMKI Prof Emiritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor bin Haji Husin
Isu : Enam kertas kerja yang memfokuskan perbincangan istihalah dari aspek feqah dan kajian saintifik telah dibentangkan dan dibahaskan oleh para ilmuan bagi mencari pencerahan dalam isu istihalah iaitu;

i. Konsep Istihalah dan hubungannya Dalam Penentuan hukum Makanan
Oleh: Prof. Madya Dr. Anisah binti Ab. Ghani (Universiti Malaya)

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI
Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI dan program ilmiah seumpama dengannya telah bersidang sebannyak 5 kali sepanjang tahun 2013 iaitu;

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali ke-103
Tarikh : 18-20 Februari 2013
Lokasi : Kinta Riverfront Hotel & Suites, Ipoh Perak

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa MKI Bincang Isu Shisha
Tarikh : 17 Jul 2013
Lokasi : Hotel Sama-Sama KLIA

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-104
Tarikh : 4 Sep 2013
Lokasi : Le Meridien Kota Kinabalu Sabah

Pengerusi melahirkan kebimbangan apabila pandangan hukum/ fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berautoriti dipertikai di media-media hingga menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat .Oleh itu pandangan hukum /fatwa yang yang dikeluarkan secara jamaie berdasarkan nas-nas syara' dan ketetapan jumhur ulama' terus dipertahankan dalam menghadapi perbahasan semborono oleh pihak-pihak tertentu.

Pandangan hukum/ fatwa yang telah diputuskan sepanjang tahun 2013 antara lainnya ialah:

i. Status hasil caj abstraksi sumber air Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) daripada syarikat yang menjalankan aktivti Operasi Harian tidak halal.
ii. Hukum pemakaian pakaian tentera yang mempunya kalimah Allah dan Muhammad terhadap mayat bukan Islam dalam upacara pengkebumian.
iii. Hukum Penggunaan dakwah kekal (Indelible Ink) dalam proses pengundian oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)
iv. Hukum Shisha menurut pandangan syara' dan hukum penggunaaan Vaksin Menigitis Menveo.

BIL	PROGRAM PERTEMUAN	TARIKH DAN TEMPAT
1.	Jawatan Kuasa Fatwa MKI dengan YAB PM	27 Jun 2013 Pejabat Perdana Menteri
2.	Jawatan Kuasa Fatwa MKI dengan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri	6 Jun 2013 Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
3.	Jawatankuasa Fatwa MKI menghadap TYT Sabah	3 September 2013 Istana Negeri Kota Kinabalu Sabah
4.	Pengerusi Jawatan Kuasa Fatwa MKI	27 Mei 2013 ke Pusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi, UTM
5.	Pengerusi Jawatan Kuasa Fatwa MKI	24 Jun 2013 Ke Bank Negara Malaysia
6.	Pengerusi Jawatan Kuasa Fatwa MKI	29 Ogos 2013 Ke Jabatan Pendaftaran Negara
7.	Pengerusi Jawatankuasa Fatwa MKI	3 Oktober 2013 Ke Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
8.	Majlis Jamuan Meraikan Imam Masjid Nabawi	23 April 2013 Di Restoran al-Rawsha, Kg. Pandan
9.	Majlis Sambutan Minggu Imunisasi Peringkat Kebangsaan 2013	Kementerian Kesihatan, Parcel E, Putrajaya



feqah dan kajian saintifik telah dibentangkan dan dibahaskan oleh para ilmuan bagi mencari pencerahan dalam isu istihalah iaitu;

i. Konsep Istihalah dan hubungannya Dalam Penentuan hukum Makanan
Oleh: Prof. Madya Dr. Anisah binti Ab. Ghani (Universiti Malaya)
ii. Aplikasi Al-Intiqal Dalam Produk Berasaskan Makanan
Oleh: En. Dzulkifli bin Mat Hashim (Universiti Putra Malaysia)

Bil	PROGRAM KUNJUNGAN DAN LAWATAN	TARIKH DAN TEMPAT
1.	Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM	18 Januari 2013 Ke Institut Penyelidikan dan Pengurusan Fatwa Sedunia (INFAD) USIM
2.	Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM	21 Januari 2013 Ke Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan
3.	Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM	25 Februari 2013 Ke Jabatan Mufti Negeri Selangor
4.	Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM	4 April 2013 ke Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan
5.	Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM	24 April 2013 Fakulti Pengajian Islam UKM
6.	Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM	13 Jun 2013 Ke Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam UM
7.	Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM	21 Oktober 2013 Kepada Mufti Terengganu.

Perbincangan Meja Bulat
Tarikh : 13 Mei 2013
Lokasi : Hotel Sama Sama, KLIA, Sepang.

Persidangan, Mesyuarat, Bengkel dan Dialog Fatwa

Dialog Intelektual Fatwa (DIF) kali ke 3- Suburkan "Hayatul 'Ilmi Bil Muzakarah"
Tarikh : 5-7 Mac 2013
Lokasi : Sunway Putra Kuala Lumpur
Pengerusi : Pengerusi Jawatankuasa Fatwa MKI Prof Emiritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor bin Haji Husin
Isu : Enam kertas kerja yang memfokuskan perbincangan istihalah dari aspek

iii. Kerangka Konsep Istihalah dan Istihlak Dalam Penyelesaian Hukum: Kajian Terhadap Khamar
Oleh :Dr. Arieff Salleh bin Rosman (Universiti Teknologi Malaysia)

iv. Menangani Pemasalahan Hukum Berasaskan Babi Yang dicampur Dalam Makanan Dan Bahan Gunaan: Pengalaman Jabatan Mufti Negara Brunei
Oleh : Awang Haji Mas Reduan Bin Haji Jumat (Jabatan Mufti Brunei)

v. Kaedah Istihalah: Perspektif Feqah dan Parameter Pengaplikasian
Oleh : Tuan Hj. Lokmanulhakim bin Hussain (ISRA/ Panel Pemikir Fatwa JAKIM)

vi. Penggunaan Qaedah Istihalah Dari Sudut Maslahah dan Mafsadah Kepada Umat Islam Oleh : Dato' Seri As-Syeikh Hj. Nooh bin Gadot Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor

Pertemuan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Dengan TYT Sabah, Perdana Menteri dan YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Agensi Penyelidikan.

Pertemuan yang dilaksanakan adalah penting bagi memaklumkan fungsi dan kedudukan Jawatankuasa Fatwa MKI disamping menyampaikan isu-isu penting berkaitan isu-isu kefatwaan semasa. Pertemuan dengan agensi-agensi lain pula ada yang berbentuk perbincangan dalam bidang penyelidikan hukum dan ada yang berbentuk kepada penyelesaian masalah yang timbul berkaitan fatwa.

Program pertemuan, kunjungan serta majlis-majlis sambutan yang disertai oleh Pengerusi Jawatankuasa Fatwa MKI Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor bin Hj. Husin di sepanjang tahun 2013 adalah seperti jadual berikut;

Felo Fatwa

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah mengambil inisiatif mewujudkan Felo Fatwa. Ia sebagai medium atau platform bagi memperjelaskan isu-isu hukum yang bersifat segera dan semasa dalam media baru. Malahan membimbing masyarakat dengan pandangan hukum yang disepakati ulama secara atas talian, bersemuka dan penulisan.


Felo yang dilantik adalah YBhg. Haji Lokmanulhakim bin Hussain berkepakaran dalam bidang syariah dari Shariah Research Academy For Islamic Finance (ISRA). Beliau berkelulusan Sarjana Syariah (Fiqh) daripada Universiti Islam Madinah. Felo kedua ialah Dr. Mohd. Farid bin Mohd Shahran yang merupakan Felo Kanan di Institut kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan berkelulusan PhD dalam bidang akidah dan pemikiran Islam daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Felo ketiga pula ialah Dr. Arieff Salleh bin Rosman dari Cfirst Universiti Teknologi Malaysia berkelulusan PhD dari Universiti Teknologi Malaysia. Majlis Penyerahan Surat Pelantikan Felo Fatwa tersebut disampaikan oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri di JAKIM.

Felo Fatwa yang dilantik juga telah menulis 39 artikel di sepanjang 3 bulan pertama tempoh pelantikan. Artikel tersebut berbentuk isu semasa dari sudut aqidah mahupun syariah dan dipaparkan di blog Fatwa Malaysia.

Portal e-Fatwa

Portal e-Fatwa menurut jadual di bawah secara keseluruhannya stabil pada sepanjang tahun kecuali pada pertengahan tahun iaitu antara Bulan Mei dan Jun. Walau bagaimanapun berlaku peningkatan kunjungan sehingga mencecah 145,322 pengunjung di sepanjang bulan Disember. Perkara tersebut disebabkan usaha menaik taraf Portal JAKIM melalui penyampaian yang lebih cekap dan cepat menerusi laman facebook, e-mel, blog dan twitter. Contohnya laman facebook Fatwa Malaysia telah memaparkan 73 isu termasuk 16 berita sepanjang 3 bulan pertama ia dicipta.





جابتن كماجوان إسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

JAKIM



MANIFESTASI DAKWAH DALAM MASYARAKAT

MANIFESTASI DAKWAH DALAM MASYARAKAT


Media Penyiaran


JAKIM bertanggungjawab melaksanakan dakwah melalui media elektronik dan media baru dengan menerbitkan rancangan agama radio dan tv setiap hari menepati waktu yang ditetapkan dan dipersembahkan secara menarik dan mudah difahami.

JAKIM melalui Bahagian Media menerbitkan 22 rancangan di TV 1 dan 4 rancangan di TV 2 dalam bahasa Tamil dan Mandarin. Manakala Unit Radio menerbitkan lebih 100 rancangan harian dan mingguan termasuk pelbagai bahasa seperti bahasa Tamil, Mandarin, Inggeris dan bebarapa bahasa kaum suku bumiputera seperti bahasa Temuan, Jakun dan Temiar.

Radio rasmi JAKIM, Salam FM bersiaran dari jam 10 malam hingga 8 pagi dan mempunyai pendengar setianya sendiri. Manakala radio internet Salamfm.net disiarkan 24 jam setiap hari. JAKIM juga mempunyai kerjasama dengan stesen radio swasta seperti radio IKIM.

Rating kedudukan rancangan agama terbitan JAKIM mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penonton dan pendengar meliputi seluruh lapisan masyarakat, sekali gus membuktikan JAKIM telah berjaya melaksanakan tanggungjawab menyampai dakwah merentasi sempadan bangsa, bahasa dan sempadan budaya ke seluruh pelusuk negara.





Antara program terbitan JAKIM ialah sebagaimana jadual berikut :

RANCANGAN TV

BIL	RANCANGAN	HARI/MASA	SALURAN
1 .	Jejak Ulama	Isnin / 6.30 ptg	TV1
2 .	Sajian Sunnah	Rabu / 6.30 ptg	TV1
3 .	Rahmat Kasih	Khamis / 6.30 ptg	TV1
4 .	Forum Perdana Ehwal Islam	Khamis / 9.00 mlm	TV1
5 .	Fikrah	Jumaat / 9.30 pagi	TV1
6 .	Sirah	Khamis / 6.00 pagi	TV1
7 .	Solat Jumaat	Jumaat / 1.00 tghari	TV1
8 .	Tilawah Interaktif	Jumaat / 3.00 ptg	TV1
9 .	Santai Bersama	Jumaat / 6.30 ptg	TV1
10 .	Surah Pilihan	Sabtu / 6.00 pagi	TV1
11 .	Anda Musykil	Jumaat -Ahad/ 6.30 pagi	TV1
12 .	Ta'alim	Jumaat / 6.00 pagi	TV1
13 .	Persada Jurnal	Ahad / 6.30 ptg	TV1
14 .	Nasyid TV	Jumaat / 6.00 pagi	TV2
15 .	Hikmah	Jumaat / 11.00 pagi	TV2
16 .	Qudwah	Jumaat / 11.30 pagi	TV2

RADIO SALAM FM

BIL	RANCANGAN	HARI/MASA	DURASI
1 .	Kuliah Subuh	Isnin – Khamis / 6.30 Pagi	30 minit
2 .	Motivasi Pagi	Isnin – Jumaat / 7.20 Pagi	5 minit
3 .	Renungan	Setiap hari / Slps Waktu Solat	5 minit
4 .	Al-Quran Dan Terjemahan	Setiap hari /11.10 Mlm	10 minit
5 .	Tadarus Al-Quran	Setiap hari /2.00 Pagi	1 jam
6 .	Tarannum Al- Quran	Setiap hari / 5.15 Pagi	10 minit
7 .	Glosari Islam	4 X setiap hari	1 minit
8 .	Jadual Waktu Solat Harian (Bahan)	Setiap hari	5 minit
9 .	Keluarga Bahagia	Ahad / 7.20 pagi	35 minit
10 .	D'sayang	11.15 mlm (Sabtu)	15 minit
11 .	Minda Intelek	12.15 tghmlm (Rabu)	30 minit
12 .	Salam Seni	11.20 Mlm (Khamis)	40 minit
13 .	Salam Insani	12.15 Tghmlm (Khamis)	30 minit
14 .	Baca Kitab	12.15 Tghmlm (Selasa)	15 minit
15 .	Sains Hadith	4.15 Pagi (Isnin)	15 minit
16 .	Salam Muhawarah	11.20 Mlm (Ahad)	35 minit
17.	Muamalat	12.15 Tghmlm (Isnin)	15 Minit
18.	Koleksi Fatwa	4.45 (Khamis)	15 Minit
19.	Salam Tilawah	11.30 Mlm (Jumaat)	1 Jam
20.	Salam Kampus	11.30 Mlm (Isnin)	15 Minit
21.	Fiqul Sirah	12.15 Tghmlm (Ahad)	15 Minit
22.	Lughatul Jannah	7.20 Pagi (Sabtu)	15 Minit




HADIS 40



MEDIA CETAK


Bahan Bacaan Terbitan JAKIM

JAKIM memainkan peranan penting dalam penyebaran dakwah melalui pelbagai saluran. Antaranya bidang nya ialah dakwah bil hal, penyiaran, pendidikan, modal insan dan juga melalui terbitan buku-buku dan majalah-majalah khas. Antara yang telah diterbitkan oleh JAKIM ialah :

Bil	Kategori Bahan Terbitan	Tajuk
1	**Buku**	-Diskusi Isu Akidah dan Pemikiran Semasa
2	**Majalah**	-Majalah Pendidik -Majalah Cahaya -Majalah Sinar Rohani
3	**Buletin**	-Buletin Harian Tilawah sempena Majlis Tilawah Al-Quran peringkat antarabangsa.
4	**Risalah Khas**	-Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah -Soal Jawab Isu Syiah di Malaysia
5	**Risalah Yassin**	-Sempena Hari Keputraan DYM SPB Yang Di-Pertua Agong -Sempena Hari Pahlawan.
6	**Buku Braille**	-Istilah Terhadap Beberapa penyelewengan dalam Tariqat -Penjelasan Ciri-Ciri Ajaran Sesat -Penjelasan Terhadap Fahaman Syiah -Bahaya Anti Mazhab -Garis Panduan Ibadat Korban Menurut Islam -Garis Panduan Pengurusan Saudara Muslim Muallaf -Garis Panduan Perbomohan Menurut Islam -Panduan Puasa Ramadhan -Panduan Tatatertib di Masjid









Promosi Bahan Terbitan JAKIM dan Jualan Luar Pejabat


JAKIM melalui Bahagian Penerbitan aktif menjelajah ke seluruh Negara dalam mempromosikan buku-buku terbitan JAKIM sepanjang 2013, Unit Promosi menjalankan akiviti memperkenalkan buku-buku bagi menggalakkan rakyat menambah minat membaca dan menambah nilai penghayatan Islam melalui pembacaan buku-buku bebentuk Islamik.

BIL.	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
1.	5 Mac 2013	Pameran sempena Majlis Perhimpunan Perdana Ulama'-Umara'+Asnaf bersama YAB PM	Stadium Putra, Bukit Jalil.
2.	7 – 9 Mac 2013	Pameran sempena Program Jelajah Komuniti 2013	Felda Teloi Kanan, Baling, Kedah.
3.	26 April – 5 Mei 2013	Pameran & Jualan Buku sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2013	Legar Putra, PWTC, KL.
4.	14 – 19 Mei 2013	Pameran sempena Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2013	Stadium Paroi, Seremban.
5.	25 Mei 2013	Pameran Program Pendidikan Pencegahan Dadah 2013	Foyer Auditorium Kompleks Perdanasiswa, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
6.	3 – 4 Jun 2013	Pameran sempena Persidangan Tahunan PUSPANITA Kebangsaan Kali Pertama	Dewan Banquet, Hotel Istana, KL
7.	17 - 19 Jun 2013	Pameran sempena Karnival Kerajaan Elektronik dan Inovasi Kerajaan Negeri Kelantan 2013 (Keik 2013)	KB Mall, Kota Bharu, Kelantan.
8.	29 Jun - 6 Julai 2013	Pameran sempena Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-55 Tahun 1434H/ 2013	Dewan Merdeka, PWTC, KL.
9.	6 Sept 2013	Jualan buku di Masjid Putra	Putrajaya
10.	9-10 Sept 2013	Jualan buku di UKM	UKM, Bangi
11.	27 Sept – 6 Okt 2013	Ekspo Buku Islam Pahang	Kuantan Parade, Pahang
12.	13-14 Nov 2013	Jualan buku sempena Konvensyen Hisbah Negara Peringkat Kebangsan	Maktab PDRM, Cheras, KL
13.	20 Nov 2013	Jualan Buku sempena Forum Hak Asasi Sejagat	Hotel Marriot Putrajaya
14.	30 Nov 2013	Jualan buku sempena Kolokium Fiqh Dakwah Media Baru	ILIM Bangi
15.	20 Disember 2013	Jualan buku sempena Seminar Keluarga anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komuniti	MPIC, Presint 2, Putrajaya

PERPUSTAKAAN AWAM ISLAM (PAI)

PAI terletak di Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur menyediakan perkhidmatan dan sumber rujukan mengenai Islam kepada orang awam. Sehingga tahun 2013, PAI mempunyai 133,799 naskah koleksi bahan rujukan.


Carta 1 : Koleksi Perpustakaan PAI



Pengguna Perpustakaan

Jumlah pengguna perpustakaan PAI bagi tahun 2013 adalah seramai 5,877 orang. Butiran terperinci adalah seperti berikut : -

Carta 2: Statistik Pengguna PAI




Pinjaman Bahan Perpustakaan

Jumlah permohonan pinjaman bahan sepanjang tahun 2013 adalah sebanyak 1,083 pinjaman.

Pertanyaan Rujukan

Perpustakaan menerima sebanyak 617 pertanyaan rujukan sepanjang tahun 2013.
Carta statistik pencapaian perkhidmatan perpustakaan bagi tahun 2013 adalah seperti berikut:

Carta 2: Statistik Perkhidmatan PAI bagi tahun 2013



Jenis Bahan yang dirujuk

(a) Koleksi Umum


Sebanyak 2,866 naskah bahan umum dirujuk oleh pengguna perpustakaan sepanjang tahun 2013.

(b) Koleksi Arab

Sebanyak 752 naskah bahan umum dirujuk oleh pengguna perpustakaan sepanjang tahun 2013.

Berikut adalah carta statistik buku dirujuk di PAI bagi tahun 2013.

Carta 2: Statistik Pengguna PAI



Jenis Bahan yang dirujuk

(a) Koleksi Umum
Sebanyak 2,866 naskah bahan umum dirujuk oleh pengguna perpustakaan sepanjang tahun 2013.

(b) Koleksi Arab
Sebanyak 752 naskah bahan umum dirujuk oleh pengguna perpustakaan sepanjang tahun 2013.

MEDIA BAHARU

MyJAKIM - Aplikasi Islam Untuk Telefon Pintar

MyJAKIM adalah salah satu daripada aplikasi rasmi JAKIM yang ditawarkan di bawah projek myGov Mobile. Projek ini merupakan inisiatif MAMPU (Pemodenan Tadbiran & Perancangan Pengurusan) untuk akses yang cepat dan mudah pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja.
MyJAKIM menyediakan maklumat yang tepat dan sahih. Maklumat yang disediakan adalah berkaitan dengan solat seperti panduan waktu solat, masjid terdekat dan penentuan arah kiblat. Ia juga mengandungi direktori HALAL yang meliputi senarai produk halal dan premis halal.
Aplikasi myJAKIM juga dilengkapi dengan e-book untuk Tahlil dan Yasin. Ini merupakan bentuk rujukan paling mudah selain disediakan juga koleksi himpunan doa dalam bentuk audio dan grafik.

Beberapa ciri lain yang terdapat pada myJAKIM ialah: Kemusykilan Agama, Fatwa, Direktori Halal dan Khutbah Jumaat yang melengkapkannya kepada lapan modul

Anugerah 'BEST MOBILE APP' Anjuran FUTUREGOV

Pada 5 Mac 2013, bertempat di Hotel One World, Petaling Jaya, Selangor, JAKIM telah dianugerahkan 'best mobile app' untuk aplikasi mobil JAKIM iaitu myJAKIM . Anugerah ini adalah sempena Forum FutureGov yang dianjurkan oleh FutureGov iaitu sebuah badan penerbitan terkemuka mengenai pemodenan Sektor Awam di rantau Asia Pasifik



Anugerah 'BEST MOBILE APP' yang dimenangi oleh JAKIM tahun 2013




myJakim dinobatkan sebagai aplikasi telefon terbaik

APLIKASI telefon pintar myJakim dianugerahkan sebagai aplikasi telefon terbaik dalam majlis anjuran PalaceGov, Petaling Jaya, baru-baru ini.

Aplikasi yang dibangunkan oleh sebuah Kerajaan Islam Mahupun (Jakim) dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu) itu bagi membantu orang awam tentang apa yang mendapatkan maklumat mengenai Islam melalui dalam talian.

Antara menu yang disediakan dalam myJakim adalah waktu, mengetahui waktu solat dan zikir, kemusykilan agama, kalendar Hijrah, negeri, doa harian, khutbah Jumaat dan surah Yasin serta tahlil.

Myjakim juga merupakan usaha bagi memperluaskan lagi penggunaan teknologi maklumat dalam pembangunan Hadhari yaitu dengan (SMS) Hayat dan SMS Solat yang disediakan Jakim sebelum ini.

Aplikasi tersebut dibangunkan berdasarkan dua aspek utama iaitu ibadah dan muamalah dengan pengetahuan agama.

APLIKASI telefon pintar myJakim membantu memudahkan orang awam terutama umat Islam untuk mendapatkan maklumat mengenai Islam melalui dalam talian.

Jakim serta salah satu bahagian Jakim dalam berdakwah.

Orang ramai boleh memuat turun maklumat yang disediakan bukan sahaja dengan mudah dan pantas di negara ini, malah sehingga ke seluruh dunia.

Pengguna boleh memuat turun dan menggunakan aplikasi myJakim melalui portal Google Play untuk platform Android dan Apple Store untuk platform iOS (Apple).

Pelancaran merupakan organisasi pemerintah terkemuka yang mempersembahkan kecemerlangan pemerintah sektor awam di Asia Pasifik.

Keratan akhbar Utusan Malaysia



Paparan Portal Halal JAKIM



Sistem Pengurusan Pengundian dan Pemilihan Ayat Al-Quran Bagi Majis Tilawah Al-Quran

Speq atau singkatannya Sistem Pengurusan Pengundian dan Pemilihan Ayat Al-Quran bagi Majlis Tilawah Al-Quran merupakan satu sistem yang dibangunkan untuk meningkatkan pengurusan proses pengundian dan pemilihan ayat al-Quran dalam majlis tilawah al-Quran menggantikan cara manual yang digunakan sebelum ini. Melalui sistem yang diperkenalkan ini, undian dapat dibuat bagi menentukan tarikh dan giliran bacaan serta ayat pilihan oleh para peserta.

Dengan menggunakan paparan layar sentuh, sistem ini dilihat sebagai satu pembaharuan dalam meningkatkan lagi inovasi dalam pengurusan tilawah al-quran negara yang diadakan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

e-HALAL Johan Anugerah Inovasi JPM (AIJPM) 2013 Bagi Kategori ICT

Pada 1 Oktober 2013, dalam Majlis Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) 2013 yang diadakan di Hotel Marriott, Putrajaya, JAKIM telah memenangi tiga anugerah. Bagi kategori ICT, JAKIM telah berjaya merangkul gelaran johan bagi Anugerah Inovasi JPM (AIJPM) 2013 melalui projek 'e-Halal'. Hadiah yang diberikan adalah berupa wang tunai sebanyak RM10,000 berserta sijil. Hadiah ini telah disampaikan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia kepada Ketua pengarah JAKIM .



Para peserta menjalani proses pengundian dan pemilihan ayat



Undian peserta secara elektronik

KOTA BHARU 11 Jun - Peserta Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-56 yang sedang berlangsung di sini, buat pertama kali membuat undian giliran secara berkomputer dalam sesi percubaan pada majlis takhrirat yang diadakan semalam.

Menurut Penolong Setiausaha Jemaah Hakim, Mohd As'an Abdan, cabutan giliran secara elektronik untuk memendekkan hari dan surah yang perlu dibaca itu adalah satu penambahbaikan yang dibuat memandangkan ia sudah dipraktikkan di peringkat antarabangsa.

"Bagaimanapun pada kalinii, kita tetap melakukan cabutan secara manual iaitu peserta memilih sampul yang disediakan urus setia, tetapi pada masa sama kita perkenalkan kaedah baru sebagai percubaan di mana peserta membuat pilihan dengan menyentuh skrin komputer," katanya semasa menyampaikan taklimat di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, semua peserta diberi masa 10 minit untuk memperdengarkan bacaan masing-masing dan peserta hanya boleh memulakan bacaan apabila lampu hijau di astaka menyala.

Katanya, ia adalah untuk memastikan bahagian teknikal sudah bersedia serta mengelak masalah suara tidak dapat didengar para hakim jika peserta membaca terlebih awal.

Jelasnya lagi, pada malam pembukaan hanya dua peserta yang memperdengarkan bacaan dilikuti sembilan peserta pada setiap tiga malam berikutnya.

"Setiap peserta ini pula hanya mengetahui surah yang akan dibaca melalui cabutan giliran berasingan yang dilakukan pada pukul 9 pagi setiap hari.

"Mereka akan dimaklumkan dua lagu atau taranum yang wajib dipersembahkan dalam bacaan, tersenah kepada mereka untuk menghuraikannya pada awal, tengah atau akhir ayat dan ia tidak perlu dibaca berturut-turut," katanya.

Tambahnya, peserta akan dihakimi dalam empat bahagian iaitu tajwid yang mewakili 40 markah, tarannuan (25 markah), fasohah (20 markah) dan suara (15 markah).

Seramai 29 peserta iaitu 15 qariah dan 14 qari menyertai majlis tilawah tahun ini bermula semalam sehingga 14 Jun dengan qariah Kelantan, Radziah Ibrahim dan qari, Zulkipli Harun memperdengarkan bacaan mereka pada malam kedua.

Hanya johan menunggu qariah, Che Minah Che Awang dari Wilayah Persekutuan akan mempertahankan gelaran yang disandangnya tahun lalu, manakala johan qari, Muhamad Anuar Ghazali dari Kelantan yang juga pemenang Majlis Tilawah Peringkat Antarabangsa tidak mengambil bahagian tetapi telah diberi penghormatan memperdengarkan bacaan sebagai qari jemputan pada majlis pembukaan.

ir dan orang ramai yang hadir pada malam kedua Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan g, Kota Bharu, Kelantan, malam tadi. – UTUSAN/ROSNI MASRI

Keratan akhbar Utusan Malaysia bertarikh 12 Jun 2013

PORTAL MAJLIS TILAWAH AL-QURAN MALAYSIA

Portal ini diwujudkan bertujuan memberi maklumat berkaitan tilawah seperti sejarah penganjuran tilawah al-Quran di Malaysia, maklumat qari dan qariah yang pernah menyertai tilawah al-Quran, profil para hakim tilawah dan syarat-syarat pertandingan. Setiap aktiviti berkaitan tilawah al-Quran sama ada di dalam atau di luar negara turut dimuatkan di dalam portal ini. Kewujudan portal ini banyak memberi informasi berguna kepada para pengkaji dan pencinta al-Quran di Malaysia. Ia boleh dilayari dengan melawat ke www.tilawah.gov.my



Paparan Portal Tilawah

SPPIM Mengorak Langkah KE 5 Buah Negeri

Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) telah diperluaskan penggunaannya ke lima buah negeri iaitu Perak, Selangor, Terengganu dan Wilayah Persekutuan.

Aplikasi 'workflow' terpusat adalah merangkumi urusan nikah, cerai dan rujuk seluruh negara iaitu permohonan kursus pra-perkahwinan, permohanan kebenaran nikah, pendaftaran nikah sehinggalah kepada proses perceraian, rujuk dan rundingcara.

Sistem ini juga akan diintegrasikan bersama sistem yang dibangunkan oleh Kelantan, Pahang, Pulau Pinang, Johor, Sabah dan Sarawak.
Selain itu peluasan modul NCR (Nikah, Cerai dan Rujuk) Luar Negara dilakukan dengan kerjasama daripada Wisma Putra dan juga badan-badan agama luar negara.



Paparan Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM)

HARI SAMBUTAN KEBESARAN ISLAM

Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1434H/2013M

Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1434H/2013M telah diadakan pada 24 Januari 2013 (Khamis), di Masjid Putra, Putrajaya. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu' tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah telah berkenan mencemar duli menghadiri majlis berkenaan sekaligus merasmikannya.

Bertemakan "Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah", majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri; YABhg. Tun Datuk Seri Panglima Haji Sakaran bin Dandai; YABhg. Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi; YABhg. Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid; YABhg. Tun Dato' Seri Zaki bin Tun Azmi; YB Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1434H/2013M, YB Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim dan tetamu-tetamu kenamaan yang lain.

Majlis sambutan itu turut disertai lebih 13,000 peserta termasuk kakitangan kerajaan, badan berkanun, pertubuhan swasta, golongan pelajar, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai. Terlebih dahulu, para peserta kontinjen telah mengambil bahagian dalam perarakan bermula dari bangunan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Putrajaya dan turut diiringi oleh alunan selawat kepada Nabi SAW.

Pada majlis itu juga, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenan menyampaikan anugerah Maulidur Rasul SAW kepada sembilan penerima anugerah yang terbahagi kepada dua kategori iaitu Anugerah Perdana dan Anugerah Maulidur Rasul SAW bagi tahun 2013. Anugerah Perdana Maulidur Rasul SAW Tahun 2013 menerima hadiah wang tunai berjumlah RM50,000, sijil dan plak serta hadiah iringan Mashaf al-Quran dan set Kitab Tafsir Fi-Zilalil Quran yang bernilai RM 3,000.00.

Manakala penerima Anugerah Maulidur Rasul SAW menerima hadiah wang tunai berjumlah RM20,000, sijil dan plak serta hadiah iringan mashaf al-Quran dan set Kitab Tafsir Fi-Zilalil Quran yang bernilai RM 3,000.00.



Para penerima Anugerah Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1434H/2013M

Para Penerima Anugerah Perdana dan Anugerah Maulidur Rasul Tahun 2013	
Anugerah Perdana	**1) YBhg.Dato' Sri Haji Anis bin Haji Abot** Mantan Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak dan Mantan Mufti Negeri Sarawak
Anugerah Maulidur Rasul Tahun 2013	**1) YBhg. Dato' Haji Nooh bin Gadut** Penasihat Agama Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan Penasihat, Majlis Agama Islam Negeri Johor. **2) YBhg. Tan Sri Mohd. Zaman Khan @ Hassan bin Rahim Khan** Timbalan Pengerusi Yayasan Ihtimam Malaysia **3) YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah binti Haji Abdul Karim** Yang Dipertua, Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI) **4) Tuan Haji Mohd. Bakir bin Haji Mansor** Penasihat Syariah, Pusat Fiqh Muamalat, Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM) **5) Tuan Haji Che Wan Alias bin Che Wan Abdullah** Pengurus Besar, Pembangunan Kandungan dan Penyelidikan Program Al Hijrah Media Corporation **6) Prof. Madya Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah** Ketua Program, Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) **7) Tuan Haji Muhammad Fitri Abdullah** Ahli Majlis Kebangsaan, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) **8) Adik Khairunnisaq bin Khairudin** Pelajar Cemerlang Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2012 Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Mas, Kota Tinggi, Johor.

Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H/2013M

Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H/2013M telah diadakan pada 5 November 2013 (Selasa) bertempat di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbudin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajjah Haminah berkenan berangkat ke majlis dan seterusnya merasmikan Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H/2013M pada tahun ini. Turut hadir dalam majlis tersebut adalah YAB Perdana Menteri serta isteri, Menteri-Menteri Kabinet dan Dif-Dif Jemputan serta Duta-Duta Luar Negara.

Sambutan Maal Hijrah pada tahun ini sekali lagi membawa tema "Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah". Kemuncak bagi majlis sambutan pada kali ini adalah penganugerahan tokoh Maal Hijrah di mana YBhg.Brigadier Jeneral Tan Sri Dato' Seri Abdul Hamid b. Hj. Zainal Abidin (B), mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dinobatkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan dan YBhg. Dr. Zakir Abdul Karim Naik, dari Negara India dinobatkan sebagai tokoh Peringkat Antarabangsa tahun 1435H/2013M. Penerima anugerah Tokoh Maal Hijrah pada kali ini masing-masing akan menerima hadiah wang tunai berjumlah RM 100,000.00, sebuah plak, pingat dan sijil penghargaan.



Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H/2013M di Dewan Planeri PICC, Putrajaya





YBhg.Brigadier Jeneral Tan Sri Dato' Seri Abdul Hamid b. Hj. Zainal Abidin (B), Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H/2013M



YBhg. Dr. Zakir Abdul Karim Naik
Tokoh Maal Hijrah Peringkat Antarabangsa Tahun 1435H/2013M



Perarakan Sempena Maulidur Rasul 1434H Peringkat Negeri Sarawak



Peserta terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan JAKIM Cawangan Sarawak

Pada 24 Januari 2013 JAKIM Cawangan Sarawak telah menyertai Perarakan Sempena Maulidur Rasul 1434H bertempat di Betong, Sarawak. Seramai 30 orang terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan JAKIM Cawangan Sarawak telah menyertai Perarakan tersebut. Perarakan tersebut juga telah disertai oleh agensi-agensi islam yang berada di Sarawak. Turut hadir perarakan tersebut ialah Ketua Menteri Sarawak,Timbalan Ketua Menteri Sarawak dan Menteri Muda Hal Ehwal Islam dan Menteri Muda Pembangunan Infrastruktur Sarawak.

PROGRAM UKHUWAH

Draf Pelan Tindakan Dakwah Negara (PTDN) Terus Diperkasa

Bengkel Pengemaskinian Draf Pelan Tindakan Dakwah Negara (PTDN) 2013

Bengkel Pengemaskinian Draf Pelan Tindakan Dakwah Negara (PTDN) telah berlangsung pada 8 Julai 2013 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bandar Baru Bangi, Selangor. Bengkel ini merupakan tindakan susulan hasil semakan Draf PTDN oleh pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan yang telah dilengkapkan melalui Bengkel Penyelarasan Draf PTDN bersama Agensi-agensi di bawah Menteri, Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dan Badan-badan NGO Islam pada 13-15 Februari 2013.

Bengkel ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Razali bin Shahabudin, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan (TKPPI), JAKIM . Seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada Fasilitator Jemputan dari Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Pengarah-pengarah Bahagian/ Cawangan (Sabah dan Sarawak) JAKIM dan wakil-wakil Pengarah Bahagian/ Cawangan JAKIM telah memberi komitmen terbaik bagi menjayakan bengkel ini.

Bengkel ini juga bertujuan menghasilkan Draf PTDN yang lengkap dan bertulis untuk dibentangkan bersama Dasar Dakwah Negara (DDN) dalam Persidangan Ketua-Ketua Jabatan Agama Islam seluruh Malaysia (PKJ) dan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) yang akan datang. Bengkel kali ini merupakan modus operandi kepada penyusunan Program/ Tindakan Dakwah Negara yang menyeluruh dengan mengambil kira aspek 'praktikaliti' untuk dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun bermula tahun 2014.





Misi Bantuan Kepada Mangsa Banjir Pantai Timur "HULURKAN TANGAN, RINGANKAN BEBAN"

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan kerjasama Persatuan Kakitangan Perkhidmatan Ugama (PKPU) melancarkan Misi Bantuan Kepada Mangsa Banjir Pantai Timur. Majlis pelepasan misi bantuan disempurnakan oleh YBhg Dato' Haji Othman Bin Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM bertempat di Masjid Tuanku Zainal Abidin, Putrajaya.

Misi bermula pada 12 Disember 2013 dengan penghantaran bantuan dan sumbangan ke daerah Kuantan yang paling teruk terjejas akibat banjir pada kali ini. Misi kedua pula pada 18 Disember 2013 disambung ke daerah Kemaman di Terengganu.

Misi kali ini turut mendapat kerjasama daripada pihak Perbadanan Putrajaya dengan menyediakan kemudahan logistik untuk penghantaran barangan ke Kuantan dan Kemaman. Majlis penyampaian sumbangan telah disempurnakan oleh YBhg Dato' Haji Razali bin Shahabudin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM .

Konvensyen Pendahwah Negara 2013

Konvensyen Pendakwah Negara 2013 bertemakan Tekno-Daie Berkualiti Islam Dihayati telah diadakan di Hotel Grand Seasons, Kuala Lumpur. Konvensyen ini diadakan bertujuan meningkatkan kefahaman pemikiran Islam dalam menjayakan pelaksanaan dakwah secara menyeluruh, bersepadu dan berstrategi serta sesuai dengan situasi terkini. Ia juga memberi pendedahan terhadap dasar-dasar dan isu-isu semasa negara dan mencari titik pertemuan daripada pelbagai agensi dan badan dakwah.

Majlis Perasmian Konvensyen telah disempurnakan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Hj Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Majlis ini juga turut dihadiri oleh dif-dif kehormat seperti Ashabul Samahah Mufti-Mufti Kerajaan Negeri, Ketua-Ketua Agensi di bawah Menteri, Pengarah-Pengarah, Ketua Eksekutif Majlis Agama Islam Negeri-Negeri, Wakil daripada Kerajaan Brunei dan Singapura serta pendakwah daripada Institusi Pendidikan dan Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Islam.

Sebanyak tujuh Resolusi yang dicapai dalam Konvensyen tersebut adalah seperti berikut:

1. Membudaya mekanisme baru yang lebih bersifat futuristik dan mengoptimumkan manfaat kepantasan perkembangan teknologi maklumat dalam melaksanakan aktiviti dakwah.

2. Mewujudkan "Islamic cyber trooper" bagi menangkis serangan, provokasi, fitnah, dan sentimen kebencian terhadap Islam yang seringkali dimanipulasi oleh media. Strategi terancang ini, perlu ditangani bagi mengeluarkan Islam dari terus terpenjara dalam belenggu penghinaan di mata dunia.



Penyampaian sumbangan oleh Dato' Haji Razali bin Shahabudin



Pelepasan oleh Ketua Pengarah JAKIM , Dato' Haji Othman bin Mustapha

3. Memperkasa agenda pendekatan dakwah pemersatu dan dakwah islahiah bagi mengurangkan elemen ketaasuban dan aliran pemikiran yang pelbagai.

4. Menyebarluas kefahaman Islam kepada non-Muslim dan gerakan dakwah terhadap komuniti yang terdedah dengan pengaruh yang boleh memesongkan akidah mereka.

5. Memperkukuhkan jalinan kerjasama pintar serta mengakses kepakaran domestik dan antarabangsa untuk memperkaya maqasid dakwah.

6. Menubuhkan Akademi Pendakwah Negara di Malaysia bagi melatih pelapis pendakwah yang mempunyai kemahiran ilmu dalam pelbagai disiplin dan menguasai teknologi ICT.

7. Mewujudkan Dana Amanah Dakwah Kebangsaan (DADK) untuk membiayai aktiviti dakwah dengan kerjasama agensi-agensi bukan kerajaan (NGO-NGO Islam dan GLC Kerajaan).

Seminar Agama Islam Agama Negara (SEMAIAN) 2013 Peringkat Negeri Sarawak

JAKIM Cawangan Sarawak dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) dan Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia (PPMM) telah menganjurkan program Seminar Agama Islam Agama Negara (SEMAIAN) 2013 Peringkat Negeri Sarawak bertempat di Imperial Hotel, Miri, Sarawak pada 4-5 Disember. Program ini telah diadakan selama dua hari dan dihadiri oleh kira-kira 500 orang peserta. Seminar ini telah dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri Sarawak.



YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyampaikan ucapan perasmian



Gimik pelancaran Konvensyen Pendakwah Wanita 2013



Dr Zakir Naik menghangatkan konvensyen dengan hujah bernas beliau.



Ketua Menteri Sarawak Merasmikan Program SEMAIAN



satu usaha dakwah di kalangan keluarga dan sahabat saudara muslim yang bukan Islam.

Majlis ini telah dihadiri oleh seramai 500 orang terdiri saudara muslim dan wakil-wakil NGO's Islam seluruh Malaysia,keluarga saudara Muslim yang bukan Islam, juga tidak ketinggalan pelancong dari negara Jepun turut hadir memeriahkan majlis pada malam tersebut.Ucapan aluan telah disampaikan oleh Ybhg. Ustaz Muhammad Ridzuan Lau bin Abdullah, pengerusi persatuan MACMA Negeri Sembilan manakala ucapan perasmian pula disampaikan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan Y.A.B Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan merangkap penaung MACMA Negeri Sembilan.



YAB Dato' Haji Mohamad bin Hassan, Menteri Besar Negeri Sembilan menyempurnakan simbolik perasmian program tersebut.

DAKWAH KHAS

Majlis Ramah Mesra Sempena Sambut Tahun Baru Cina Saudara Muslim Bersama Menteri Besar Negeri Sembilan

"GONG XI FA CAI...XIN NIAN KUAI LE"

JAKIM dengan kerjasama Malaysian Chinese Muslim Associationn (MACMA) Negeri Sembilan telah mengadakan Majlis Ramah Mesra Sempena Sambutan Tahun Baru Cina Saudara Muslim Bersama Menteri Besar Negeri Sembilan 2013 bertempat di Kompleks Al-Sa'adah, Seremban Negeri Sembilan.

Objektif majlis ini diadakan adalah untuk mempereratkan hubungan antara Saudara Muslim dan agensi agama khususnya JAKIM serta badan-badan bukan kerajaan NGO's, memberi kefahaman dan kesedaran kepada saudara muslim dan keindahan Islam, serta sebagai salah

Ijtimak Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) Peringkat Kebangsaan

JAKIM telah mengadakan Ijtimak Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2013.

Seramai 204 orang PMOA telah menghadirkan diri dalam program tersebut dan telah berjaya menyertai Ijtimak Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) yang diadakan selama 3 hari 2 malam bertempat di Selesa Beach Resort, Port Dickson Negeri Sermbilan.

Majlis perasmian penutupan telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan YBhg. Dato' Haji Razali bin Shahabudin. Turut hadir bagi menyerikan majlis YBhg. Dato' Haji Ali bin Mohammed Pengarah Dakwah, serta pegawai-pegawai kanan dan kakitangan daripada Cawangan Dakwah Khas, Bahagian Dakwah.



Anugerah PMOA cemerlang kategori lelaki bagi tahun 2012.



YBhg. Dato' Haji Razali bin Shahabudin menyampaikan ucapan perasmian

Konvensyen Saudara Muslim Peringkat Kebangsaan

JAKIM dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK) , Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Yayasan Taqwa (MAIWP) telah mengadakan Konvensyen Saudara Muslim Peringkat Kebangsaan Tahun 2013 bertempat di Perdana Resort, Pantai Cahaya Bulan Kelantan. Program ini berjaya menghimpunkan peserta seramai 500 orang terdiri dari kalangan Saudara Muslim dari sekitar Jajahan Kota Bharu dan penyertaan dari setiap negeri.



Anugerah PMOA cemerlang kategori wanita bagi tahun 2012.

Antara pengisian konvensyen ini adalah ceramah berkaitan dengan cabaran masa kini saudara muslim sebagai pendakwah, pengenalan kepada isu Syiah, dan ceramah kerohanian telah disampaikan oleh penceramah yang dijemput khas dari kalangan Saudara Muslim. Konvensyen ini dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Razali bin Shahabuddin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM. Konvensyen Saudara Muslim kali ini telah mengiktiraf 2 orang Saudara Muslim sebagai penerima "Anugerah Tokoh Saudara Muslim" iaitu Encik Adam Khong bin Abdullah dari negeri Melaka dan Puan Nur Shamila Koid dari negeri Perak. Penerima anugerah menerima wang saguhati bernilai RM3,000.00, sijil penghargaan dan hadiah iringan setiap seorang. Konvensyen kali ini juga memperkenalkan kepada masyarakat umum mengenai portal "e-Muallaf" yang akan diguna pakai pada setiap negeri sebagai penyelarasan kepada pengurusan Saudara Muslim.



Perasmian Konvensyen telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Razali bin Shahabuddin,



Encik Adam Khong, dari negeri Melaka dan Puan Nur Shamila Koid dari Pahang sebagai penerima "Tokoh Anugerah Saudara Muslim 2013"

جابتن كماجوان إسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

JAKIM



PENGUKUHAN INSTITUSI KEKELUARGAAN DAN KEMASYARAKATAN

PENGUKUHAN INSTITUSI KEKELUARGAAN DAN KEMASYARAKATAN

JAKIM sebagai agensi di peringkat pusat berusaha menyelaras urusan pernikahan, perceraian dan ruju' umat Islam bukan sahaja umat Islam Malaysia tetapi juga melibatkan umat Islam Malaysia yang berkahwin dengan warganegara asing.

Penyelarasan Urusan Nikah, Cerai dan Ruju'

Persidangan Ketua Pendaftar Niklah Cerai dan Ruju' Seluruh Malaysia merupakan medium perbincangan dwi tahunan antara JAKIM dan Ketua Pendaftar Nikah Cerai Ruju', Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri. Persidangan ini adalah platform utama untuk mendapatkan sebarang maklumat, pandangan dan idea bagi mengatasi isu-isu berbangkit di samping menyelaras peraturan yang telah ditetapkan.
Bagi tahun 2013, dua kali persidangan telah diadakan iaitu persidangan kali ke 28 telah diadakan pada 23 - 25 April 2013 bertempat di Pullman Putrajaya Lakeside, Putrajaya dan kali ke 29 telah diadakan pada 11- 13 November 2013 bertempat di Hotel Mega, Miri, Sarawak.



Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan), YBhg. Dato' Hj. Razali bin Shahabudin mempengerusikan persidangan



Persidangan telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan), Y.Bhg Dato' Haji Razali bin Shahabudin. Pada persidangan kali ke 29 turut diadakan Majlis Penghargaan Kepada Mantan Ketua Pendaftar Nikah Cerai Ruju' bertemakan "Budi Mu Dikenang, Jasa Mu Di Julang" bertujuan untuk meraikan empat orang ahli persidangan yang telah berpindah ke tempat lain. Mereka yang diraikan ialah Y.Bhg Puan Hajjah Saimah binti Mukhtar, Y.Bhg Tuan Haji Salleh Bin Haji Sulaiman, Y.Bhg Tuan Haji Abdul Aziz Bin Jusoh dan Y.Bhg Tua Ismail bin Abdul Ghani







PERSIDANGAN KALI KE 28







PERSIDANGAN KALI KE 29

Bengkel Tatacara Pentadbiran Pengrusan Perkahwinan Islam Orang Malaysia – Indonesia

Dalam usaha memastikan pernikahan orang Islam Malaysia dan orang Islam Republik Indonesia bertepatan dengan Syariat Islam di samping mematuhi peraturan yang ditetapkan, Jakim dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) telah mengadakan satu perbincangan formal dengan pihak Bimbingan Masyarakat Islam (BIMAS ISLAM), Kementerian Agama Republik Indonesia (Kemenag) dan Kedutaan Besar Republik Indonesia Kepada Malaysia di Kuala Lumpur (KBRI). Perbincangan melalui Bengkel Tatacara Pentadbiran Pengrusan Perkahwinan Islam Orang Malaysia – Indonesia. telah berlangsung pada 1 - 3 April 2013 bertempat di Hotel Grand BlueWave, Shah Alam, Selangor.



Perbincangan bersama Peguam Kanan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara, YBrs Puan NorSharin binti Alias



Jalinan kerjasama Kepala Subdit (KaSubdit) Kepenghuluan di Direkturat Urusan Agama Islam dan Pembinaan Syariah, Bimas Islam Kemenag, Republik Indonesia, Yth Bapak Drs Anwar M.A.;

Turut dijemput hadir ialah Direktur Urusan Agama Islam dan Pembinaan Syariah, Bimas Islam, Kemenag, Yang Terhormat (Yth) Bapak Dr. Muchtar Ali, Kepala Subdit (KaSubdit) Kepenghuluan di Direkturat Urusan Agama Islam dan Pembinaan Syariah, Bimas Islam Kemenag, Yth Bapak Drs Anwar M.A. Sekretaris Pertama Fungsi Konsuler, Yth Bapak Heru Budiarso; dan KBRI Kuala Lumpur, Saudara Agus Subiyantoro. Perbincangan ini turut dihadiri oleh wakil dari Kedutaan Besar Malaysia Kepada Republik Indonesia di Jakarta iaitu Atase Agama di Jakarta Tuan Haji Abdul Aziz bin Jusoh,Atase Agama di Jakarta.



Kumpulan 2



Kumpulan 3



Kumpulan 1



Kumpulan 4

Kunjung Hormat Sheikhul Islam Kerajaan Negeri Thailand dan Mesyuarat The Central Islamic Council of Thailand (CICOT)

Delegasi Jakim yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), YBhg Tuan Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim, bersama pegawai-pegawai dari Bahagian Keluarga Sosial dan Komuniti dan Bahagian Hab Halal, Jakim telah mengadakan perjumpaan dengan Sheikhul Islam Negara Thailand, Mr Abdul Aziz Phitakhumpol dan ahli-ahli eksekutif The Central Islamic Council of Thailand (CICOT) bagi membincangkan isu pernikahan rakyat Malaysia di Selatan Thailand dan juga isu kerjasama halal antara kedua negara. Perjumpaan tersebut juga turut disertai oleh Yang di Pertua Majlis Agama Islam Narathiwat, Pattani, Songkhla, Satun, Yala, dan Bangkok.

Perjumpaan dengan Syeikhul Islam telah diadakan di kediaman rasmi Sheikhul Islam. Hasil dari perbincangan yang diadakan antara delegasi Jakim dan CICOT, persetujuan telah dicapai supaya satu Memorandum Persefahaman (MOU) diadakan antara Jakim (mewakili kerajaan Malaysia) dan CICOT (mewakil kerajaan Thailand) mengenai prosedur penikahan rakyat Malaysia di Selatan Thailnd. Selain itu, satu jawatankuasa teknikal diwujudkan bagi membincangkan secara spesifik isu-isu pernikahan, halal dan isu-isu hal ehwal Islam lain yang berbangkit antara kedua-dua negara.



Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Y.Bhg Tuan Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim bersama Syeikhul Islam



Mesyuarat Dirasmikan Oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Thailand; His Excellency Mr. Niwattumrong Boonsongpaisan



Timbalan Pengarah (Operasi) JHEAIK, Y. Bhg.Tuan Haji Mohd Salleh bin Jusoh, Pengarah Bhg. KSK, Pn. Hajjah Saimah binti Mukhtar dan Ketua Pendaftar NCR Kelantan, Ustaz Abdul Aziz bin Mohd Noor

Delegasi Jakim juga telah mem buat kunjung hormat ke Duta Malaysia di Bangkok YBhg. Dato' Nazirah Hussain bagi memaklumkan tujuan dan hasil perbincangan yang telah diadakan antara Jakim dan CICOT. YBhg Dato' turut memberikan pandangan dan menyatakan kesediaan pejabat Kedutaan Malaysia di Bangkok untuk memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Jakim dalam menyelesaikan segala isu pengurusan hal ehwal Islam yang berbangkit antara kedua negara.





Sesi Mesyuarat Bersama Naib Presiden CICOT; Tuan Haji Ismail dan YDP - YDP Majlis Agama Islam Di Selatan Thailand



Bergambar bersama Syeikhul Islam Negara Thailand



YBhg Tuan Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim bersama Menteri di JPM Thailand dan Ahli CICOT

Pelancaran Kempen Sah Nikah Sah NASAB

Tanggal 18 Mac 2013

Jakim telah melancarkan Kempen Sah Nikah Sah Nasab bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, Selangor.



Menteri di JPM, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) menyempurnakan pelancaran kempen



Barisan panel pembentang kertas kerja berpengalaman.

Pelancaran ini telah disempurnakan oleh Menteri di JPM, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) Pelancaran kempen ini sebagai salah satu usaha Jakim untuk memberi kefahaman kepada masyarakat Islam di Malaysia mengenai tanggungjawab dan kepentingan menjaga nasab keturunan. Kempen ini juga bertujuan memberi kesedaran kepada umat Islam supaya mengikut Hukum Syarak dan mematuhi Undang-Undang Keluarga Islam yang telah ditetapkan di seluruh Malaysia.



Tetamu VVIP turut memeriahkan majlis



Peserta terdiri dari kakitangan kementerian / jabatan / agensi berkaitan

Sebanyak 4 kertas kerja telah dibentangkan iaitu :

1. **Pengurusan Nikah di Malaysia : Satu Pengalaman"** dibentangkan oleh KPP Bahagian KSK, Y.Bhg. Ustazah Sabariah bt Salleh,

2. **Kedudukan Anak Tak Sah Taraf : Dari Aspek Pandangan Syarak, Nasab dan Pewarisan serta Kekeluargaan Islam" dibentangkan** oleh Timbalan Mufti Negeri Selangor, Sahibus Samahah Dato' Haji Abdul Majid bin Omar

3. **Kedudukan Anak Tak Sah Taraf: Dari Aspek Perundangan dibentangkan** oleh Pengarah Bahagaian Pendaftaran, Keurusetiaan & Rekod, JKSM Y.Bhg. Tuan Abas bin Nordin

4. **Isu-Isu Mengenai Pendaftaran Kelahiran Anak** yang dibentangkan oleh Penolong Pengarah Bahagian Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat, JPN, YBhg. Tn. Hj. Nik Hassan Fauzi b. Haji Nik Abdullah

Anugerah Pusat Kursus Pra Perkahwinan dan Pelancaran Modul MBKPI V.3

Anugerah Pusat Kursus Pra Perkahwinan Terbaik dan Pelancaran Modul MBKPI V.3 yang julung kali diadakan ini telah berlangsung pada Februari 2014 bertempat di Dewan Muktamar Pusat Islam Kuala Lumpur. Majlis Pelancaran Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam Versi 3 disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B).



Pelancaran Modul baru MBKPI V.3

Dua kategori dipertandingkan iaiitu kategori Pusat Kursus Anjuran Jabatan Agama dan Kategori Pusat Kursus Anjuran Swasta. Setiap pemenang membawa pulang RM5, 000.00 masing-masing.



Modul baru untuk kegunaan penceramah pusat kursus



Ucapan perasmian….



Penyampaian hadiah kepada pemenang pusat kursus

Antara penamabahbaikan yang dibuat dalam modul baru ini adalah memuatkan gambar2 yang ceria dan menarik, video pendek setiap tajuk, dokodrama lestari kasih dan soalan penentuan tahap kefahaman diawal dan akhir kursus.

PEMBANGUNAN KELUARGA

Jakim juga berperanan memberi kefahaman berkaitan kekeluargaan Islam dalam usaha membentuk masyarakat yang sejahtera. Antaranya melalui pemahaman pra perkahwinan, pasca perkahwinan.

Program Rintis (Pilot Test) Kursus Pasca Perkahwinan : Fasa Bulan Madu (1-5 Tahun)

Jakim telah membangunkan Modul Pasca Perkahwinan Islam dengan memfokuskan kepada 4 fasa iaitu :-

Fasa 1	Bulan Madu bagi tempoh perkahwinan satu hingga lima tahun
Fasa 2	Sehati Sejiwa bagi tempoh perkahwinan enam hingga 10 tahun
Fasa 3	Semarak Kasih bagi tempoh perkahwinan 11-20 tahun
Fasa 4	Syurga Cinta bagi tempoh perkahwinan 21 tahun ke atas

Bagi menguji pengisian setiap fasa yang telah dibangunkan, pilot test yang pertama telah diadakan untuk melihat penerimaan peserta. Kursus Fasa Bulan Madu ini telah diadakan pada 23 – 24 November 2013 bertempat di Institut KWSP.

Kategori Pusat Kursus

KATEGORI PUSAT KURSUS ANJURAN JABATAN AGAMA :
- **Jabatan Agama Islam Negeri Sarawak**

KATEGORI PUSAT KURSUS ANJURAN PIHAK SWASTA:
- **Pusat Kursus Kahwin MAIM Bentara yang Merupakan Anak Syarikat MAIM Melaka**



Bangi, Selangor yang melibatkan 20 pasangan suami isteri.

Pelbagai pengisian program dan aktiviti disedia dalam bentuk ceramah, LDK, simulasi dan sebagainya. Antara penceramah yang hadir terdiri dari Penggubal Modul itu sendiri sebagai permulaan iaitu dari Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan agensi lain yang berkaitan.

Objektif kursus ini diadakan bagi memberi pemahaman dan pendedahan berkaitan matlamat utama perkahwinan dalam Islam. Selain itu ia bertujuan memberi kesedaran dan motivasi tentang peranan dan tanggungjawab suami isteri dan ibu bapa yang sebenar bagi mewujudkan sebuah keluarga bahagia.

a. Pengurusan Kesihatan Oleh Dr. Safiah Binti Bahrin, KKM





b. Pengurusan Kewangan oleh Puan Akmar Yaakob dari AKPK









c. LDK Pengurusan Kewangan Oleh Dr. Saaid Bin Sailan Darl UNITEN





d. Pengurusan Stress Melalui Ibadah Oleh Puan Amni Dari UIA





e. Pengurusan Psikologi Oleh Puan Suzana Binti Ghazali





f. Riadah 1 Dan 2 Oleh Puan Aleah Dan En.Suffian, Kementerian Belia Dan Sukan



g. LDK Oleh Fasilitator JAKIM







Seminar Rumahku Syurgaku Peringkat Kebangsaan Tahun 2013

JAKIM telah menganjurkan Seminar Rumahku Syurgaku 2013 bertempat di Dewan Muktamar, Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur. Tema seminar tahun ini "Budimu Ku Sanjung, Kasihmu Ku Junjung".Seminar kali ini diadakan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), PUSPANITA, JAKIM dan Yayasan Ihtimam Malaysia (YIM).



Ucapan Perasmian oleh Yang Dipertua PUSPANITA Kebangsaan, YBhg. Puan Sri Dato' Rohani binti Abdullah

Seminar ini telah disempurnakan oleh YBhg. Puan Sri Dato' Rohani binti Abdullah, Yang Dipertua PUSPANITA Kebangsaan. Majlis perasmian seminar diserikan lagi dengan persembahan oleh kumpulan Rabbani dengan menyampaikan 3 buah nasyid.

Seminar ini menggariskan beberapa objektif antaranya mewujudkan institusi keluarga yang bahagia ke arah melahirkan masyarakat penyayang dan bersatu padu, melahirkan masyarakat yang berkualiti dan menghargai keluarga danmeningkatkan kesedaran tentang pentingnya ilmu kekeluargaan seperti ilmu rumahtangga dan pendidikan anak-anak sertamemantapkan institusi keluarga dalam mendepani ancaman dan cabaran globalisasi.



Ucapan Aluan oleh Pengerusi PUSPANITA Jakim, YBhg. Datin Rohani binti Mohammad

Seminar kali ini menekankan aspek kekeluargaan yang kian ampuh, peranan anak-anak aspek terhadap ibubapa dan apa dalam mendidik anak-anak ke arah pembentukan keluarga bahagia dan mengurangi gejala sosial.



Ustaz Kazim Elias membawakan tajuk" Tanggangkah Aku? " yang membicarakan tentang peranan anak-anak terhadap ibubapa



"Like Father Like Son" disampaikan YBhg. Ustaz Mohamed Hanafiah bin Abdul Malek mengetengahkan tips menjadi ibubapa cemerlang melalui:

orum bertajuk : "Limpahan Nur Kasih". dipengerusikan oleh Ustaz Yahya Mahyudin bin Utoh Said dari JAWI. ahli panel Ustaz Dr. Mohd. Sukki bin Othman dari Universiti Putra Malaysia, YBhg Tuan Haji Mohd. Nooh bin Khadri dariJabatan Agama Islam Negeri Johor dan YBhg. Puan Sabariah binti Salleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.





Antara tetamu VVIP yang memeriahkan seminar....



Sambutan menggalakkan...



Persembahan dari Kumpulan Rabbani

Jelajah Komuniti FELDA

JAKIM dengan kerjasama Yayasan Ihtimam Malaysia (YIM), Lembaga Pembangunan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Yayasan Felda bagi menjayakan program Jelajah Komuniti 2013. Ia adalah kesinambungan dari program Jelajah BEST! 2012 (Buat Elok Saja Tau!) di Gurun Kedah. Program kali ini telah memilih Felda Teloi Kanan, Kuala Ketil, Kedah sebagai lokasi pertama Jelajah Komuniti 2013.



Timbalan Menteri di JPM mengharapkan program ini dapat meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menjaga institusi keluarga dan memandang serius terhadap bibit-bibit gejala sosial di dalam keluarga.

Majlis Perasmian Penutup program Jelajah Komuniti 2013 telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB. Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, pada 9 Mac 2013.





Pengisian rohani...

Antara objektif program ini bertujuan untuk memberi info dan maklumat mengenai gejala sosial yang melanda umat Islam kini serta kaedah rawatan dan pemulihan yang disediakan oleh JAKIM, JAIN, agensi-agensi berkaitan serta NGO's yang memberi sokongan padu selama ini.

Program 'Jelajah Komuniti 2013' kali ini disusun bersesuaian dengan semua peringkat masyarakat kerana program ini melibatkan aktiviti- aktiviti kekeluargaan dan remaja.



Rakaman Forum Perdana





Pengisian dari aspek fizikal

Program Mendekati Komuniti Disayangi

Jakim telah mengambil inisiatif mendekati komuniti disayangi mengadakan program mendekati komuniti disayangi melalui pelbagai program.

Program Rakan Setia Komuniti

Program ini diadakan bagi memberi kesedaran kepada golongan sasar terdiri dari Orang Kena Pengawasan Dadah. Objektif program ini adalah untuk memberi kesedaran tentang kerohanian dan penerapan ilmu agama melalui ceramah serta kuliah maghrib dan subuh, kesedaran tentang HIV/AIDS dan kehidupan bermasyarakat.











Kem Juara Remaja Taqwa

Program ini melibatkan remaja juvana yang diletakkan di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Melalui program ini, pelbagai pengisian dilaksanakan seperti aktiviti dalam kelas, aktiviti di luar kelas, pentomin, pemantapan rukun Iman, rukun Islam serta teori dan praktikal solat berjamaah dan aktiviti Qiamullai.

Program kepada PLHIV

Program kepada Orang Yang Hidup Dalam HIV (PLHIV) diadakan bertujuan membina keyakinan diri terhadap PLHIV serta memberi pengetahuan yang mendalam berkaitan HIV/AIDS dan seterusnya mengikis stigma dalaman serta stigma masyarakat terhadap mereka yang hidup dengan HIV. Peserta adalah dari seluruh Malaysia yang bernaung di bawah satu pertubuhan iaitu Positive Warriors.









Perasmian disempurnakan oleh Ketua Pengarah JAKIM YBhg. Dato' Haji Othman bin Mustapha

Sukarelawan Sosial Islam





Pada tahun ini Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengadakan Program Sukarelawan Sosial Islam Sempena Kempen Awas! Jerat Valentine's Day. Program yang diadakan pada 11 Februari 2013 ini melibatkan seramai 350 orang sukarelawan dari pelbagai NGO dan kelab IPTA dan IPTS telah menjayakan Kempen ini.

Program ini bertujuan untuk mendedahkan sukarelawan kepada aktiviti bersemuka dengan masyarakat dalam membina kesedaran menangani gejala sosial. Para sukarelawan telah turun kelapangan mengedar pamplet kesedaran pengharaman meraikan Valentine's Day seperti kawasan Bukit Bintang, KLCC, Bangsar, Pudu, KL Sentral, Pasar Seni, Masjid Jamek, Jalan Chowkit, Jalan Tunku Abdul Rahman, Kampung Baru dan taman-taman sekitar Kuala Lumpur.



Peserta kusyuk mendengar taklimat





Temu seru peserta dengan masyarakat untuk menerangkan Isu Valentine's Day



Persembahan bertenaga dari Dato' Siti Nurhaliza

Malam Amal Tahajjud Cinta



Jalinan kerjasama JAKIM, NGO dan badan korporat

Cetusan idea serta jalinan kerjasama dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia(JAKIM), Yayasan Ihtimam Malaysia(YIM), Majlis Aids Malaysia(MAM) dan Yayasan Aids Malaysia(YAM), maka suatu majlis makan malam yang julung kali telah dianjurkan iaitu "Malam Amal Tahajjud Cinta" yang telah diadakan di Hotel Grand Hyatt Kuala Lumpur pada 8 April 2013 bersamaan 27 jamadil awal 1434h.

Tujuan penganjuran malam amal ini adalah untuk mengumpul dana bagi membina rumah perlindungan HIV/AIDS serta memberi bantuan kepada orang yang hidup dengan HIV (PLHIV). Antara tujuan lain adalah sebagai usaha JAKIM dalam menjalankan 'Dakwah Korporat' kepada ahli-ahli perniagaan dan kenamaan di Malaysia. Membuka minda golongan ini betapa pentingnya penglibatan mereka dalam memberi sumbangan dan menyokong usaha menangani isu HIV/AIDS di Malaysia.

Program Malam Amal ini juga turut disokong oleh beberapa syarikat korporat antaranya Fareeda Sdn Bhd, NGC Energy Sdn Bhd, Pharmaniaga, Garnea, IREKA, MACP, KP Marketing Printer, Artdin Design, majalah Hello, Lisa dan Kosma. Makan Malam adalah tajaan penuh oleh pihak Hotel Grand Hyatt sebagai tanda sokongan dalam usaha menangani isu HIV/AIDS.

Tetamu VIP pada malam tersebut adalah Ketua Pengarah JAKIM, Dato' Othman bin Mustapha, Timbalan Ketua Pengarah(pembangunan insan) dan Timbalan Ketua Pengarah(Dasar) JAKIM serta turut dihadiri oleh kenamaan merupakan Ahli Pemegang Amanah YIM dan YAM.

Para tetamu dihiburkan dengan persembahan beberapa artis VIP yang dijemput khas yang merupakan Selebriti Rebon Merah MAC yang terdiri dari Dato' Siti Nurhaliza Taruddin, Bob Af, Fahrin Ahmad dan muzik irigan sepanjang persembahan oleh Mohram dan Aubrey Suwito.





Turut hadir Ketua Pengarah Jakim, Dato' Othman bin Mustapha dan isteri

Sambutan Hari AIDS Sedunia 2013

Peranan Badan Bukan Kerajaan dan Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga agensi agama dalam usaha menangani virus HIV/AIDS banyak membawa perubahan kepada kadar penurunan jangkitan virus maut sejak 10 tahun kebelakangan di negara ini.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor berkata peranan secara sukarela oleh Majlis dan Yayasan AIDS Malaysia misalnya telah banyak membantu pesakit AIDS, mengurangkan kadar jangkitan HIV dan mendidik masyarakat tentang virus yang masih tiada penawarnya itu.



"Kita beruntung kerana terdapat pelbagai NGO di Malaysia yang aktif dan proaktif dalam menjayakan kempen-kempen serta menyahut seruan kerajaan dalam mengekang wabak ini daripada terus merebak ke generasi lain.







Beliau berucap ketika merasmikan majlis sambutan Hari AIDS Pelbagai aktiviti menarik telah disusun sepanjang Sambutan Hari AIDS Sedunia, di antaranya Rakaman Forum Perdana Ehwal Islam, Pementasan Monolog oleh PLHIV, Pertandingan Futsal dan Program Bersama Komuniti HIV.





Ucapan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan), Y.Bhg. Dato' Hj. Razali bin Shabudin

Persidangan Jawatankuasa Bertindak (Focal Point) Menangani Gejala Sosial

Persidangan yang telah diadakan pada 25-27 September 2013 di Eastin Hotel Petaling Jaya, Selangor ini telah dihadiri oleh wakil Jabatan Agama Islam Negeri, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan bahagian- bahagian di Jakim. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Jakim YBhg Dato' Haji Razali bin Shahabudin.

Objektif persidangan adalah untuk membincangkan aktiviti dan program menangani gejala sosial antara Jakim, JAIN, agensi-agensi kerajaan dan NGO seluruh Malaysia. Seterusnya, menerusi pengemblengan keupayaan, kemahiran dan kepakaran secara sistematik dan terancang di antara agensi-agensi tersebut, dapat menyediakan pelan tindakan menangani gejala sosial khususnya dalam isu Anak Tak Sah Taraf.

Sepanjang persidangan berlangsung, terdapat 6 pembentangan kertas kerja yang memfokuskan kepada tema persidangan pada kali pertama ini iaitu Ke Arah Sifar Anak Tak Sah Taraf. Perbincangan merangkumi perkara- perkara berkaitanMaklumat Anak Tak Sah Taraf Mengikut Rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Anda Bijak Jauhi Zina (Raudatus Sakinah), Pendidikan dan Rawatan Remaja Hamil Luar Nikah:

Perkongsian Pengalaman (Baitul Rahmah), Penguatkuasaan Jenayah Syariah (Salah Laku Seksual) : Perkongsian Pengalaman Bersama Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Menangani Isu-Isu dan Permasalahan Anak Tak Sah Taraf Mengikut Undang-Undang Syariah (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia) dan Implikasi Anak Tak Sah Taraf Kepada Pembangunan Institusi Kekeluargaan di Malaysia (Jabatan Kebajikan Masyarakat).



Pembentangan kertas kerja





Sekitar persidangan



Persidangan ini diadakan bagi membincangkan mekanisme gerak kerja khusus bagi menangani isu-isu berkaitan wanita Islam di peringkat negara, serantau dan antarabangsa. Dalam usaha memastikan segala isu berkaitan wanita Islam di Malaysia dapat ditangani berlandaskan syariat Islam dan berkesan.

Gerak kerja yang akan laksanakan merangkumi jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Sehubungan itu, persidangan memfokuskan perbincangan kepada dua aspek gerak kerja yang utama, iaitu gerak kerja bersifat kognisi yang lebih menumpukan kepada sumbangan kepakaran sama ada dalam bentuk penulisan, ceramah dan sebagainya. Oleh yang demikian, ia meliputi semua aktiviti berkaitan penyampaian maklumat sama ada melalui media cetak, media elektronik atau media baru.

Di akhir persidangan telah diadakan sesi perbincangan dan cadangan resolusi bagi merumuskan hasil persidangan tersebut. Sesi ini telah dikendalikan oleh Dr. Abdul Ghafar bin Surip, Ketua Penlong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti dan Tuan Hj. Mat Radzi bin Hj. Mat Ali, Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Dakwah.

HAL EHWAL WANITA

Persidangan Meja Bulat Panel Isu-Isu Semasa Wanita Islam (PISWI)

Isu- isu wanita Islam khasnya di Malaysia telah diketengahkan oleh Jakim dan peranan ini telah diurusetiakan oleh Panel. Isu-Isu Semasa Wanita Islam (PISWI). Pada tahun 2013, Persidangan Meja Bulat Panel Isu-Isu Semasa Wanita Islam (PISWI) telah diadakan pada 06 April 2013 (Sabtu)bertempat di Dewan 1, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).







AHLI PENAL PISWI

Pengerusi dan Ketua J/K Pemikir Antarabangsa
Prof. Dato' Sri Dr. Zaleha binti Kamaruddin
Ahli merangkap Ketua J/K Pemikir Dasar
Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah binti Abdul Karim
Ahli merangkap Ketua J/K Pemikir Media
Prof. Dr. Rahmah binti Hashim
Ahli merangkap Ketua J/K Pemikir Sosial
Datin Dr. Siti Zalikhah binti Mohd Nor
Ahli merangkap Ketua J/K Pemikir Penyelidikan dan Pusat Sumber
Prof. Madya Dr. Raihanah binti Haji Abdullah
Ahli merangkap J/K Pemikir Undang-undang
Datuk Hj. Zainul Rijal bin Abu Bakar
Ahli merangkap Ketua J/K Pemikir Undang-undang
Tuan Haji Mahamad Naser bin Disa
Ahli merangkap Ketua J/K Pemikir Pembangunan Insan
Prof. Datin Dr. Azizan binti Baharuddin
Ahli merangkap J/K Pemikir Pembangunan Insan
Prof. Madya Dr. Syarifah Hayaati binti Syed Ismail
Ahli merangkap J/K Pemikir Sosial
Puan Fadhlina binti Dato' Siddiq
Ahli
Puan Hajah Saimah binti Mukhtar
Setiausaha
Pengarah Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti
Ahli Jemputan
Penasihat Undang-undang, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)

Manakala gerak kerja kedua berbentuk fizikal yang memerlukan tenaga kerja yang besar bagi memastikan setiap aktiviti dapat dijalankan dengan sempurna. Ia merangkumi semua aktiviti yang berbentuk penganjuran program seperti seminar, penyediaan pengkalan data dan sebagainya turut dibincangkan dengan terperinci.

Kunjung Hormat PISWI Bersama Ketua Setiausaha Negara (KSN)

Jakim bersama Ahli Panel Isu-Isu Semasa Wanita Islam (PISWI) mengadakan Kunjung Hormat Kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN) September 2013.



Ketua Pengarah Jakim menyampaikan cenderahati kenagan dari Jakim kepada KSN



Bergambar kenagan bersama KSN







Peranan PISWI diperkenalkan

Kunjung hormat yang bertempat di Pejabat Ketua Setiausaha Negara, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya ini diadakan bertujuan memperkenalkan PISWI dan peranannya kepada KSN dan membincangkan pelbagai isu berkaitan wanita Islam khususnya penjawat awam wanita.

Kunjung hormat ini diketuai oleh Ketua Pengarah Jakim, YBhg. Dato' Haji Othman bin Mustapha, Pengerusi PISWI yang merupakan Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, YBhg Prof. Dato' Sri Dr. Zaleha binti Kamaruddin, Timbalan Pengerusi PISWI, YBhg. Prof. Emiritus Datuk Dr. Nik Safiah binti Abdul Karim, dan ahli PISWI yang lain iaitu YBhg. Datuk Haji Zainul Rijal bin Abu Bakar, YBhg. Prof. Datin Dr. Azizan binti Baharuddin, dan Bhg. Tuan Haji Mahamad Naser bin Disa. Turut hadir ialah Pengarah Pembangunan Insan, YBhg. Puan Hajjah Saimah binti Mukhtar dan DR. Abdul Ghaffar bin Surip.



Cenderahati dari Pengerusi PISWI




Bahan terbitan tahun 2013





جابتن كماجوان إسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



PENGUKUHAN MODAL INSAN

PENGUKUHAN MODAL INSAN

Program Pemerkasaan Perkhidmatan Hal Ehwal Islam (PHEI)

JAKIM telah membangunkan Pelan Operasi Latihan (POL) untuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional bagi Gred S41 hingga S48 yang mempunyai 8 bidang teras seperti dalam **Jadual 1**:

Jadual 1: Bidang Teras PHEI

BIL	BIDANG TERAS	BIDANG PENGKHUSUSAN
1.	Akidah dan Aliran Pemikiran	• Akidah • Tasawwuf • Perbandingan Agama dan Mazhab • Aliran Pemikiran
2.	Dakwah dan Pembangunan Insan	• Pengurusan Dakwah • Metodologi Dakwah • Komunikasi dan Media Dakwah • Kaunseling dan *'Ilaj Syarie* • Psikologi Dakwah • Sosial Islam • Dakwah dan Kepimpinan
3.	Perundangan Islam	• Penggubalan Undang-undang Syariah • Penguatkuasaan Undang-undang Syariah • Pendakwaan Syarie • Perbandingan Undang-undang • *Hisbah* dan Akreditasi Islam • Undang-undang Islam
4.	*Tarbiyyah dan Tadribiyyah Islamiah*	• Pengurusan Pendidikan Islam • Metodologi Pendidikan Islam • Psikologi Pendidikan Islam • Pengurusan Latihan Islam • Metodologi Latihan Islam • Pendidikan Tahfiz & Qiraat • Pendidikan al-Quran & al-Sunnah • Pengurusan Sumber Manusia
5.	Kewangan dan Ekonomi Islam	• Kewangan Islam • Ekonomi Islam • Pengurusan Harta Islam • Perbankan Islam • Takaful Islam • Percukaian Islam • Keusahawanan Islam
6.	Pengurusan Halal Malaysia	• Perundangan Halal • Fiqh Halal • Pengurusan Halal • Pensijilan Halal • Kepenggunaan Halal • *Standard* dan Kualiti Halal


BIL	BIDANG TERAS	BIDANG PENGKHUSUSAN
7.	Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)	• Penyelidikan Islam • Metodologi Penyelidikan Islam • Pengurusan Fatwa • Falak dan Astronomi Islam • Perbandingan Fiqh dan Mazhab
8.	Pengurusan Siasah Syar'iyyah	• Pengurusan, Kepimpinan dan Pentadbiran Islam • Maqasid Syar'iyyah • Perhubungan Antarabangsa Islam • *Imamah* dan Pengurusan Institusi Islam • Pengurusan Kekeluargaan Islam • Politik Islam

Latihan Dalam Tempoh Percubaan

JAKIM melalui Bahagian Pembangunan Insan telah mengadakan 2 siri Kursus Asas Perkhidmatan Hal Ehwal Islam kepada Kumpulan Pelaksana Gred S17 seramai 29 orang pada 28 Februari 2013 hingga 8 Mac 2013 dan Kumpulan Pelaksana gred S27 dan S17 seramai 155 orang pada 14 hingga 22 November 2013. Kursus ini bertempat di Pusat Pemantapan Akidah (PPA) Jelebu.

Modul kursus yang diguna pakai adalah *i-Qawiyy al-Amin* yang dibangunkan khusus untuk memberi latihan kepada semua pegawai dan kakitangan lantikan baharu skim Perkhidmatan Hal Ehwal Islam. Objektif utama kursus adalah untuk membentuk warga Perkhidmatan Hal Ehwal Islam yang bersikap positif, berintegriti dan berpersonaliti tinggi serta menerapkan pendekatan berhikmah ke arah melahirkan budaya kerja yang cemerlang. Taburan pegawai yang telah menghadiri kursus-kursus tersebut bagi tahun 2013 adalah seperti dalam Carta 1 :

Carta 1 : Pelaksanaan Kursus Asas Perkhidmatan Hal Ehwal Islam




Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)

HLP disediakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai tajaan kepada pegawai perkhidmatan awam untuk membiayai kos pengajian pada peringkat ijazah lanjutan iaitu Sarjana dan Doktor Falsafah (Ph.D). Semua pegawai yang mendapat tajaan HLP diberi cuti belajar bergaji penuh. Semenjak diperkenalkan sehingga tahun 2013, seramai 34 orang pegawai JAKIM berjaya mendapat tajaan HLP bagi mengikuti pengajian di peringkat Ph.D, manakala 137 orang pegawai ditaja untuk pengajian peringkat Sarjana dalam pelbagai bidang. Butiran permohonan dan tajaan HLP dalam tempoh 5 tahun terkini adalah seperti jadual berikut :

JADUAL PERMOHONAN DAN TAJAAN PHD/ MASTER 2010

HLP/ TAHUN	PHD		MASTER	
	MOHON	TAJAAN	MOHON	TAJAAN
2009	8	6	19	13
2010	11	7	34	11
2011	9	4	31	11
2012	6	5	21	10
2013	3	1	10	6
JUMLAH	**37**	**23**	**115**	**51**

CARTA : TABURAN PEGAWAI YANG MEMILIKI SARJANA & DOKTOR FALSAFAH (Ph.D) MENGIKUT BIDANG



	Dakwah	Pengurusan Halal	Syariah - Ekonomi & Muamalat	Pengurusan Teknologi Maklumat	Akidah & Perbandingan Agama	Undang-Undang	Bahasa Arab	Fiqh & Usul Fiqh	Qiraat	Psikologi & Kaunseling	Syariah	Usuluddin	Falak	Pengurusan
Pegawai yang memiliki Ph.D	3	2	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Pegawai yang memiliki Sarjana	8	1	5	0	2	8	2	1	1	7	13	7	1	15

Konvensyen Pegawai Kader

Antara objektif konvensyen ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan penjelasan tentang isu-isu semasa berkaitan hal ehwal Islam sebagai persediaan menghadapi masyarakat luar dan juga untuk membentuk dan mengembangkan pengetahuan dan potensi Pegawai Hal Ehwal Islam sebagai agen atau kader dakwah di agensi luar. Beberapa siri konvensyen yang diadakan adalah:

i) Konvensyen Perkhidmatan Hal Ehwal Islam Zon Utara pada 22-23 Mac 2013, bertempat di Hotel Harvard Suasana, Gurun, Kedah. Konvensyen ini dihadiri 120 orang pegawai dan kakitangan JAKIM yang sedang berkhidmat di beberapa agensi Zon Utara seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Penjara, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA) PDRM dan Hospital. Selain itu, ia juga turut dihadiri pegawai-pegawai dari Jabatan Agama Islam Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

ii) Konvensyen Kader Post JAKIM Zon Sabah pada 20–23 April 2013, bertempat di Pusat Latihan Islam Kundasang dihadiri seramai 30 orang peserta.

iii) Konvensyen Kader Post JAKIM Zon Timur pada 18–20 Jun 2013 bertempat di Terengganu dihadiri seramai 160 orang peserta.

iv) Konvensyen Kader Post JAKIM Zon Selatan pada 20–22 Ogos 2013 dihadiri 130 orang peserta.

Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa

Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa telah diadakan di Kaherah Mesir, disertai 19 orang Pegawai Hal Ehwal Islam, iaitu 10 orang pegawai JAKIM yang mendapat tajaan penuh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) dan 9 orang pegawai Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Jabatan Mufti dan juga KAGAT. Julung-julung kalinya, program ini turut disertai Pegawai Agama dari Pusat-Pusat Islam di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan (IPT). Kursus ini berlangsung selama 3 bulan, bermula 12 Mei 2013 hingga 31 Julai 2013 dan dikendalikan oleh pejabat Setiausaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Dakwah Islamiah al-Azhar Mesir.

Kursus seumpama ini diadakan sebagai satu usaha JAKIM untuk meningkatkan kemahiran, kepakaran, pengetahuan dan pengalaman dalam kalangan Pegawai Hal Ehwal Islam, khususnya berkaitan pengurusan dakwah dan kefatwaan yang berhubung rapat dengan masalah semasa ummah. Kursus ini juga memberi penekanan kepada asas-asas ilmu bagi mengeluarkan sesuatu hukum. Peserta kursus turut ditempatkan di Darul Ifta' secara *attachment,* khusus bagi mendalami kemahiran pengurusan kefatwaan selama tiga minggu.



Peserta Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa di Mesir

Skim Pembiayaan Hafiz (SPH)

Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) dilaksanakan berdasarkan keputusan Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam (MKI) kali ke 49/2009 yang bersidang pada 19 Jun 2009, dan dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Mesyuarat ini telah meluluskan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk membiayai pengajian pelajar-pelajar Hafiz yang telah menghafaz al-Quran sebanyak 30 juzuk di Institusi-institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negara.


Objektif SPH adalah untuk:

a. Memartabatkan serta menarik minat masyarakat dalam bidang pengajian al-Quran.


b. Membantu menjana modal insan dalam kalangan penghafaz al-Quran.

c. Membantu golongan penghafaz al-Quran melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.


Bermula tahun 2013, pengurusan SPH dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Pembangunan Insan, JAKIM, berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan JAKIM Bil 10/2012 bertarikh 24 Oktober 2012. Taburan negara pengajian dan penerima SPH mengikut IPT adalah seperti Carta 4, Carta 5, Carta 6 dan Carta 7:




Carta 5: Taburan Penerima SPH 2013 Mengikut IPT (Tempatan)



Carta 6: Taburan Penerima SPH 2013 Mengikut IPT (JORDAN)



Carta 7: Taburan Penerima SPH 2013 Mengikut IPT (MESIR)



Carta 4: Taburan Penerima SPH 2013 Mengikut Negara Pengajian



Majlis Penyerahan Skim Pembiayaan Hafiz yang disempurnakan oleh YB. Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom, (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri

PEMBANGUNAN MODUL DAN KURIKULUM

JAKIM bertanggungjawab membangunkan modul-modul latihan bagi membina kompetensi para Pegawai Hal Ehwal Islam (PHEI) yang merangkumi tiga aspek utama, iaitu pengetahuan (knowledge), kemahiran (skill) dan sahsiah diri (attitude). Pembangunan modul-modul latihan dilaksanakan berdasarkan keperluan latihan PHEI yang telah dikenal pasti, bersandarkan lapan teras utama JAKIM. Modul yang dibangunkan ini sebahagiannya adalah modul Pelan Operasi Latihan (POL) yang merupakan kursus wajib kepada semua PHEI. Pelaksanaan modul POL ini adalah mengikut kesesuaian kandungan dan bidang kemahiran yang telah ditentukan.

Sebanyak empat (4) buah modul telah dicetak sepanjang tahun 2013, iaitu :

a) Modul Sijil Tinggi Falak Syar'ie,

b) Modul *i-Qawiyy al Amin*;

c) Modul Pengurusan Halal; dan

d) Modul Bantuan Kendiri.


Pengukuhan Modal Insan Melalui Latihan Berterusan

JAKIM melalui Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) terus melakar kejayaan meneruskan misi dalam beriltizam membangun kompetensi dan kepakaran berteraskan Islam. ILIM telah diberi tanggungjawab secara *total* menguruskan pelaksanaan latihan menerusi teras satu sasaran kerja strategik JAKIM yang bertujuan untuk pemerkasaan keupayaan dan kapasiti organisasi bagi meningkatkan kecekapan dan penyampaian perkhidmatan jabatan.

Teras satu sasaran kerja strategik JAKIM telah direalisasikan dengan terlaksananya 143 program pada tahun 2013 meliputi kursus, seminar, wacana, konvensyen, bicara tokoh dan seumpamanya. Kesemua program ini mencapai jumlah penyertaan seramai 7319 orang termasuk peserta dari luar negara.

Selain kursus jangka pendek, JAKIM melalui ILIM turut melaksanakan kursus jangka sederhana seperti Diploma Pengurusan Islam (DPI), Sijil Tinggi Muamalat (STM), Sijil Tinggi Pengurusan Sains Dakwah (STPSD), Kursus Falak Peringkat Serantau (MABIMS) serta Program Tafaqquh Fi al-Din yang mengambil masa selama 3 minggu sehingga setahun. Berikut diperincikan program yang dilaksanakan sepanjang tahun 2013 pada carta 1.

Carta 1: Sebanyak 143 Program Sepanjang Tahun 2013




Majlis Konvokesyen Graduan Diploma Pengurusan Islam Kali Kedua

Majlis Konvokesyen Graduan Diploma Pengurusan Islam Kali Kedua telah berlangsung di Dewan Datuk Mohd Shahir, ILIM, Bangi Selangor pada 17 September 2013 bersamaan 11 Zulkaedah 1434. Majlis gilang gemilang ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom. Majlis ini turut dihadiri oleh Ketua Pengarah JAKIM , Dato' Haji Othman bin Mustapha dan pegawai-pegawai tertinggi JAKIM serta ahli keluarga graduan.

Majlis Konvokesyen ini diadakan khusus bagi meraikan para graduan Diploma Pengurusan Islam (DPI) Siri II 2011/2012 dan graduan DPI Siri III 2012/2013, di samping peserta Sijil Tafaqquh Fi al-Din, Sijil Tinggi Mualamat (STM) dan Sijil Tinggi Pengurusan Sains Dakwah (STPSD). Jumlah penerima diploma dan sijil adalah seperti berikut:

Carta 3: Jumlah Penerima Diploma / Sijil





YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom berucap dalam Majlis Konvokesyen ILIM Kali Kedua.



Penyampaian Diploma kepada para graduan

Konvensyen Pusat-Pusat Latihan Islam Malaysia Peringkat Kebangsaan Kali Kedua

Konvensyen Latihan Islam Peringkat Kebangsaan Kali Kedua merupakan susulan daripada pelaksanaan konvensyen kali pertama. Konvensyen kali ini telah berlangsung pada 26–27



Ucapan Perasmian oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM

November 2014 bertempat di Dewan Datuk Mohd Shahir, ILIM, Bangi Selangor. Konvensyen ini telah disertai seramai 198 orang peserta dari pelbagai pusat/ institusi latihan Islam, awam dan swasta di seluruh Malaysia.

Matlamat utama konvensyen adalah untuk mewujudkan kerjasama strategik antara institusi latihan awam dan Islam di seluruh Malaysia. Justeru satu pertemuan perlu diatur bagi mengorak langkah ke arah mencapai matlamat yang diimpikan. Selain itu, pertemuan setiap wakil institusi dalam konvensyen dapat memberi perkongsian maklumat dan pengalaman meliputi pelbagai bidang latihan, baik dari aspek pengurusan, kepakaran bidang latihan, kemudahan dan sebagainya.

Resolusi Konvensyen yang dipersetujui telah menetapkan lima dasar utama yang perlu diberi penekanan, iaitu berkaitan:

1. Personaliti Rabbani
2. Badan Akreditasi Latihan Islam
3. Standard Latihan Islam
4. Sistem Kawalan Standard Latihan Islam
5. Am



Sesi soal jawab peserta bersama Dato' Haji Razali Bin Sahabudin



Barisan para peserta Konvesyen Pusat Latihan Islam Kali Kedua

Seminar al–Quran Kali Kelima Sempena Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 2013

Seminar al-Quran Kali Kelima Sempena Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Tahun 2013 sekali lagi diadakan bertempat di Dewan Datuk Mohd Shahir, ILIM, Bangi. Seminar yang dihadiri seramai 720 orang peserta ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah JAKIM , Dato' Haji Othman bin Mustapha. Tema kali ini ialah "al-Quran Sebagai Peradaban Hidup", manakala objektif utama seminar adalah untuk membuka minda peserta ke arah menghadapi situasi kehidupan yang mencabar dan memerlukan iltizam yang tinggi berpandukan ilmu wahyu Ilahi.

Antara kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar tersebut ialah:

1) "Sejarah dan Tatacara Penerimaan Wahyu oleh Baginda Nabi SAW" disampaikan oleh Dato' Haji Sallehuddin bin Omar (Hakim Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa)
2) "Mengenali Ayat-ayat Kauniyyah Serta Kaitannya Dengan Sains dan Kajian Alam" disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Mat Rofa bin Ismail (Universiti Putra Malaysia)
3) "Al-Quran, Kaunseling Dan Perubatan Islam: Suatu Mekanisma Pembinaan Jati Diri" disampaikan oleh Encik Hasanuddin bin Mohd Yunus, Pengarah Hal Ehwal Pembangunan Islam FELDA.







Program Latihan Di Institut Latiah Islam Malaysia Wilayah Timur (ILTIM)

JAKIM melalui Institut Latihan Islam Malaysia Wilayah Timur (ILTIM) berperanan melatih pegawai pengurusan hal ehwal Islam daripada pelbagai agensi agama di persekutuan dan negeri dalam membina kemahiran dan meningkatkan pembangunan kerjaya, juga memberi latihan dan motivasi yang bersifat keislaman kepada penjawat awam dan masyarakat. Keutamaan latihan di ILTIM adalah kepada peserta daripada agensi agama di Pantai Timur, khususnya Terengganu, Kelantan dan Pahang. Peserta program terdiri daripada Imam, Kakitangan Jabatan/ Majlis Agama Islam Negeri, Guru KAFA, Penggerak Masyarakat Orang Asli, BAKA, KAGAT, guru takmir, guru agama dan sebagainya. Terdapat lima pusat/ unit yang diwujudkan bagi memantapkan pengurusan dan latihan seperti berikut:

i. Pusat Pengurusan Islam (PPI)
ii. Pusat Pengajian Sains Dakwah (PPSD)
iii. Pusat Pembangunan Insan (PBI)
iv. Unit Pentadbiran dan Kewangan (P&W)
v. Unit Perhubungan, Perancangan Latihan dan Pembangunan (UPPLP)

Sebanyak **54 kursus** telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2013 dengan penyertaan seramai **2920 orang peserta**.

Bil	Pusat	Jumlah Kursus	Jumlah Peserta
1	Pusat Pengurusan Islam (PPI)	Kursus anjuran ILTIM : 18	**943**
		Kursus dengan kerjasama kementerian/ jabatan luar : -	
2	Pusat Pembangunan Insan (PBI)	Kursus anjuran ILTIM : 18	**1109**
		Kursus dengan kerjasama kementerian/ jabatan luar :-	
3	Pusat Pengajian Sains Dakwah (PPSD)	Kursus anjuran ILTIM : 18	**868**
		Kursus dengan kerjasama kementerian/ jabatan luar : -	
JUMLAH		**54**	**2920**

Jadual 1 : Pelaksanaan Kursus ILTIM Tahun 2013

Bulan	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta
Januari	3	117
Februari	6	404
Mac	4	135
April	5	181
Mei	6	396
Jun	4	135
Julai	2	288
Ogos	3	356
September	7	255
Oktober	6	225
November	5	206
Disember	3	222
Jumlah	**54**	**2920**

Jadual 2 : Taburan Pelaksanaan Kursus ILTIM Mengikut Bulan Bagi Tahun 2013

Berikut adalah program latihan JAKIM yang dilaksanakan di ILTIM di bawah Pusat Pengajian Sains Dakwah (PPSD):

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	BIL PESERTA	KUMPULAN SASARAN
1	Kursus Pengurusan Dakwah	28-30 Januari 2013	36 orang	Jabatan Kerajaan, Mufti, Pejabat | Agama Daerah, Pegawai Penyelaras Masjid Dan Penggerak Dakwah
2	Kursus Pengajaran & Pembelajaran	12-14 Februari 2013	36 orang	Pengerusi Dan AJK Masjid dan Kader JAKIM
3	Kursus Pengucapan Awam & Pidato	24-26 Februari 2013	30 orang	Pegawai Agensi Agama Wilayah Timur
4	Kursus Metodologi Dakwah	19-21 Mac 2013	31 orang	Guru Takmir dan Pegawai Agensi Agama
5	Kursus Pengurusan Dakwah	16-18 April 2013	35 orang	Kumpulan Sokongan JAKIM , MAIN Dan JAIN
6	Kursus Kepimpinan Dakwah	14-16 Mei 2013	30 orang	Ibu Tunggal, Pegawai/ Kakitangan Wanita Pelbagai Agensi Kerajaan
7	Kursus Pengajaran Dan Pembelajaran	21-23 Mei 2013	35 orang	Guru Takmir Dan Guru KAFA

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	BIL PESERTA	KUMPULAN SASARAN
8	Syarahan Perdana	30 Mei 2013	220 orang	Terbuka
9	Kursus Panduan Membaca Doa	02-04 Jun 2013	39 orang	Pegawai Hal Ehwal Islam dari Kumpulan Pengurusan Profesional, Kumpulan Pelaksana Dan Guru KAFA
10	Kursus Komunikasi Dakwah	18-20 Jun 2013	26 orang	Pelbagai agensi kerajaan, JAIN, MAIN, Jabatan Mufti, Pejabat Agama Daerah, Pusat Urus Zakat, Yayasan Islam, Pentadbir Sekolah Agama
11	Metodologi Dakwah	25-27 Ogos 2013	40 orang	Guru Takmir Dan Pegawai Agensi Agama
12	Kursus Komunikasi Dakwah	03-05 September 2013	40 orang	Pelbagai agensi kerajaan, JAIN, MAIN, Jabatan Mufti, Pejabat Agama Daerah, Pusat Urus Zakat, Yayasan Islam, Pentadbir Sekolah Agama
13	Kursus Panduan Membaca Doa'	17-19 September 2013	40 orang	Pegawai Hal Ehwal Islam dari Kumpulan Pengurusan Profesional dan Kumpulan Pelaksana Dan Guru KAFA
14	Kursus Kesedaran Halal	01-03 Oktober 2013	33 orang	Kakitangan Sokongan 1 dan 2 di pelbagai agensi dan industri-industri di bawah kawal selia jabatan kerajaan dan badan berkanun.
15	Kursus Kepimpinan Dakwah	27-29 Oktober 2013	30 orang	Ibu Tunggal, Pegawai/ Kakitangan Wanita Pelbagai Agensi Kerajaan
16	Syarahan Perdana (Maal Hijrah)	7 November 2013	75 orang	Terbuka
17	Kursus Pengucapan Awam dan Pidato Profesional	26-28 November 2013	31 orang	Pegawai Agensi Agama Wilayah Timur
18	Kursus Pengajaran Dan Pembelajaran	1-3 Disember 2013	39 orang	Guru Takmir dan Guru KAFA

Jadual 3: Pelaksanaan Kursus Pusat Pengajian Sains Dakwah Tahun 2013

Berikut pula program latihan JAKIM yang dilaksanakan di ILTIM di bawah Pusat Pengurusan Islam (PPI):

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	BIL PESERTA	KUMPULAN SASARAN
1.	Kursus Pengurusan Pentadbiran Masjid	21-23 Januari 2013	35 orang	Pengerusi Dan AJK Masjid dan Kader JAKIM
2.	Kursus Profesionalisme Imam	19-21 Februari 2013	35 orang	Imam-Imam Masjid, JAIN dan Kader Pos JAKIM
3.	Kursus Penulisan Teks & Penyampaian Khutbah	05-07 Mac 2013	26 orang	Imam-imam Masjid JAIN, MAIN Dan Kader Post JAKIM
4.	Kursus Falak Asas	26-28 Mac 2013	35 orang	Pegawai dan kakitangan JAKIM , JAIN, MAIN, Pejabat Mufti, JKSM serta pegawai masjid dan jabatan lain
5.	Kursus Pengacara Majlis Dalam Bahasa Arab	09-11 April 2013	29 orang	JAIN, MAIN, Kader JAKIM , Sekolah Agama
6.	Kursus Bahasa Arab Asas	28-30 April 2013	37 orang	Terbuka
7.	Kursus Bahasa Arab Siri 2	07-09 Mei 2013	41 orang	Terbuka
8.	Kursus Pengacara Majlis Dalam Bahasa Arab Siri 2	26-28 Mei 2013	27 orang	JAKIM , JAIN, MAIN, IPG, GURU SMKA, YIK dan jabatan lain
9.	Kursus Bahasa Mandarin Asas	11-13 Jun 2013	30 orang	Terbuka
10.	Kursus Bahasa Mandarin Siri 2	25-27 Jun 2013	40 orang	Terbuka
11.	Syarahan Perdana (Ambang Ramadan)	04 Julai 2013	250 orang	Ketua-Ketua Jabatan Daerah Besut dan jabatan lain di Wilayah Timur
12.	Kursus Penulisan Surat Rasmi Dan Memo Berkualiti	27-29 Ogos 2013	40 orang	JAKIM , MAIN, JAIN, Sekolah Agama YIK dan jabatan lain
13.	Kursus Pengurusan Harta Pusaka	10-12 September 2013	40 orang	Pentadbir Pusaka MAIN, JAIN, Kader Post JAKIM dan jabatan lain
14.	Kursus Perbandingan Agama	08-10 Oktober 2013	40 orang	Pegawai JAKIM , Kader Post JAKIM , JAIN, MAIN dan lain-lain
15.	Kursus Bahasa Arab	29-31 Oktober 2013	41 orang	JAKIM , MAIN, JAIN, SMKA, Guru YIK dan lain-lain
16.	Kursus Pengurusan Mesyuarat Berkualiti	19-21 November 2013	30 orang	JAKIM , JAIN, MAIN, dan lain-lain
17.	Kursus Pengurusan Keluarga Siri 3	24-26 November 2013	36 orang	Kader JAKIM , JAIN, MAIN dan agensi-agensi lain
18.	Wacana *Turath* dan Isu Semasa	28 November 2013	135 orang	JAKIM , JAIN, MAIN, dan jabatan lain di Wilayah Timur

Jadual 4 : Pelaksanaan Kursus Pusat Pengurusan Islam, ILTIM

Berikut adalah program latihan JAKIM di ILTIM di bawah Pusat Pembangunan Insan:

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	BIL PESERTA	KUMPULAN SASARAN
1.	Kursus Pengurusan Keluarga Siri 1	15-17 Januari 2013	45 orang	Kader JAKIM , JAIN, MAIN dan agensi agama lain
2.	Syarahan Perdana	04 Februari 2013	250 orang	Terbuka
3.	Kursus Cakna al-Quran	05-07 Februari 2013	36 orang	Kader JAKIM , JAIN, MAIN dan agensi agama lain
4.	Kursus Penguatkuasaan Syariah	26-28 Februari 2013	43 orang	Pegawai Penguatkuasaan Syariah JAIN dan Pegawai Syariah JKSM
5	Kursus Pengurusan Ibadah Pesakit	12-14 Mac 2013	43 orang	Kader JAKIM , JAIN, MAIN, agensi kerajaan lain
6	Kursus Kaunseling dan Runding Cara Keluarga	02-04 April 2013	43 orang	Kader JAKIM , JAIN , MAIN dan agensi agama lain
7	Kursus Pengurusan Jenazah	22-24 April 2013	37 orang	Kader JAKIM , JAIN, MAIN, agensi agama dan jabatan lain
8	Kursus Cakna al-Quran	14-16 Mei 2013	42 orang	Kader Wilayah Timur/ Terbuka
9	Kursus Pengurusan Keluarga	02-04 Julai 2013	38 orang	Kader JAKIM , JAIN, MAIN, agensi agama lain
10	Syarahan Perdana	22 Ogos 2013	270 orang	Terbuka Kepada Seluruh Pegawai dan Kakitangan Jabatan/ Agensi
11	Kursus Profesionalisme Jurunikah	03-05 September 2013	33 orang	JAIN (Jurunikah)
12	Kursus Cakna al-Quran Lanjuta	08-10 September 2013	43 orang	Kader JAKIM , JAIN/ MAIN (Imam/ Bilal), guru KAFA dan agensi agama lain
13	Kursus Asas Pendakwaan Syariah	24-26 September 2013	29 orang	JKSM dan JAIN
14	Kursus Penguatkuasaan Syariah	06-08 Oktober 2013	40 orang	Pegawai Penguatkuasaan Syariah JAIN, Pegawai Syariah JKSM
15	Kursus Pengurusan Jenazah	22-24 Oktober 2013	41 orang	Kader JAKIM , JAIN, MAIN, dan lain-lain Jabatan
16	Kursus Kaunseling Dan Runding Cara Keluarga Siri 2	12-14 November 2013	34 orang	Kader JAKIM , JAIN, MAIN dan agensi lain
17	Kursus Pengurusan Keluarga Siri 3	24-26 November 2013	36 orang	Kader JAKIM , JAIN, MAIN dan agensi lain
17	Kursus Asas *Tarannum*	3-5 Disember 2013	48 orang	JAKIM , JAIN, MAIN, dan jabatan lain

Jadual 5 : Pelaksanaan Kursus Pusat Pembangunan Insan, ILTIM

Syarahan Perdana dan Seminar

Sebanyak 6 majlis syarahan perdana dan seminar telah diadakan di ILTIM sepanjang tahun 2013, iaitu:-

PROGRAM	TARIKH	TAJUK	PANEL	JUMLAH PESERTA
Syarahan Perdana (Siri1/ 2013)	04 Februari 2013	Integriti Rasulullah SAW Sebagai Tonggak Kesatuan Ummah	Dr. Zulkifli bin Muda	250 orang
Syarahan Perdana (Siri2/ 2013)	30 Mei 2013	Papa Smart… Mama Hebat	Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri	220 orang
Syarahan Perdana (Ambang Ramadan) (Siri 3/ 2013)	04 Julai 2013	*Ahlan Wa Sahlan Ya Ramadan*	Tuan Haji Suhaimi bin Mohamad	250 orang
Syarahan Perdana (Pasca Aidilfitri) (Siri 4/ 2013)	22 Ogos 2013	Kehidupan Manusia: Ke Mana Haluannya	Ustaz Nor Hamizi bin Jamaluddin	270 orang
Syarahan Perdana (Maal Hijrah) (Siri 5/ 2013)	7 November 2013	Hijrah: Bukan Sekadar Lintasan Sejarah	Ustaz Fikri bin Hamat	75 orang
Wacana *Turath* dan Isu Semasa (Siri 6/2013)	28 November 2013	Nikah Mut'ah: Seronok Tetapi Haram	Ustaz Shamsudin bin Abd. Rahman	135 orang

Jadual 6 : Program Syarahan Perdana dan Seminar 2013 (Program Kemasyarakatan)

Program Lawatan Ke Darul Quran, JAKIM

Sepanjang tahun 2013, Darul Quran telah menerima lawatan daripada beberapa kementerian, agensi dan juga sekolah. Antaranya ialah :

1. *Dar Al-Quran Wa Sunnah,* Gaza, Palestin
2. Institut Tahfiz al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITASHHB), Brunei
3. *Islamic Malay Australian Association Of New South Wales* (IMAAN), Australia
4. Persatuan Kakitangan Perkhidmatan Ugama (PKPU) JAKIM bersama *Cambodian Muslim Intellectual Alliance* (CMIA),Kemboja
5. Akademi Pengajian Islam Darul Sufi, Ipoh, Perak
6. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
7. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
8. Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan
9. Sektor Pendidikan Islam Pahang
10. Sekolah Menengah Islam Al-Akhyar, Johor Bahru
11. Sekolah Menengah Agama Setiu, Terengganu
12. Maahad Johor, Johor Bahru
13. *Madrasah At-Tarbiah Al-Islamiah* (MATRI), Perlis






Graduan Hafiz UNITEN


Buat julung kalinya, Darul Quran, JAKIM dengan kerjasama Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) berjaya melahirkan graduan hafiz dalam jurusan kejuruteraan pada Majlis Istiadat Konvokesyen Darul Quran JAKIM kali ke-22 pada 7 Julai 2013 baru-baru ini. Mereka merupakan bakal graduan jurusan kejuruteraan di UNITEN, dan dalam masa yang sama bergelar *al-hafiz*.




Majlis yang dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Othman bin Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM itu telah menyaksikan seramai 22 orang graduan Program Pensijilan Tahfiz UNITEN. Selain itu turut diraikan 34 orang pelajar Ijazah, 290 orang pelajar Darul Quran dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN) yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka di peringkat diploma, 126 orang pelajar di peringkat persijilan tahfiz al-Quran (DQ-UIAM) dan 23 orang pelajar di peringkat Sijil Tinggi Tarannum al-Quran (STTQ).








PENCAPAIAN CALON PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN MENGIKUT PANGKAT



PENCAPAIAN CALON PROGRAM SIJIL TAHFIZ AL-QURAN MENGIKUT PANGKAT



PENCAPAIAN CALON PROGRAM SIJIL TINGGI TARANNUM AL-QURAN MENGIKUT PANGKAT

Majlis Khatam Hafazan

Majlis Khatam Hafazan al-Quran, Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran telah diadakan pada 18 Mei 2013, menyaksikan 147 orang mahasiswa dan mahasiswi diraikan di Darul Quran setelah menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran. Daripada jumlah tersebut, seramai 21 orang mahasiswa adalah daripada Program Tahfiz Kejuruteraan Universiti Tenaga National (UNITEN).

Majlis diserikan dengan kehadiran Ketua Pengarah JAKIM , Dato' Haji Othman bin Mustapha selaku perasmi. Dalam ucapan yang disampaikan, beliau amat berharap agar generasi hafiz al-Quran akan menjawat jawatan Ketua Pengarah JAKIM suatu masa nanti, bahkan jawatan-jawatan penting lain dalam kerajaan.

Kursus Sijil Tinggi Tarannum Al-Quran

Bermula tahun 2012, Kursus Sijil Tinggi Tarannum Al-Quran (STTQ) telah diadakan di kampus Darul Quran JAKIM , Kuala Kubu Bharu, Selangor. Pada tahun 2013, pelaksanaan kursus STTQ di kampus Darul Quran diadakan pada 18 Mac hingga 10 Mei, yang disertai 23 orang peserta (18 orang lelaki dan 5 orang perempuan) dari pelbagai Jabatan Agama Islam Negeri dan agensi. Antara tenaga pengajar yang terlibat ialah Dato' Muhammad bin Hasri, Dato' Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail, Tuan Haji Che Yahya bin Daud, Ustaz Hasim bin Harun dan Ustaz Hasan al-Fadhli bin Abdul Rahman.









Persidangan Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Peringkat Kebangsaan

Penganjuran satu persidangan yang menjadi platform bagi membincangkan hal ehwal yang berkaitan dengan kurikulum dan ko-kurikulum antara Darul Quran dan MTQN adalah amat penting. Sehubungan dengan itu, Persidangan Pengetua-pengetua Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Peringkat Kebangsaan kali ke-26 telah berjaya dilaksanakan pada 26 hingga 28 November 2013 bertempat di Holiday Villa & Suites, Kota Bharu, Kelantan.

Persidangan kali pertama ini telah dipengerusikan oleh YBrs Puan Hajah Zawanah binti Muhammad, Pengarah Darul Quran, dan telah menghimpunkan seramai 33 ahli yang terdiri daripada pengetua serta wakil 13 buah Maahad Tahfiz al-Quran Wal-Qiraat Negeri yang menjalin kerjasama dengan Darul Quran.

Sebanyak 7 kertas makluman telah dibentangkan, antaranya Kertas Makluman Keputusan Peperiksaan Diploma Semester 2, 4 & 6 tahun 2013 dan Kertas Makluman Pelaksanaan *Ihtifal Huffaz* Peringkat Kebangsaan kali ke-4.





Kursus Komitmen Imam dan Bilal Daerah Lawas 2013

Kursus Komitmen Imam dan Bilal telah diadakan di Pusat Latihan Lawas, Sarawak pada 7 Ogos 2013, bertujuan memperkasa ilmu pengetahuan agama dan memberi pendedahan isu-isu kontemporari, khususnya kepada para imam dan bilal di Daerah Lawas. Kursus ini telah disertai seramai 54 orang peserta, dan masing-masing memberi maklum balas positif mengenainya dan berharap agar kursus seumpamanya lebih kerap diadakan di situ.



Peserta daripada kalangan Imam dan Bilal Daerah Lawas.



Salah seorang daripada peserta kursus yang bertanya soalan dan memberi cadangan positif.

Kursus Pengukuhan Integriti Penjawat Awam 2013



Slot pertama disampaikan oleh Ustaz Karia Bin Rahmat



Pegawai Daerah Lawas, En. Hussaini Hakim menyempurnakan majlis dan penyampaian sijil.

Kursus Pengukuhan Integriti Penjawat Awam telah diadakan pada 29 Ogos 2013 bertempat di Pusat Latihan Lawas, JAKIM Cawangan Sarawak, dan dihadiri 60 orang peserta dari Limbang dan Lawas, Sarawak. Antara aspek yang ditekankan ialah berkaitan nilai-nilai murni sebagai penjawat awam dan perkongsian ilmu yang disampaikan oleh pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Kursus ini telah disempurnakan oleh Pegawai Daerah Lawas, Encik Hussaini bin Hakim. Turut hadir ialah penceramah dari SPRM Cawangan Limbang dan Pengetua Pusat Latihan Lawas, Encik Sheikh Hadzrei Adam Bin Seberi.

Program Marathon Al-Quran

Pada 12 Julai 2013 bersamaan 3 Ramadan 1434, Program Marathon al-Quran telah diadakan julung-julung kalinya bertempat di Pusat Latihan Sarawak (PLS), JAKIM Cawangan Sarawak, sempena Seminar Penghayatan Ramadan. Peserta marathon menghabiskan 30 juzuk al-Quran dalam masa yang telah ditetapkan. Program ini dihadiri oleh pegawai dan kakitangan JAKIM Cawangan Sarawak serta masyarakat setempat. Turut diundang untuk melaksanakan program ini adalah Pelajar Tahfiz dan juga PERAPI Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS). Program diakhiri dengan penyampaian sumbangan kepada Pelajar Tahfiz dan PERAPI oleh Pengetua PLS, Ustaz Karia bin Haji Rahmat.



Peserta seminar penghayatan ramadan mendengar dengan penuh minat ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Mohd Zaki bin Jaafar.


Sekolah Pengurusan Organisasi (SPO)

Sebanyak 32 siri program telah dilaksanakan di bawah Sekolah Pengurusan Organisasi (SPO). Kursus yang dianjurkan adalah Kursus Penerapan Nilai Murni, Kursus Pembangunan Institusi Keluarga, Kursus Pengurusan Masjid dan Kursus Bina Insan. Setiap kursus dilaksanakan sebanyak 10 siri kecuali Kursus Bina Insan sebanyak 2 siri sahaja. Kursus ini melibatkan pelbagai agensi kerajaan persekutuan dan negeri serta NGO. Ia juga termasuk ceramah *slot-in* kursus agensi luar yang meminjam tempat kursus di Pusat Latihan Sarawak sebanyak 5 siri. Daripada 32 siri program, sebanyak 15 siri program dilaksanakan di luar Pusat Latihan Sarawak, manakala 17 siri program lagi dilaksanakan di Pusat Latihan Sarawak.

Statistik Pelaksanaan Program Mengikut Tahun


Tahun	Siri Program
2009	36
2010	28
2011	37
2012	31
2013	32

Statistik Pelaksanaan Program




Statistik Bilangan Peserta Kursus Mengikut Tahun

Tahun	Peserta (orang)
2009	
2010	2,077
2011	2,426
2012	2,171
2013	2,230



Statistik Sasaran Peserta (Kumpulan Sasar)

Kumpulan Sasar Mengikut Peratusan



Majlis Konvokesyen Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) KALI KE-11

Majlis Konvokesyen Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) telah diadakan pada 2 Julai 2013, bertempat di Dewan Kenyalang, IKMAS . Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sarawak. Seramai 97 graduan telah menerima Diploma Pengajian Islam dan Dakwah dan 20 orang graduan telah menerima Sijil Perapi.




Ahli Lembaga IKMAS 2013



TYT berkenan menyampaikan sijil dan diploma kepada graduan IKMAS

جابتن كماجوان إسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

JAKIM



PENYELARASAN PENDIDIKAN & PENGUKUHAN MASJID

PENYELARASAN PENDIDIKAN

Persidangan LEPAI Kali Ke-40

Persidangan Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran Dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) Kali ke-40 pada 21 Januari 2013 bertempat di Dewan 10 Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Persidangan ini dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Yusof bin Noor, Pengerusi LEPAI dan turut dihadiri oleh YB Senator Dato' Dr. Mashitah Binti Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YBhg. Prof. Dato' Paduka Mahmood Zuhdi bin Haji Abd. Majid, Naib Pengerusi LEPAI, EXCO-EXCO Agama Negeri-negeri, wakil Pengarah-pengarah Jabatan Agama Islam Negeri serta ahli-ahli yang dilantik.



Ahli-ahli persidangan yang hadir.

Persidangan LEPAI Kali Ke-41

Persidangan Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) Kali Ke-41 telah bersidang pada 15 November 2013 bertempat di Hotel Impiana Ipoh, Perak. Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) telah diamanah dan dipertanggungjawabkan oleh Majlis Raja-Raja bagi menyelaras program Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA), Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di seluruh Malaysia. Persidangan kali ini antara lain adalah bertujuan untuk memperkemas bidang tugas dan tanggungjawab LEPAI serta agensi terlibat agar seiring dengan perkembangan semasa pendidikan di negara ini.



Tan Sri Dr. Mohd Yusof bin Noor menyampaikan perutusan dalam persidangan.

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelaksanaan Resolusi Kongres Majlis Agama Islam Negeri-Negeri Seluruh Malaysia Kali Pertama

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelaksanaan Resolusi Kongres pada 14 Januari 2013 dan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM , YBhg. Dato' Haji Othman bin Mustapha bertempat di Dewan 10 Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Mesyuarat ini dihadiri oleh Setiausaha / wakil Majlis Agama Islam Negeri, Pengarah-pengarah Jabatan Agama Islam Negeri serta agensi-agensi yang berkaitan. Tujuan mesyuarat tersebut diadakan adalah bagi melihat dan menilai tindakan pelaksanaan 20 Resolusi Kongres meliputi bidang ekonomi, pendidikan dan perundangan serta berharap mesyuarat ini akan dapat dijadikan asas untuk mempertingkatkan pencapaian pada masa hadapan.



Dato' Haji Othman bin Mustapha menyampaikan perutusan dalam mesyuarat.



Ahli-ahli mesyuarat yang hadir.

Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-55

Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-55 telah diadakan pada 31 Mei 2013 (Jumaat) dan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak bertempat di Bilik Mesyuarat Perdana, Aras 3, Bangunan Perdana Putra, Blok Utama, Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya. Turut dihadiri oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, YB Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku Timbalan Pengerusi, YB Dato' Seri Dr. Abdullah bin Md Zin, Penasihat Agama Kepada YAB Perdana Menteri, Menteri Besar Perak, Terengganu, Perlis, Negeri Sembilan, Johor dan Ketua Menteri Melaka, EXCO-EXCO Agama, Ketua-Ketua Agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Pengarah-Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri dan Ahli-ahli dilantik.



Dato' Sri Najib Tun Razak beramah mesra dengan ahli-ahli mesyuarat yang hadir.



Gambar kenangan ahli-ahli Mesyuarat MKI kali ke-55.

Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Menengah Agama Malaysia (KESSUMA) Peringkat Kebangsaan Kali Ke-14 Tahun 2013

JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Pahang dan Jabatan Agama Negeri-Negeri seluruh Malaysia telah berjaya menganjurkan Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Agama Malaysia (KESSUMA) Peringkat Kebangsaan kali ke-14 pada 2 hingga 6 Jun 2013 bertempat di Kuantan, Pahang. Negeri Pahang merupakan tuan rumah pada penganjuran kali ini dan diadakan di tiga lokasi iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Kuantan, Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad, Kuantan dan Kompleks SUKPA, Indera Mahkota Kuantan.



Majlis Perasmian Pembukaan KESSUMA Peringkat Kebangsaan Kali ke-14 Tahun 1434H/2013M.



Perlawanan Bola Sepak dalam KESSUMA.

Persidangan Imam Besar Peringkat Kebangsaan Tahun 2013

JAKIM dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JHEAIK) telah mengadakan Persidangan Imam Besar Peringkat Kebangsaan 2013 pada 7 hingga 9 Mac 2013 di Hotel Park Avenue Sungai Petani, Kedah. Persidangan ini dihadiri oleh 120 orang peserta yang terdiri daripada Imam Besar Masjid Persekutuan, Imam Besar Masjid Negeri dan Imam Masjid Daerah dari seluruh Malaysia. Majlis perasmian telah diadakan pada 7 Mac 2013 yang dirasmikan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom ,Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Turut hadir dalam majlis perasmian ini ialah YBhg. Dato' Haji Othman bin Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM , Sheikh Suhaimi bin Salleh, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid JHEAIK yang mewakil Pengarah JHEAIK, Pengarah-Pengarah Bahagian JAKIM dan Pegawai Tadbir Agama Daerah Negeri Kedah.



Persidangan Imam Besar Peringkat Kebangsaan Tahun 2013.

Persidangan Pegawai Tadbir Agama Daerah (PTAD) Peringkat Kebangsaan Tahun 2013

JAKIM dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan telah mengadakan Persidangan Pegawai Tadbir Agama Daerah Peringkat Kebangsaan Tahun 2013 pada 10 hingga 12 Jun 2013 di Perdana Resort, Kota Bharu Kelantan. Majlis perasmian telah diadakan pada 11 Jun 2013 yang dirasmikan oleh YB Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Turut hadir dalam majlis perasmian ini ialah YBhg. Dato' Haji Othman bin Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM , Tuan Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM , Tuan Haji Mohd Salleh bin Jusoh, Timbalan Pengarah (Operasi) JHEAIK yang mewakili Pengarah JHEAIK, Dato' Haji Mohd Rozali bin Salleh, Pesuruhjaya Hal – Ehwal Agama Terengganu, dan Pengarah-Pengarah Bahagian JAKIM serta Ketua-Ketua Penolong Pengarah JHEAIK.



Dato' Seri Jamil Khir merasmikan Persidangan PTAD Peringkat Kebangsaan Tahun 2013.



Peserta-peserta yang hadir dalam persidangan.

PENGURUSAN MASJID
MASJID NEGARA

Program Bedah Buku : Mengenal Hakikat Syiah

Masjid Negara dengan kerjasama Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan telah menganjurkan program Bedah Buku "Mengenal Hakikat Syiah" yang dikarang oleh Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Haji Wan Zahidi bin Wan Teh pada Jumaat, 22 November 2013 bertempat di Dewan Syarahan Utama Masjid Negara.

Program ini dimulakan dengan sesi pembentangan pertama yang bertajuk 'Perbezaan Aqidah Ahli Sunnah dan Syiah' yang dipimpin oleh YBhg Ustaz Muhammad Ariffin bin Ismail, Panel Pemikir Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Seterusnya Mufti Wilayah Persekutuan dan Ketua Unit Kajian Syiah, Ikatan Muslimin Malaysia, Ustaz Mohamad bin Ismail telah menjayakan sesi Rumusan dan Soal Jawab.

Program ini telah dihadiri lebih 300 orang dari kakitangan JAKIM, YADIM, JAWI, Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan dan Agensi Kerajaan dan masyarakat awam. Majlis Perasmian Penutup disempurnakan oleh Tuan Haji Mohamad bin Mohd Zin, Timbalan Imam Besar Masjid Negara.



Peserta yang hadir.



Program Bedah Buku : Mengenal Hakikat Syiah

Program Khitan Di Masjid Negara

Masjid Negara telah menganjurkan Program Berkhitan Beramai-Ramai tahun 2013 di Masjid Negara Kuala Lumpur pada 16 November 2013. Seramai 126 peserta peserta menyertai program ini yang merupakan kerjasama di antara Unit Perkhidmatan Sosial, Masjid Negara dan Wawasan Medik Sdn. Bhd. atau Rumah Khitan yang akan menggunakan kaedah Smartklamp. Majlis ini dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Agama Wilayah Persekutuan Tuan Haji Paimuzi bin Yahya.

Program tahunan ini telah bermula sejak tahun 1993 sempena musim cuti persekolahan. Kanak-kanak yang terlibat berusia antara 5 hingga 12 tahun. Program ini diadakan bagi merapatkan hubungan persaudaraan dan perpaduan di kalangan masyarakat luar dengan kakitangan masjid. Selain itu ia memenuhi tuntutan agama Islam yang mahukan setiap umatnya memiliki kualiti kesihatan yang terbaik di samping memberi maklumat kepentingan berkhitan seperti yang dituntut oleh agama Islam.



Tuan Haji Paimuzi Yahya merasmikan majlis tersebut.



Kanak-kanak yang menyertai program khitan.

Ziarah Dan Qurban di Ho Chi Minh City Vietnam

Imam Besar Masjid Negara Tan Sri Dato' Syaikh Haji Ismail bin Haji Muhammad mengetuai rombongan Masjid Negara, (JAKIM) buat julung kalinya ke Bandaraya Ho Chih Minh (Saigon) Vietnam bagi melaksanakan program Ziarah dan Qurban bermula 17 sehingga 20 Oktober 2013.



Ahli rombongan yang menyertai program Ziarah Dan Qurban Di Ho Chi Minh City Vietnam.



Program korban di Ho Chi Minh City Vietnam.

Program anjuran Persatuan Kebajikan Kakitangan Masjid Negara dan Konsulat Malaysia di Ho Chih Minh City, melibatkan lebih 40 orang pegawai dan staf Masjid Negara dengan disertai sukarelawan dari Muslim Aid, Syarikat Raudah, Kelab Grand Livina, petugas media dari Kumpulan Karangkraf dan sukarelawan persendirian.

Sejumlah 11 ekor lembu korban hasil sumbangan syarikat, dan orang perseorangan korporat di Malaysia telah berjaya di sembelih pada 17 Oktober 2013 di lokasi sembelihan Halal di District 7 dan keesokan harinya diagihkan kepada masyarakat Islam di sekitar Bandaraya Ho Chih Minh khususnya sekitar Masjid Anwar di kawasan District 8 bandaraya tersebut.

Majlis Penyampaian Sijil Kelas Pengajian Dewasa & Kanak-Kanak

Majlis Penyampaian Sijil Kelas-Kelas Pengajian Dewasa dan Kanak-Kanak/Remaja Unit Pengajian 2013 Masjid Negara telah dilaksanakan pada 21 September 2013 di Dewan Syarahan Utama, Masjid Negara. Seramai 120 orang pelajar telah menerima skrol sijil pencapaian tamat pengajian. Selain itu juga anugerah pelajar terbaik juga turut diberi berdasarkan kecemerlangan sepanjang tempoh pengajian kepada kategori-kategori pelajar seperti berikut:

1. Pelajar Terbaik Kelas Tahfiz Al Quran
2. Pelajar Terbaik Kelas Bahasa Arab
3. Pelajar Terbaik Kelas Fardhu Ain
4. Pelajar Terbaik Kelas Al-Quran Asas

Majlis perasmian penutup disempurnakan oleh Timbalan Imam Besar Masjid Negara Tuan Haji Mohamad Bin Mohd Zin. Di akhir ucapan beliau menyarankan para hadirin supaya memahami serta mengamalkan hadith sabda Rasulullah SAW agar umatnya sentiasa menuntut ilmu jika ingin memperolehi kejayaan di dunia dan akhirat. Sesungguhnya ilmu pengetahuan akan bertambah apabila diamalkan manakala harta benda akan berkurangan jika dibelanjakan.



Tuan Haji Mohamad bin Mohd Zin menyampaikan ucapan.

Seminar Perubatan Islam

Masjid Negara, JAKIM dengan kerjasama Pusat Perubatan Darussyifa' telah berjaya menganjurkan Seminar Perubatan Islam pada Jumaat 21 Jun 2013 Dewan Syarahan Utama, Masjid Negara. Program ini mendapat sambutan di luar jangkaan apabila lebih dari 350 orang peserta telah hadir. Bertujuan memberi kefahaman kepada masyarakat tentang ilmu perubatan Islam yang sebenar berpandukan al-Quran dan Hadith di samping memberi kesedaran kepada masyarakat agar menjadikan kaedah perubatan Islam sebagai alternatif dari sudut perubatan. Antara kertas kerja yang dibentangkan ialah "Konsep dan Amalan dalam Perubatan Islam", "Ruqyah Syariyyah" dan "Makhluk Halus dan Gangguannya terhadap Manusia". Ucaptama seminar ini disampaikan oleh Pengasas dan Penasihat Darussyifa' Tuan Guru Dato' Dr. Haron Din.





MASJID PUTRA

Kursus Dan Bengkel Anjuran Masjid Putra

Pada tahun 2013, pelbagai aktiviti dan program dijalankan untuk Jemaah dan kariah masjid bagi mengimarahkan lagi masjid. Aktiviti yang dijalankan adalah merangkumi kumpulan sasar dewasa, suri rumah dan pelajar sekolah serta belia.



Kelas Komputer Sempena Cuti Persekolahan dimanfaat pelajar sekolah di sekitar Putrajaya



Kuliah Pengajian Umum yang diadakan hampir setiap Ahad mendapat sambutan hangat dari kalangan jemaah



Kakitangan Masjid Putra bertanya khabar kepada penghuni Rumah Jagaan dan Rawatan Orang Tua Al-Ikhlas, Pulau Meranti, Putra Perdana, Puchong



Ustaz Zulrushdi Salleh mewakili kakitangan Masjid Putra menerima cenderamata dari pengerusi Rumah Jagaan dan Rawatan Orang Tua Al-Ikhlas

Program Kerjasama Kementerian/Agensi Kerajaan

Pihak pengurusan Masjid Putra mengalu-alukan penganjuran program secara integrasi atau kerjasama bersama kementerian dan agensi kerajaan mahupun Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk mengimarahkan masjid. Di sepanjang tahun 2013 pelbagai agensi telah bekerjasama dengan pengurusan masjid dalam penganjuran program berbentuk keagamaan mahupun ilmiah.



Majlis bacaan surah Yasin, Tahlil dan Doa Selamat anjuran bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)



Perhimpunan murid-murid tadika Islam seluruh Negara anjuran bersama Persatuan Tadika Islam Malaysia (PERTIM)



Kursus Haji Perdana anjuran bersama Lembaga Tabung Haji Malaysia (TH)

Program Sehari Bersama Jemaah Tahun 2013

Program Sehari Bersama Jemaah bagi tahun 2013 merupakan acara tahunan Masjid Putra sejak tahun 2006 dan sambutan dari jemaah semakin meningkat saban tahun. Selain itu, penglibatan dan permintaan dari agensi yang mengadakan pameran amat menggalakkan adalah antara faktor utama mendorong program ini diteruskan secara tahunan. YBhg. Dato' Haji Othman Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM telah hadir bagi merasmikan program dan berpuashati dengan sambutan baik dari pengunjung mahupun peserta pameran yang terlibat. Beliau juga tertarik dengan persembahan demonstrasi peserta kelas taekwondo Masjid Putra dengan aksi yang mantap ketika majlis perasmian program. Pelbagai acara pertandingan telah dijalankan bagi dewasa dan pelajar sekolah. Antaranya ialah Pertandingan Tilawah Al-Quran, Seni Khat, Ayat Hafazan, Khutbah dan Azan bagi kategori dewasa. Buat suri rumah atau kaum ibu pula pertandingan gubahan hantaran dan masakan disediakan, manakala pertandingan mewarna, bercerita, busana muslim, susun *puzzle* telah diadakan untuk pelajar sekolah.



Pelajar kelas taekwondo Masjid Putra mengambil peluang bergambar bersama Tn. Hj. Abd. Manaf, Imam Besar Masjid Putra.



Pertandingan mewarna bagi pelbagai kategori kanak-kanak mendapat sambutan luar biasa saban tahun.



Peserta pertandingan menerima hadiah daripada Imam Besar Masjid Putra.



Pengunjung tidak ketinggalan menyokong kempen derma darah yang diadakan di Masjid Putra dengan kerjasama Pusat Darah Negara



Demonstrasi Masakan oleh Chef berpengalaman juga diadakan buat kaum ibu/suri rumah



Gerai pameran Jabatan Penjara Malaysia menjadi tumpuan pelajar sekolah semasa program berlansung

Solat Sunat Hari Raya Aidilfitri & Aidil Adha 1434H/2013M

Sambutan Aidilfitri dan Aidiladha sewaktu solat sunat di Masjid Putra tidak lekang dengan jemaah yang memenuhi segenap ruang solat di Majid Putra. Kebanyakan jemaah terdiri dari pelajar dan pelancong asing yang ingin merasai pengalaman menyambut perayaan di perantauan yang ternyata berbeza dari negara asal masing-masing. Sejumlah 15,000 orang bersolat sunat berjemaah di masjid ini dan angka ini meningkat saban tahun.



Imam Besar Masjid Putra, Al-Fadhil Tn. Hj. Abd. Manaf Mat mengimamkan solat sunat Aidilfitri.



Jemaah memenuhi ruang solat di Masjid Putra bersama rakan dan saudara serta keluarga.



Mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahatdhir Mohamad sentiasa mendapat perhatian dan disenangi jemaah yang hadir.

Ibadah Qurban Masjid Putra 2013

Masjid Putra julung kalinya menganjurkan ibadah Qurban di premis masjid dan empat ekor lembu telah diperuntukkan untuk agihan pemilik bahagian Qurban dan kakitangan. Pelancong asing muslim juga berminat untuk menyumbang bahagian Qurban bagi mengimarahkan lagi program tahunan ini. Selain itu, Tan Sri Syeikh Ismail Dato' Muhammad, mantan Imam Besar Masjid Putra yang kini memegang jawatan Imam Besar Masjid Negara turut sama memeriahkan acara Qurban kali ini dengan menyumbang bahagiannya. Daging Qurban diagih-agihkan kepada golongan kurang bernasib baik.



Ibadah Qurban Masjid Putra turut disertai Tan Sri Syeikh Ismail Dato' Mohamad, Imam Besar Masjid Negara, Kuala Lumpur.



Pelancong muslim turut berminat untuk menyertai bahagian Qurban Masjid Putra.



Warga Masjid Putra bergotong-royong melapah daging lembu untuk agihan.

MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN (MTMZA)

Nabi Muhammad SAW pernah bersabda: *"Barangsiapa yang membangunkan masjid kerana Allah, nescaya Allah akan membangunkan baginya yang semacamnya di dalam syurga"*. MTMZA telah memulakan langkah perubahan ini untuk memartabatkan masjid dengan meningkatkan pelbagai program pengimarahan masjid bagi merealisasikan MTMZA sebagai Pusat Setempat (*One Stop Centre* -OSC) . Imam Harith al-Muhasibiy meriwayatkan daripada sahabat katanya: *'Akan tiba satu ketika, masjid-masjid besar tersergam indah, tetapi tidak mampu lagi melahirkan hidayah'*. Oleh itu, peningkatan ilmu, iman dan amal amatlah diperlukan untuk setiap mukmin bagi memartabatkan institusi masjid dalam mengembalikan kecemerlangan dan kegemilangan umat Islam di mata dunia.

Program Dakwah

Kepelbagaian aktiviti keagamaan yang dilaksanakan telah memberi menafaatkan kepada masyarakat Putrajaya dan sekitarnya serta mampu mengisi masa yang terluang dapat memberi kesan positif seperti merapatkan hubungan silaturahim dan dapat melahirkan modal insan yang berakhlak. MTMZA bukan hanya sekadar tempat solat berjemaah malah digiatkan dengan aktif dalam pelbagai aktiviti penyebaran ilmu dan dakwah serta menegakkan amal ma'ruf dan nahi munkar yang melibatkan penyertaan dari semua peringkat usia.

Program Aqiqah

MTMZA telah mengambil inisiatif bagi membantu masyarakat Putrajaya melaksanakan ibadah yang amat dituntut ini. Program ini telah diadakan pada 14 Oktober 2013 dengan melibatkan sebanyak 25 bahagian.

Puteraku Telah Dewasa

MTMZA telah menganjurkan Program Khitan Perdana 16 November 2013. Seawal jam 8.00 pagi Dewan Sheikh Daud al-Fathoni dipenuhi oleh para ibu bapa untuk mendaftar anak-anak berkhatan. Seramai 133 orang kanak-kanak yang berumur 5 hingga11 tahun menyertai program berkhatan pada kali ini. Majlis dimulakan dengan ucapan kata alu-aluan oleh Imam Besar Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Al-Fadhil Haji Hazarudin Bin Haji Baharudin. Para peserta dibawa berarak ke perkarangan masjid bagi acara semburan air iaitu mandi beramai-ramai yang dibantu oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Putrajaya. Keseronokan dan kegembiraan bersama rakan-rakan lain sedikit sebanyak dapat mengurangkan kegusaran dan fobia serta perasaan takut anak-anak. Seramai 7 orang doktor pakar dan 60 orang doktor perubatan dari Kolej Perubatan Cyberjaya turut membantu sesi berkhitan yang diadakan di dalam Dewan Sheikh Daud Al-Fathoni, MTMZA. Di samping itu, turut diadakan juga slot ceramah kesihatan kepada para hadirin.



Imam Besar MTMZA Tn. Hj. Hazarudin bin Baharudin sedang menyiram air kepada kanak-kanak sebelum dikatankan.



Suasana di dalam Dewan al-Fathoni ketika khitan beramai-ramai



Anak dan cucu YBhg. Tuan Haji Awang Khalid bin Mat Ali, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan JAKIM turut menyertai Program Khatan di MTMZA


Melahirkan Modal Insan Berkualiti

Melentur buluh biarlah daripada rebung dan berpegang pada prinsip ini, MTMZA terus berusaha melentur keperibadian kanak-kanak dan remaja dengan membimbing melalui pelbagai program pendidikan bagi melahirkan modal insan berkualiti serta bertaqwa kepada Allah SWT. Pendidikan Al-Quran mampu memberi petunjuk dan motivasi ke arah pemantapan akidah, membentuk akhlak mulia dan pembersihan rohani dan jasmani seseorang. Kanak-kanak ini juga di beri pendedahan beriadah mengikut sunnah Rasulullah SAW. Antara program yang telah dilaksanakan di MTMZA sepanjang tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1 : Program Melahirkan Modal Insan Berkualiti

BIL.	PROGRAM	SASARAN/JUMLAH PESERTA	TARIKH
1	Kelas Pengajian Al-Quran & Iqra' (Kanak-Kanak & Remaja)	- Kanak-Kanak & Remaja - 200 orang	Setiap Malam Isnin, Selasa & Rabu (7.30 malam – 8.30 malam)
2	Kelas Pengajian Al-Quran Kaedah Al-Baghdadi	- Kanak-Kanak & Remaja - 60 orang	Hari Sabtu & Ahad (8.00 pagi – 11.00 pagi)
3	Program Khemah Ibadah Sek. Keb. Putrajaya Presint 18(1)	- Pelajar Tahun 5 & 6 - 150 orang	22-23 Mac 2013
4	Kem Bestari Solat Perdana & Kenali Bahasa Arab Sek Keb. Jalan Bellamy Kuala Lumpur	- Pelajar Tahun 4,5 & 6 - 150 orang	26-28 April 2013
5	Kem Tahfiz Al-Quran & Pemantapan Fardu Ain (PeKFA) Siri 1	- Kanak-Kanak & Remaja Putrajaya - 300 peserta	25-29 Mac 2013
6	Kem Tahfiz Al-Quran & Pemantapan Fardu Ain (PeKFA) Siri 2	- Kanak-Kanak & Remaja Putrajay - 300 peserta	27 – 31 Mei 2013

7	Kem Tahfiz Al-Quran & Pemantapan Fardu Ain (PeKFA) Siri 3	- Kanak-Kanak & Remaja Putrajaya - 300 peserta	3-7 Jun 2013
8	Khatam Perdana Tadarus Al-Quran Remaja (Ramadhan)	- Pelajar-Pelajar SMKA & SMKP Putrajaya - 200 Pelajar	1 Ogos 2013
9	Solat Hajat Perdana Peperiksaan UPSR, PMR, STAM & SPM	- Pelajar-Pelajar, Ibu Bapa & Guru-Guru SKPP & SMKPP Putrajaya - 500 peserta	5 September 2013
10	Kursus Imam & Bilal Muda Pelajar-Pelajar SMK Putrajaya	- Pelajar-Pelajar SMK Putrajaya - 150 peserta	25 – 26 Oktober 2013
11	Kem Ibadah Sek. Asia Pacific Smart School Kuala Lumpur	- Pelajar-Pelajar Sek. Asia Pacific Smart School Kuala Lumpur - 150 peserta	29 – 31 Oktober 2014
12	Kem Tahfiz Al-Quran & Pemantapan Fardu Ain (PeKFA) Siri 4	- Kanak-Kanak & Remaja Putrajaya - 300 peserta	18 – 29 November 2013
13	Kem Tahfiz Al-Quran & Pemantapan Fardu Ain (PeKFA) Siri 5	- Kanak-Kanak & Remaja Putrajaya - 300 peserta	9 – 20 Disember 2013

Aktiviti Riadah Menyusuri Tasik Putrajaya dan Latihan Berenang




Sessi Pembelajaran Sedang Berlansung Di Dalam Dewan Dan Kawasan Sahn

Sehari Bersama Al-Quran

MTMZA telah menjadikan masjid sebagai pusat gedung ilmu yang telah berjaya menarik minat warga Putrajaya untuk mendalami ilmu berteraskan Al-Quran dalam satu Program Sehari Bersama Al-Quran pada 21 Februari 2013. Pihak masjid telah menjemput penceramah-penceramah yang tersohor masa kini dengan susunan tajuk yang bersesuaian dengan situasi semasa. Di antara penceramah yang telah kami jemput ialah YBhg. Dato Mahmood Hassan Al Hafiz, Imam Muda Syed Mohd Faris bin Syed Roslan Al-Hafiz dan YBhg. Ust Ashri bin Lateh dalam Forum yang bertajuk Ayat Al-Quran Zikir dan Fikir. Manakala dua orang penceramah daripada IPTA tempatan iaitu Dr. Sabri Bin Mohamad daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan tajuk pembentanganya "Al-Quran Sebenar Perkataan" dan YBhg. Ust Haji Nik Azizi Bin Nik Abdullah Al Hafiz daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan tajuk ceramahnya "Tafsir @ Terjemahan Al-Quran".





Peserta dan Penceramah sempena Seminar Bersama Al-Quran

Kelebihan Solat dan Rahsianya

Solat ialah Rukun Islam yang kedua, ianya merupakan perintah Allah SWT kepada manusia yang wajib dilaksanakan dan mempunyai hikmah dalam mengerjakannya. Seminar ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan eksklusif kepada peserta bahawa solat yang diwajibkan kepada umat Islam setiap hari bukan hanya amalan kerohanian semata-mata tetapi terbukti mempunyai hikmah tersirat terhadap fizikal dan mental terutama meningkatkan tahap kesihatan manusia dalam kehidupan di dunia untuk menuju ke hari akhirat. Justeru, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA) telah menganjurkan Seminar Sains Solat pada 22 Mei 2013 (Rabu) bersamaan dengan 12 Rejab 1434H. Seminar ini mendapat sambutan yang amat memberangsangkan daripada pelbagai agensi dan masyarakat umum dengan jumlah penyertaan seramai 400 orang peserta dari Putrajaya, Kuala Lumpur dan lain-lain negeri. Kebanyakan peserta tidak berganjak dari pagi hingga ke akhir seminar kerana memberi fokus terhadap perbincangan dan pendedahan oleh dua (2) orang penceramah jemputan iaitu YBhg. Dr. Ng Siew Cheok, Pensyarah Universiti Malaya bertajuk "Solat Kebaikan Dari Perspektif Sains" dan YBhg. Ustaz Rohidzir Rais, Pendakwah Bebas dengan tajuk Ensiklopedia Solat 1" dan "Ensiklopedia Solat 2".



Peserta seminar kelebihan solat dan rahsianya



YBhg. Ustaz Rohidzir Rais, Pendakwah Bebas memberi Ceramah Dengan Tajuk Ensiklopedia Solat

Kursus Haji Bersiri di MTMZA

Bermula 2 Mac – 18 Mei 2013 MTMZA telah diadakan Kursus Haji sebanyak 12 siri di Dewan Sheikh Daud Al-Fathoni. Program ini telah dihadiri seramai 120 orang bakal Jemaah Haji bagi tahun 2013. Diantara tenaga pengajar kursus tersebut ialah Al-Fadhil Tuan Hj. Hazarudin bin Baharudin, Imam Besar MTMZA, Al-Fadhil Tuan Haji Othman bin Muda, Timbalan Imam Besar MTMZA dan Al-Fadhil Tuan. Haji Ahmad Rijal bin Ghazali, Imam MTMZA. Selain itu juga, para peserta program telah didedahkan dengan pelbagai maklumat berkaitan hukum-hakam ibadah haji, pengurusan dan persiapan haji dan praktikal serta simulasi haji. Kursus tersebut dipimpin oleh tenaga pengajar dan fasilitator yang berpengalaman dari kakitangan MTMZA dan pihak Tabung Haji sendiri.





Bakal Jemaah Haji sedang khusyuk mendengar penerangan daripada pembimbing

Sustaining Islam In A Multi-Cultural Environment In Malaysia For Foreign Students 2013 " Family Values"

Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin telah mengadakan seminar tersebut sebanyak 2 siri pada tahun 2013 bagi mencapai KPI masjid untuk mengantarabangsakan MTMZA di persada dunia. Pada kali ini pihak MTMZA telah mengadakan kerjasama dengan pihak Islamic Outreach ABIM dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pada sesi ini diantara tema yang dibincangkan adalah berkaitan Nilai Kekeluargaan dan permasalahannya bersama lebih 70 orang pelajar antarabangsa. Kebanyakan mereka yang menghadiri seminar ini adalah pelajar antarabangsa muslim dan non-muslim yang sedang mengikuti pengajian di IPTA/IPTS sekitar Putrajaya dan Lembah Klang.



Peserta Seminar Sustaining Islam In A Multi-Cultural Environment In Malaysia

Tautan Mahabbah Ukhwah MTMZA

Pada 29 – 30 Jun 2013 Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin Putrajaya telah melaksanakan program Tautan Mahabbah Ukhwah dan Dakwah bil Hal ke Negeri Perak dan Pulau Pinang. Program ini telah dijayakan bersama Masjid Negeri Pulau Pinang. Seramai 35 orang kakitangan MTMZA yang terlibat dalam program kali ini termasuk Imam, Bilal dan kakitangan MTMZA bersama ahli keluarga mereka. Diantara tempat yang dilawati ialah Masjid Ubudiah, Kuala Kangsar Perak, Rumah Anak Yatim Nur Kasih Ulu Sepetang di Taiping dan Masjid Negeri Pulau Pinang. Selain itu juga, program ini melibatkan anak-anak yatim di Pulau Pinang di mana kehadiran mereka telah diraikan dengan penyampaian sumbangan dan barang-barang keperluan buat mereka.



Peserta program bergambar di Masjid Ubudiah Kuala Kangsar, Perak



Peserta rombongan bersama anak-anak yatim dan kakitangan Masjid Negeri Pualau Pinang

Program Minggu Bersama Jemaah

Masjid bukan saja tempat beribadat, tetapi selayaknya diangkat sebagai pusat komuniti Islam menjalankan aktiviti merapatkan ukhuwah seterusnya melahirkan umat bertamadun yang lebih terbuka. Skop ibadat juga harus dikembangkan bukan sekadar solat, tetapi menganjurkan kegiatan untuk merapatkan ukhuwah serta menyuntik nilai ilmu juga ibadat yang tidak wajar diketepikan. Pelbagai program komuniti seperti di Jadual 2 telah berjaya dilaksanakan dengan mendapat sambutan yang menggalakkan dan sekaligus telah menepati strategi paling berkesan iaitu mengajak lebih ramai mengimarahkan masjid.

Jadual 2 : Minggu Bersama Jemaah

BIL.	PROGRAM	TARIKH
1.	Bicara Agama Bersama Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri	11 Disember 2013
2.	Bicara Agama Bersama Dr. Abdul Basit Abdul Rahman	12 Disember 2013
3.	Bicara Agama Bersama Ustazah Norhafizah Musa	13 Disember 2013
4.	Sukaneka	14 Disember 2013



Penceramah Jemputan Dalam Program Minggu Bersama Jemaah.

Ihtifal Lil Atfal

Program Ihtifal Lil Atfal yang diadakan pada 14 Disember 2013 telah menarik minat kanak-kanak serta ibu bapa untuk terus mendekatkan diri ke masjid. Melalui program ini pelbagai acara ilmiah telah dipertandingkan dan MTMZA juga dapat mencungkil bakat dalam melahirkan daei cilik di bidang keislaman. Antara acara yang dipertandingkan seperti hafazan, tilawah, bacaan kutbah, azan dan iqomah, bercerita sirah nabi, pertandingan mewarna, khat, dan uji minda melalui IT.



Imam Besar Tuan Haji Hazarudin bin Baharudin menyampaikan hadiah kepada pemenang dalam Program Ihtifal Lil Atfal.

Program Hari Kebesaran Islam dan Kebesaran Negara

Sudah menjadi kelaziman di negara kita telah merayakan hari-hari kebesaran Islam dan kebesaran Negara dengan penuh kesyukuran yang tersirat dengan pelbagai rahsia. Sambutan ini diadakan bukan sahaja bagi memperingati hari kebesaran tersebut malahan ianya juga untuk diambil pengajaran, tauladan serta iktibar dengan memberi kesan kepada keperibadian masyarakat Islam itu sendiri. Antara program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2013 adalah seperti Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Program Hari-hari Kebesaran

BIL.	PROGRAM	TARIKH
1.	**Program Forum Bicara Addin Sempena Maulidur Rasul S.A.W** Ahli Panel : - Prof Madya Dr. Sharifah Hayati bt Syed Ismail - Ustaz Haji Mohd Fauzi bin Mustaffa Moderator : - Ustaz Zakaria bin Othman	23 Januari 2013
2.	**Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat Sempena Hari Wilayah Persekutuan** Imam Bertugas : Ustaz Muhd Redza bin Ahmad Bilal Bertugas : Ustaz Hasyir bin Rosly	31 Januari 2013
3.	**Program Ceramah Gerhana Bulan dan Solat Sunat Gerhana Bulan** Penceramah : Ustaz Muhamad Zakuwa bin Rodzali Imam Solat Sunat Gerhana : Ustaz Airy bin Abdullah	25 April 2013
4.	**Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat Sempena Hari Keputeraan SBP YDP Agong** Imam Bertugas : Ustaz Haji Ahmad Rijal bin Haji Ghazali Bilal Bertugas : Ustaz Mohd Hamdi bin Abdul Kadir	30 Mei 2013
5.	**Program Forum Perdana Sempena Peristiwa Isra' dan Mikraj** Ahli Panel : - Ustaz Haji Mohd Fauzi bin Mustaffa - Ustaz Haji Moh Ansarullah bin Haji Mohd Hasyim Moderator : - Ustaz Syukri bin Sulaiman	6 Jun 2013

6.	**Program Forum Perdana Di Ambang Ramadhan** Ahli Panel : - Prof. Sidek Baba - Ustaz Haji Ahmad Shukri bin Yusoff Moderator : - Ustaz Norzaidan bin Hamad	4 Julai 2013
7.	**Program Ceramah Sempena Nuzul Al-Quran** Penceramah : Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri	25 Julai 2013
8.	**Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat Sempena Hari Malaysia Ke- 50** Imam Bertugas : Ustaz Muhd Redza bin Ahmad Bilal Bertugas : Ustaz Mohd Hamdi bin Abdul Kadir	12 September 2013
9.	**Ceramah Khas Sempena Hari Malaysia (Pergolakan di Mesir)** Penceramah : Mejar Nadzri bin Musnman	13 September 2013
10.	**Majlis Berbuka Puasa Sunat Hari Arafah dan Takbir Raya**	14 Oktober 2013
11.	**Majlis Ibadah Qurban dan Aqiqah MTMZA**	14 Oktober 2013
12.	**Program Ceramah Khas Gerhana Bulan Penumbra** Penceramah : Encik Shahrin bin Ahmad	18 Oktober 2013
13.	**Ceramah Perdana Sempena Maal Hijrah 1435H** Penceramah : Tuan Haji Md. Ali bin Sarbini	4 November 2013
14.	**Majlis Berbuka Puasa Sunat 10 Muharram & Bubur Assyura**	14 November 2013





Majlis Berbuka Puasa Sunat 10 Muharram dan gotong-royong menyediakan Bubur Assyura oleh Warga MTMZA.





Majlis Berbuka Puasa Sunat Hari Arafah dan Program Ibadah Qurban Korban.





Ceramah Nuzul al-Qural oleh Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri dan Ceramah Khas sempena Gerhana Bulan Penumbra oleh Encik Shahrin bin Ahmad

Jemaah Sihat Cergas dan Bersatu

Berteraskan konsep **Jemaah Cergas, Sihat dan Bersatu, MTMZA** telah berusaha membudayakan aktiviti riadah serta sentiasa mengamalkan aktiviti kecergasan dalam kehidupan seharian. Penyertaan masyarakat dalam beriadah amatlah diharapkan bagi memastikan jemaah MTMZA sentiasa cergas dan sihat dari segi mental dan fizikal serta mampu memperbanyakkan beribadah. Aktiviti riadah seperti tai chi telah mendapat sambutan kalangan jemaah dan program ini diadakan pada setiap pagi hari Sabtu bermula jam 7.00 pagi hingga 8.00 pagi.



Jemaah sedang mengikuti aktiviti Tai Chi pada setiap pagi hari sabtu

Tertutup Futsal Mahabbah MTMZA

MTMZA telah menganjurkan Pertandingan Ping Pong Terbuka MTMZA pada 9 November 2013, seramai 94 orang peserta telah menyertai pertandingan berkenaan. Bagi merealisasikan idea masjid sebagai tempat masyarakat berkumpul bukan sahaja sebagai tempat ibadat, malah sebagai tempat rekreasi dan riadah. Matlamat dan objektif adalah untuk menarik minat masyarakat datang ke masjid khususnya golongan muda, seterusnya menjalin silaturrahim antara masyarakat dan warga kerja Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin. Dalam pertandingan berkenaan sebanyak 3 kategori telah dipertandingkan iaitu kategori perseorangan lelaki terbuka, kategori beregu terbuka dan kategori bergu lelaki veteran. Kejohanan ini berjaya dilaksanakan dengan penuh muhibbah antara surau-surau di Putrajaya yang melibatkan 10 pasukan.



Kejohanan Ping Pong Tertutup MTMZA Tahun 2013



Kejohanan Tertutup Futsal Mahabbah MTMZA

Silat Gayung MTMZA

Tahun 2013 merupakan tahun permulaan MTMZA membuka gelanggang seni mempertahankan diri. Majlis pembukaan gelanggang diadakan pada 8 Februari 2013 dengan melibatkan hampir 100 orang peserta. Sesi latihan ditetapkan pada setiap hari Jumaat bermula jam 9.00 malam hingga 11.00 malam.



Pelajar-Pelajar dalam sesi latihan pertama menyertai silat

Minggu Bersama Jemaah 2013

MTMZA tetap di hati masyarakat Putrajaya dan sekitarnya. Ini dibuktikan setiap program yang dilaksanakan di MTMZA telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Antara program Minggu Bersama Jemaah seperti ceramah, pertandingan ilmiah untuk kanak-kanak dan juga sukaneka.



YBhg. Dr. Basit sedang menyampaikan ceramah dalam Program Minggu Bersama Jemaah



YBhg. Dr. Basit sedang menyampaikan ceramah dalam Program Minggu Bersama Jemaah



Acara Sukaneka kanak-kanak.



Imam Besar MTMZA turut menyertai Acara Sukaneka.

Majlis Pelancaran Ihya'Ramadan, Pelaksanaan 5S dan Kad Sahabat MTMZA

Pada 12 Julai 2013 sempena bulan Ramadan al-Mubarak Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin telah mengadakan Majlis Pelancaran Ihya' Ramadhan, Pelaksanaan 5S dan Kad Sahabat MTMZA yang dirasmikan oleh YBhg. Dato' Othman bin Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM. Antara tetamu jemputan yang turut memeriahkan ialah Imam Besar Masjid Putra dan pegawai-pegawai kanan JAKIM. Majlis telah dimulakan dengan ucapan aluan oleh Imam Besar, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin iaitu Tuan Haji Hazarudin bin Haji Baharudin seterusnya perasmian oleh YBhg. Ketua Pengarah. Majlis pelancaran ini bertujuan agar semua lapisan masyarakat khususnya warga putrajaya dapat menyertai pelbagai aktiviti sepanjang Ramadan. Di samping itu, MTMZA menwar-warkan amalan 5S dan penyertaan jemaah sebagai sahabat MTMZA. Semoga pelancaran ketiga-tiga program berkenaan dapat mengimarahkan lagi masjid ini dan mengeratkan silaturrahim antara masyarakat.





Tetamu dalam Pelancaran Ihya' Ramadan





Ketua Pengarah JAKIM , YBhg. Dato' Othman bin Mustapha Merasmikan Kad Sahabat MTMZA

Bubur Lambuk Drive Thru Terlaris di MTMZA

Sempena Ramadhan kali ini, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA) turut mengagihkan bubur lambuk kepada warga Putrajaya sebagai juadah berbuka puasa. Tuan Haji Hazarudin bin Haji Baharudin, Imam Besar MTMZA telah mengagihkan bungkusan bubur lambuk kepada orang ramai. Malah Imam Syeikh Dr. Samy Ahmed Abd El Rahman Elfeky, Imam Jemputan dari Mesir turut sama memeriahkan acara mengagihkan bubur lambuk berkenaan. Orang ramai mula beratur tepat jam 4.00 petang untuk mendapatkan bubur lambuk yang diedarkan di perkarangan laluan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin sebanyak 800 bungkus setiap hari. Acara yang julung kali diadakan di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Semoga acara seperti ini akan menjadi sesuatu yang positif dalam mengeratkan hubungan silaturahim sesama masyarakat tanpa mengira agama dan menyemarakkan lagi sambutan Ramadhan.





Imam Besar MTMZA dan Imam Jemputan Terawih sedang mengagihkan Bubur Lambuk Drive Thru

Kaunter Zakat Fitrah Drive Thru

Kaunter Zakat Fitrah Drive Thru telah menarik perhatian pembayar zakat dan mendapat tempat ketiga dalam Anugerah Inovasi Peringkat Jabatan Perdana Menteri. Zakat *Drive Thru* MTMZA mula beroperasi pada tahun 2012 dan telah berjaya membuat kutipan sebanyak RM275,394.00.



YBhg. Dato' Haji Othman bin Mustapha Ketua Pengarah JAKIM Besama Pegawai-Pegawai JAKIM semasa Majlis Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri



YBhg. Tan Sri Ali Bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara turut membayar Zakat Fitrah melalui Kaunter Bayaran Zakat Drive Thru di MTMZA.

جابتن كماجوان إسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



PENGGUBALAN & PENYELARASAN UNDANG-UNDANG

PENGGUBALAN DAN PENYELARASAN UNDANG-UNDANG

PENGGUBALAN DAN PENYERAGAMAN UNDANG-UNDANG SYARAK

Salah satu peranan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 7 Peraturan MKI, adalah untuk memberi nasihat kepada Majlis Raja-Raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri berkenaan dengan perundangan Islam. Tujuannya untuk memperbaiki, menyeragamkan atau menggalak persamaan undang-undang atau pentadbiran. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) selaku urus setia yang dilantik MKI berperanan membantu pelaksanaan tugas tersebut.

Berasaskan kepada tugas dan peranan yang diamanahkan, JAKIM telah menggubal dan menyediakan Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) 2009–2014. Antara teras utama yang digariskan adalah memantapkan penyelarasan dan penyeragaman undang-undang Islam di seluruh Malaysia. Justeru, JAKIM melalui Pejabat Penasihat Undang-Undang telah melaksanakan pelbagai usaha bagi melaksanakan teras berkenaan iaitu melalui aktiviti kajian undang-undang Islam, penyediaan draf undang- undang Islam dan penyeragaman undang-undang Islam.

Kajian Undang-Undang Islam

Sepanjang tahun 2013, beberapa kajian telah dijalankan dalam usaha menyediakan draf undang-undang yang baru berdasarkan maslahah dan kehendak semasa. Salah satu kajian yang dilaksanakan adalah cadangan mewujudkan undang-undang berkaitan amalan sihir. Dalam hal ini, JAKIM Universiti Malaysia Pahang telah menjalinkan kerjasama bagi melaksanakan kajian tersebut. Antara program yang dilaksanakan adalah Muzakarah Bagi Membincangkan Kajian Undang-Undang Sihir pada 28 hingga 30 April 2013 di Hotel Eastin, Petaling Jaya, Selangor. Tujuan untuk mendapatkan pandangan daripada pakar-pakar berkaitan pengamalan sihir di Malaysia, pihak pelaksana yang terlibat secara langsung dalam menangani kes-kes berkaitan amalan sihir dan mekanisma perundangan yang sesuai bagi menghasilkan kajian yang komprehensif dalam menangani isu berkaitan sihir. Ahli-ahli Muzakarah bersetuju dengan resolusi untuk mewujudkan satu undang-undang khusus mengenai jenayah sihir, dan hasilnya satu Jawatankuasa Kajian Undang-Undang Sihir telah ditubuhkan bagi memperincikan hasil muzakarah berkenaan sebelum kertas kajian dibentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil.



Ahli-Ahli Muzakarah Bagi Membincangkan Kajian Undang-Undang Sihir bergambar bersama TKP (D) JAKIM .



Pembentangan kertas Kerja

Selain itu, JAKIM juga menjalankan kajian untuk mewujudkan undang-undang/ peraturan bagi pungutan khairat. Dalam melaksanakan kajian tersebut, pihak JAKIM telah mengadakan lawatan kajian ke lima buah negeri iaitu Selangor, Kelantan, Johor, Sabah dan Perlis bagi mendapatkan maklumat yang tepat daripada pihak pelaksana di Majlis / Jabatan Agama Islam Negeri yang berkenaan.



Lawatan Kajian Pungutan Derma Khairat ke Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).



Lawatan Kajian Pungutan Derma Khairat ke Jabatan Agama Johor

Penyelarasan dan Penyeragaman Undang-Undang Islam Seluruh Malaysia

Salah satu cabaran utama yang dihadapi JAKIM adalah memastikan bahawa undang-undang Islam seluruh Malaysia dapat diseragamkan dan diselaraskan. Dalam merealisasikan matlamat tersebut, JAKIM sebagai penyelaras pentadbiran hal ehwal Islam antara negeri-negeri perlu mengambil langkah dan pendekatan yang bijaksana memandangkan perkara berkenaan hal ehwal Islam termasuk perundangan Islam merupakan bidang kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana yang termaktub dalam Butiran 1 Senarai 2 Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Beberapa mekanisma telah disediakan JAKIM bagi melaksanakan usaha-usaha penyeragaman undang-undang Islam, iaitu melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil, Majlis Dialog Undang-Undang Mengikut Zon dan Persidangan Tahunan Penyelarasan Undang-Undang Syarak/Sivil.



Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil bil 142



Dato' Ketua Pengarah JAKIM menyampaikan ucapan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil bil 143

Sepanjang tahun 2013, sebanyak lapan kali Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil telah diadakan bagi membincangkan penggubalan undang-undang hibah dan isu-isu lain berkaitan undang-undang Islam bagi tujuan penyelarasan dan penyeragaman di seluruh Malaysia. Manakala Majlis Dialog Undang-Undang Mengikut Zon telah diadakan sebanyak dua kali pada tahun 2013 iaitu pada 1 hingga 3 Jun 2013 dan 30 Jun hingga 3 Julai 2013, yang memfokuskan perbincangan kepada isu hibah. Selepas dibincangkan di peringkat zon, draf undang-undang hibah tersebut telah dimuktamadkan dalam Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan Sivil kali ke-23 yang diadakan pada 31 Oktober hingga 2 November 2013 di Hotel Bayview, Batu Feringghi, Pulau Pinang. Dalam persidangan tersebut juga, buku Kompilasi Kertas Kerja Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan Sivil Jilid 1 turut dilancarkan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menghargai jasa dan sumbangan Ahli Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil dalam usaha memartabatkan perundangan Syariah dalam Negara.



Pelancaran Buku Kompilasi Kertas Kerja Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan Sivil



Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang merasmikan Pelancaran Buku Kompilasi Kertas Kerja Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan Sivil



Ahli-Ahli Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan Sivil kali ke-23 bergambar bersama Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinan

Seminar Kebangsaaan Pencegahan Jenayah Syariah (SKPJS 2013)

"Mencegah Jenayah Mengislah Ummah" menjadi tema kepada Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Syariah (SKPJS 2013) yang dianjurkan oleh JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada 16 Disember 2013 bertempat di Bangi, Selangor. Selaras dengan pelaksanaan NKRA pertama 'Mengurangkan Kadar Jenayah', JAKIM meneruskan usaha menterjemahkan pelaksanaan tersebut menerusi penganjuran seminar ini dengan kolaborasi pintar antara agensi agama Penyertaan seminar ini melibatkan seramai 600 orang peserta dari pelbagai agensi termasuk Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN), Jabatan Kehakiman Syariah Negeri/ Malaysia (JKSN/JKSM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian-Kementerian di peringkat Persekutuan, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Rukun Tetangga, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Badan- Badan Bukan Kerajaan (NGO), Pegawai dan Jawatankuasa Masjid/Surau, Persatuan Penduduk, Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan masyarakat awam.



Dato' Seri Jamil Khir melancarkan Buku Pelan Pencegahan Jenayah Syariah Malaysia.



Dato' Seri Jamil Khir turut melancarkan Kempen Pencegahan Jenayah Syariah peringkat kebangsaan.

Program Diskusi Isu Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Undahg-Undang Syariah : Kailan Perbandlngan Pelaksanaan Undang- Undang Svariah Di Acheh, Indonesia

JAKIM selaku penyelaras isu-isu berkaitan hal ehwal Islam seluruh Malaysia sentiasa prihatin dengan usaha meningkatkan ilmu dan kemahiran bagi memacu transformasi Bahagian Penguatkuasaan dan Pendakwaan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Sehubungan itu, satu lawatan kajian ke Acheh, Indonesia telah diadakan pada 25 hingga 28 Ogos 2013 bagi tujuan mempelajari dan mengkaji undang-undang Syariah yang dilaksanakan di Wilayah Acheh. Program ini melibatkan Pegawai-Pegawai daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Ketua Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia serta diketuai oleh YBhg. Tuan Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), JAKIM .



Delegasi Program Diskusi Isu Penguatkuasaan dan Pendakwaan Undang- Undang Syariah bergambar kenangan di Kantor Gubernur Acheh, Indonesia



Tuan Haji Mohamad Nordin Ibrahim mengetuai lawatan tersebut.

Konvensyen Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pendakwa Syarie Seluruh Malavsia Tahun 2013

"Memartabat Undang-Undang Syariah di Malaysia" menjadi tema bagi Konvensyen Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia Tahun 2013 yang diadakan pada 23 hingga 25 Oktober 2013 bertempat di Hotel De Palma, Ampang, Selangor. Konvensyen tahunan anjuran JAKIM ini disertai oleh seramai 180 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pendakwa Syarie Negeri seluruh Malaysia. Antara pengisian konvensyen ialah pembentangan 4 kertas kerja dan satu forum melibatkan ahli akademik, Timbalan Mufti dan pakar serta pengamal undang- undang.



Dato' Haji Othman Mustapha mewakili Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom menyampaikan ucapan perasmian seterusnya merasmikan konvensyen.



Para peserta konvensyen yang terdiri daripada Ketua Pendakwa Syarie dan Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama Seluruh Malaysia.

جابتن كماجوان إسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
JAKIM



PEMERKASAAN HAB HALAL GLOBAL

PEMERKASAAN HAB HALAL GLOBAL

PENSIJILAN HALAL MALAYSIA

Tahun 2013 menyaksikan peluasan skop pensijilan halal Malaysia dengan pertambahan skim pensijilan halal logistik yang dilancarkan pada 6 Julai 2013 oleh Ketua Pengarah JAKIM , Dato' Haji Othman bin Mustapha. Skim ini menawarkan pensijilan halal bagi dua jenis perkhidmatan iaitu logistik penggudangan dan logistik pengangkutan berdasarkan Standard Malaysia *The Halalan- Toyyiban Assurance Pipeline (HTAP) Part 1: Management System Requirements For Transportation of Goods and/ or Cargo Chain Services (MS2400-1:2010);* dan *The Halalan- Toyyiban Assurance Pipeline (HTAP) Part 2: Management System Requirements For Warehousing and Related Activities (MS2400-2:2010)*.

Menerusi peluasan skop pensijilan tersebut, Malaysia kini menyediakan tujuh skim permohonan seperti berikut:

1. Produk makanan dan makanan tambahan
2. Produk barang gunaan
3. Premis makanan
4. Produk kosmetik dan dandanan diri
5. Produk farmaseutikal
6. Rumah sembelih
7. Perkhidmatan logistik

Pelaksanaan Pensijilan Halal Malaysia Dalam Negara

Bagi tempoh 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013, sebanyak 4,619 permohonan yang lengkap telah diterima. Daripada jumlah tersebut, 3,557 (77%) permohonan diluluskan, 288 (6%) tidak berjaya kerana tidak mematuhi prosedur pensijilan halal Malaysia manakala 774 (17%) masih dalam tindakan JAKIM /JAIN. Jumlah permohonan Pensijilan Halal Malaysia dalam negara adalah seperti berikut:

Jadual 1: Statistik Pensijilan Halal Malaysia Dalam Negara Mengikut Negeri Bagi Tahun 2013

BIL.	JABATAN	MOHON	LULUS	GAGAL	DALAM TINDAKAN
1.	WILAYAH PERSEKUTUAN	1484	1229	120	135
2.	JOHOR	634	429	49	156
3.	KEDAH	159	126	0	33
4.	KELANTAN	96	84	3	9
5.	MELAKA	210	161	37	12
6.	NEGERI SEMBILAN	224	182	15	27
7.	PAHANG	167	136	5	26
8.	PULAU PINANG	327	280	10	37
9.	PERAK	476	310	0	166
10.	PERLIS	25	16	0	9
11.	SELANGOR	403	292	45	66
12.	TERENGGANU	45	31	4	10
13.	SABAH	221	155	0	66
14.	SARAWAK	148	126	0	22
	JUMLAH	**4619**	**3557**	**288**	**774**
PERATUSAN (%)		**100**	**77**	**6**	**17**

Pelaksanaan Pensijilan Halal Malaysia Luar Negara

Pensijilan halal Malaysia luar negara hanya dilaksanakan oleh JAKIM dan terbuka kepada syarikat-syarikat berdaftar di Malaysia dengan kriteria seperti berikut:

1. Syarikat asing yang mempunyai cawangan di Malaysia;
2. Syarikat tempatan yang mengilangkan produk di luar negara; atau
3. Syarikat pengimport tempatan/pengedar tunggal di Malaysia.

Pada masa ini, skop pensijilan luar negara terhad kepada produk yang meliputi makanan, barang gunaan, kosmetik dan farmaseutikal. Jumlah permohonan pensijilan halal bagi syarikat yang mempunyai kilang di luar negara bagi tahun 2013 seperti berikut:

Jadual 2: Statistik Pensijilan Halal Malaysia Luar Negara bagi Tahun 2013

STATUS	MOHON	LULUS	GAGAL	DALAM TINDAKAN
BILANGAN	73	66	2	5
PERATUSAN (%)	**100**	**90**	**3**	**7**

PEMERIKSAAN KE ATAS RUMAH SEMBELIHAN/LOJI PEMPROSESAN

Kerajaan Malaysia telah menetapkan peraturan bahawa semua daging dan produk berasaskan daging mesti dibuat pemeriksaan di rumah sembelih atau premis pengeluaran di negara pengeksport sebelum dieksport ke negara ini bagi memastikan kehalalan dan kepatuhan piawaian HACCP. Satu kumpulan terdiri daripada pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pegawai JAKIM dibentuk bagi melaksanakan pemeriksaan tersebut. Jumlah pemeriksaan rumah sembelih dan loji pemprosesan produk berasaskan haiwan luar negara adalah seperti berikut:

Jadual 3: Jumlah Pemeriksaan Rumah Sembelihan dan Loji Pemprosesan Produk Berasaskan Haiwan Luar Negara Tahun 2013

BIL	NEGARA	JUMLAH LOJI/RUMAH SEMBELIH
1.	UNITED ARAB EMIRATES (UAE)	2
2.	INDIA	16
3.	KENYA	1
4.	CHINA	2
5.	INDONESIA	3
6.	BELGIUM	2
7.	URUGUAY	12
8.	THAILAND	15
9.	AUSTRALIA	23
10.	BRAZIL	18
11.	SINGAPORE	1
12.	PAKISTAN	2
JUMLAH		**97**

Pemeriksaan ke atas Badan Pensijilan Halal Luar Negara

JAKIM juga bertanggungjawab menguruskan pensijilan halal di dalam dan luar negara. Pengauditan yang dijalankan adalah bertujuan untuk melaksanakan semakan pematuhan dan semakan semula terhadap badan pensijilan halal luar negara dalam memastikan pengawasan berterusan ke atas produk-produk yang diisytihar halal oleh pengeluar produk di luar negara sekaligus memenuhi dan mematuhi hukum syarak serta standard piawaian yang ditetapkan oleh pihak kerajaan Malaysia.

Jadual 4: Ringkasan Keputusan Pemeriksaan Badan Pensijilan Halal Luar Negara

BIL.	NAMA BADAN PENSIJILAN YANG DIIKTIRAF	NEGARA	KEPUTUSAN	
			LULUS	GAGAL
1.	Kenya Bureau of Halal Certification (KBHC)	KENYA	/	
2.	Supreme Council of Kenya Muslims (SUPKEM)	KENYA		/
3.	Halal Certification Agency	VIETNAM	/	
4.	Korean Muslim Federation (KMF)	KOREA	/	
5.	All Ceylon Jamiyyathul Ulama	SRI LANKA	/	
6.	Islamic Information And Documentation Center	AUSTRIA	/	
7.	Halal India Pvt Ltd	INDIA	/	
8.	NZ Islamic Meat Management & NZ Islamic Processed Foods Management	NEW ZEALAND		/
9.	New Zealand Islamic Development Trust (NZIDT)	NEW ZEALAND	/	
10.	Islamic Association of Henan	CHINA		/
11.	Ara Halal Development Services Center Inc. (ARA)	CHINA	/	
12.	The Muslim Religious Union in Poland (MRU)	POLAND	/	
JUMLAH			**9**	**3**

PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

Pelaksanaan pemantauan berkala dan susulan dilakukan terhadap pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM)

manakala pemeriksaan penguatkuasaan dilakukan terhadap bukan pemegang SPHM yang melibatkan pemeriksaan berdasarkan aduan dan pencegahan.

Dalam melaksanakan tugas-tugas pemantauan dan penguatkuasaan di lapangan, JAKIM menggunakan asas rujukan Manual Prosedur Persijilan Halal Malaysia (MPPHM), Malaysian Standard (MS), Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) dan Perintah-Perintah yang berkaitan.


Stastistik Pemantauan dan Penguatkuasaan

Sepanjang Januari hingga Disember 2013, sebanyak 953 pemeriksaan pemantauan dan pemeriksaan penguatkuasaan sebanyak 177 telah dilakukan. Jumlah keseluruhan kedua-dua pemeriksaan adalah 1,130.

Jadual 5: Statistik Pemeriksaan Pemantauan dan Penguatkuasaan

BULAN	PEMANTAUAN		PENGUATKUASAAN		JUMLAH
	BERKALA	SUSULAN	ADUAN	PENCEGAHAN	
JAN	73	27	20	0	120
FEB	83	15	16	1	115
MAC	22	5	16	0	43
APRIL	76	10	16	2	104
MEI	120	15	14	3	152
JUN	121	20	2	0	143
JULAI	122	16	10	32	180
OGOS	27	5	14	1	47
SEPT	30	7	15	0	52
OKT	54	0	0	0	58
NOV	56	5	5	4	65
DIS	45	0	6	0	51
JUMLAH	830	54	134	43	1130

Carta 1: Pemeriksaan Pemantauan dan Penguatkuasaan



Pemeriksaan pemantauan dipecahkan kepada dua kaedah iaitu:

1. Berkala; dan
2. Susulan.

Pemeriksaan penguatkuasaan juga dipecahkan kepada dua kaedah iaitu:


1. Berasaskan aduan; dan
2. Pencegahan.

Manakala pemeriksaan mengikut jenis skim pensijilan halal adalah seperti yang berikut:

Jadual 6: Pemantauan Dan Penguatkuasaan Mengikut Skim Pensijilan Halal Malaysia

BULAN	PRODUK	PREMIS	RUMAH SEMBELIH	JUMLAH
JAN	54	65	1	120
FEB	93	22	0	115
MAC	22	19	2	43
APRIL	59	43	2	104
MEI	100	37	15	152
JUN	88	46	9	143
JULAI	90	84	6	180
OGOS	29	18	0	47
SEPT	20	26	6	52
OKT	40	18	0	58
NOV	49	12	4	65
DIS	4	19	28	51
JUMLAH	648	409	73	1130

Carta 2: Peratusan Pemeriksaan Pemantauan Dan Penguatkuasaan Berdasarkan Skim Pensijilan Halal



Dalam melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan, JAKIM mengadakan kerjasama dengan beberapa agensi Kerajaan yang lain seperti Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan lain-lain.

Jadual 7: Kekerapan Kerjasama Dengan Agensi Luar

BULAN	JAIN/ MAIN	PBT	JPV	KPDNKK	KKM	PDRM	SPRM	LEMBAGA MINYAK SAWIT	KPPDK	JUMLAH
JAN	4	5	0	0	3	4	4	0	0	20
FEB	19	6	0	14	5	0	0	0	0	44
MAC	7	0	0	0	2	0	0	0	0	9
APRIL	12	0	0	0	0	0	0	0	0	12
MEI	6	0	0	0	0	0	0	0	0	6
JUN	16	3	0	3	0	0	0	0	0	22
JULAI	32	3	0	24	24	3	3	18	18	125
OGOS	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
SEPT	4	0	0	0	0	0	0	0	0	4
OKT	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
NOV	0	0	0	3	0	0	0	3	3	9
DIS	13	0	0	0	0	0	0	0	0	13
JUMLAH	113	17	0	44	34	7	7	21	21	264



Dato' Seri Jamil Khir menyampaikan ucapannya.



Dato' Seri Jamil Khir menyampaikan sijil penganugerahan MS 2424: 2012.

Malaysia Negara Pertama Menganugerah Pensijilan Halal Berdasarkan Standard Farmaseutikal Halal Terulung Di Dunia

JAKIM telah mencipta sejarah pada hari ini dalam Industri Halal Global dengan menjadi badan persijilan pertama di dunia yang mengguna dan mengesahkan pengeluaran produk farmaseutikal berdasarkan standard farmaseutikal Halal pertama dunia, MS2424:2012. Sijil Halal di bawah skim pensijilan MS2424 buat julung kalinya ini telah dianugerahkan kepada tiga buah anak syarikat Chemical Company Malaysia Berhad (CCM). Majlis penganugerahan telah diadakan di Ibu Pejabat JAKIM , Putrajaya. Sijil tersebut telah disampaikan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Turut hadir adalah Ketua Pengarah JAKIM , Dato' Haji Othman Bin Mustapha dan YBhg.Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah Bin Che Othman, Pengerusi CCM.

Pelancaran Global Pelaksanaan Sistem Pengesanan Pensijilan Halal Malaysia

JAKIM memperkenalkan penggunaan teknologi 'Near Field Communication' (NFC) melalui aplikasi 'Halal Square' dan rangkaian sosial 'Halal Inside',yang membolehkan umat Islam mengesan restoran yang memiliki sijil halal yang dikeluarkan JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) melalui telefon pintar. Pelancaran tersebut telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom pada 26 Mac 2014 di Ibu Pejabat Lembaga Tabung Haji Kuala Lumpur. Turut hadir Ketua Pengarah JAKIM , Dato' Haji Othman bin Mustapha dan Ketua Pegawai Eksekutif My-MS, Shafiq Akmal Ismail.



Pelancaran Global Pelaksanaan Sistem Pengesanan Pensijilan Halal Malaysia.

Halal Bukan Sekadar Logo

Karnival Halal Kedah 1434H/ 2013M anjuran bersama JAKIM dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK) telah berlangsung pada 14 hingga 16 Mac 2013. Karnival yang bertemakan Halal Bukan Sekadar Logo telah berlangsung di perkarangan tempat letak kereta Amanjaya Mall. Perasmian Karnival ini telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom pada 15 Mac 2013, sementara Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh YB Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 16 Mac 2013.



Gimik Pelancaran Karnival Halal.

Malaysia dan Thailand Saling Mengiktiraf Logo Halal

Isu pengurusan dan pensijilan halal di Malaysia merupakan inti pati utama perbincangan antara JAKIM dan delegasi Thai pada satu pertemuan bertempat di Dewan Syura JAKIM. Pertemuan dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Nordin bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM, manakala taklimat berkaitan Pensijilan Halal Malaysia disampaikan oleh En. Mohd Fakarudin B. Masod, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Hab Halal. Delegasi Thai seramai 34 orang ini diketuai oleh Sansanee Sahussarungsi, Timbalan Pengarah Bahagian Hal Ehwal Ekonomi Antarabangsa, Kementerian Luar Thailand. Turut sama hadir adalah YBhg. En Songsak Saichua wakil Kedutaan Thai di Kuala Lumpur serta beberapa wakil dari Central Islamic Council Of Thailand (CICOT) serta Institut Kajian Halal Thailand bersama beberapa wakil syarikat Thailand yang beroperasi di Malaysia.



Gambar Kenangan Delegasi Thai dan urusetia JAKIM .

Hab Halal JAKIM Dianugerahkan SME Sahabat Negara Award 2013

JAKIM sekali lagi mendapat pengiktirafan atas kesungguhan, komitmen dan inovasi yang dilaksanakan dalam pensijilan halal. Sempena dengan SME Recognition Award 2013 yang diadakan pada 13 Disember 2013 di Sunway Pyramid Convention Centre, JAKIM melalui Bahagian Hab Halal telah dianugerahkan SME

Sahabat Negara Award 2013 oleh SMI Association of Malaysia.

SME Sahabat Negara Award adalah anugerah yang diberikan kepada agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Institusi Kewangan, penyedia perkhidmatan fasiliti yang memberikan sumbangan besar dan bermakna kepada pembangunan dan promosi Perusahaan Kecil dan Sederhana (SMEs) di Malaysia.

JAKIM terpilih atas sumbangan besar di dalam membangunkan industri halal di dalam negara khususnya di kalangan SMEs melalui pensijilan halal yang diiktiraf seluruh dunia. Inisiatif yang dilaksanakan dengan membangun, memantap dan menyelaraskan prosedur pensijilan halal yang dilaksanakan oleh JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) seluruh Malaysia adalah usaha besar yang telah banyak membantu pihak industri. Begitu juga dengan usaha pemantapan sistem e-halal yang kemudiannya diperluaskan penggunaannya kepada semua JAIN seluruh Malaysia memudahkan industri khususnya SMEs memohon pensijilan halal. Inisiatif-inisiatif lain yang mendapat pujian ialah seperti pengenalan aplikasi Halal Square dan Halal Verified Engine (HVE).

Anugerah yang diberikan membuktikan usaha dan penambahbaikan berterusan yang dilaksanakan oleh JAKIM telah mencapai matlamatnya dan manfaatnya telah dirasai oleh industri. JAKIM bersama-sama dengan JAIN komited untuk terus berusaha menambahbaik perkhidmatan yang diberikan demi kemajuan industri halal khususnya kalangan SMEs yang merupakan kelompok terbesar pemegang sijil halal Malaysia.



Anugerah SME Sahabat Negara Award 2013.

جابتن كماجوان إسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN DALAM NEGERI

HUBUNGAN ANTARABANGSA

HUBUNGAN ANTARABANGSA

Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM)

Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) Ke-38 Bagi Pertemuan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Negara Brunei, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) berlangsung pada 28 sehingga 31 Oktober 2013 bertempat di Meritus Pelangi Resort Beach & Spa Langkawi.

Bersempena dengan mesyuarat tersebut, turut diadakan seminar yang bertemakan Keharmonian Asas Pembangunan Ummah. Semua negara anggota telah mengambil bahagian dan bersepakat untuk:

1. Mewujudkan kerjasama melalui pertukaran maklumat antara negara-negara anggota melalui laman (*website*)

2. Memanfaatkan perkembangan teknologi maklumat dan media massa (TV, radio, surat khabar, majalah, internet dan lain-lain) ke arah memupuk keharmonian hidup bermasyarakat

3. Melaksanakan dialog antara agama yang merangkumi peringkat intelektual dan akar umbi (*grassroots*) bagi meningkatkan pemahaman masyarakat bukan Islam terhadap Islam.



Wakil Malaysia sedang membentangkan kertas kerja



Sebahagian peserta sedang tekun mengikuti seminar



Anggota Mesyuarat SOM sedang bersidang

Sokongan Pas Lawatan Ikhtisas

Pelajar, tenaga pengajar dan pendakwah jangka masa pendek yang terdiri daripada warganegara asing perlu mendapatkan sokongan daripada JAKIM dan Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri (JAIN/MAIN) terlebih dahulu sebelum mendapatkan Pas Lawatan Ikhtisas daripada pihak Jabatan Imigresen Malaysia. Pada tahun 2013 permohonan telah Berjaya menggunakan sistem atas talian e-Ikhtisas iaitu di www.e-ikhtisas.gov.my.

Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke 56 tahun 1434H/2013M

"Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah" merupakan tema yang dipilih sempena Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-56 Tahun 1434H/2013M. Majlis telah diadakan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra

(PWTC), Kuala Lumpur yang berlangsung selama lapan hari dari 29 Jun hingga 6 Julai 2013. Negara Malaysia telah diwakili oleh Anuar bin Hasin dan Hanimzah binti Jalaluddin. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Al-*Sultan Kelantan* Sultan Muhammad ke V sementara Majlis Penutup dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh SPB Yang diPertuan Agong. Johan Qari dimenangi oleh peserta dari Negara Indonesia Encik Dasrizal Marah Nainin manakala Johan Qariah dimenangi oleh peserta Maghribi Puan Hajjar Boussaq.



Keberangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan SPB Permaisuri Agong menyerikan lagi majlis tilawah



Johan Qari dan Qariah

Senarai Lawatan Delegasi Luar Negara Tahun 2013

BIL	TARIKH	DARI
1.	3 – 5/1/ 2013	Lawatan ilmiah delegasi siswa-siswi Diploma "Aliyah Qiraat Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Brunei Darussalam.
2.	27/2/2013	Lawatan Peserta Kursus Imam dan Muslimah Antarabanagsa 2013
3.	4/4/2013	Lawatan dari Centre Islamic Comitee of Thailand
4.	15/4/2013	Lawatan dari Darul Quran al-Sunnah Gaza
5.	19 – 4/5/ 2013	Lawatan Imam Masjid Nabawi Syeikh Solah Al-Budair Ke Malaysia
6.	29/5/2013	Lawatan oleh Pertubuhan Pengurusan Masjid Iran
7.	21/8/2013	Lawatan Delegasi Kementerian Hal Ehwal Agama Thailand
8.	31/8 – 7/9/2013	Lawatan Delegasi Islamic Council For Development Of Cambodia (ICDC) Ke Malaysia
9.	9/9/2013	Lawatan oleh delegasi Jabatan Hal Ehwal Syariah Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam
10.	9/10/2013	Lawatan Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam
11.	18/11/2013	Lawatan oleh Pusat Dakwah Islamiah Kem. Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam
12.	19/11/2013	Lawatan Delegasi Kementerian Pelajaran dan Kementeria Perancangan Republik Indonesia
13	22/11/2013	Lawatan oleh Halal International Chamber Of Commerce And Industry of Phillipine (HICCIP)
14.	29/11/2013	Lawatan Oleh Yayasan Dakwah Islamiah Pattani
15.	1-7/12/2013	Lawatan Oleh Imam Masjidil Haram As-Syaikh Dr.Khaled Ali Alghamidi
16.	16/12/2013	Lawatan oleh delegasi Presedency For Turks Abroad and Related Commities of The Prime Ministry, Turky

Lawatan Delegasi Luar Negara

JAKIM turut menerima lawatan-lawatan dari pelbagai institusi, agensi dan orang kenaman dari luar negara.

Penghantaran Peserta Tilawah dan Hafazan Ke Luar Negara

JAKIM telah menghantar seramai 22 orang peserta ke 10 negara bagi mewakili Malaysia ke Majlis Tilawah dan Hafazan Peringkat Antarabangsa. Qari Malaysia telah berjaya menjadi Johan di pertandingan Tilawah Peringkat Negara ASEAN di Thailand manakala Qariah pula mendapat Naib Johan. Bagi kategori hafazan peserta Malaysia berjaya mendapat tempat ketiga di Majlis Hafazan anjuran kerajaan Iran.

HUBUNGAN DALAM NEGERI

Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke - 34 Tahun 2013

Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan diadakan dengan jayanya pada 4 hingga 8 Mac 2013 bertempat di Dewan Mutiara, Kompleks Tabung Haji, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Majlis selama lima hari ini dilaksanakan dengan kerjasama pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pembukaan Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-34 Tahun 1434H/2013M dirasmikan oleh YB Dato' Mansor bin Haji Othman, Ketua Menteri (I), Pulau Pinang. Manakala Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan YABhg. Toh Puan Dato' Seri Utama Hajah Majimor binti Shariff. Tiga kategori telah dipertandingkan iaitu kategori juzuk 1 – 10, juzuk 1 – 20 dan juzuk 1 – 30 bagi lelaki dan perempuan.



Antara tetamu Kehormat yang hadir



YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) sedang menyampaikan ucapan aluan



Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang sedang menyempurnakan ucapan peramian Majlis Penutupan Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke 34 Tahun 2013M/1435H.

Persidangan Pengerusi - Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam Seluruh Malaysia (Mesyuarat EXCO)

Persidangan Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam Seluruh Malaysia (PPJISM) Bil.1/2013 diadakan pada 9 Disember 2013 di Dewan Syura, Aras 9 JAKIM , Putrajaya. Persidangan tersebut yang dikenali juga Mesyuarat EXCO telah dipengerusikan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (B). Persidangan ini dihadiri oleh semua barisan EXCO Hal Ehwal Islam dari setiap negeri.

Persidangan ini boleh dianggap sebagai unik kerana barisan EXCO yang dilantik atas pelbagai ideologi politik bekerjasama sebagai satu pasukan untuk memberi fokus kepada pembangunan pengurusan dan pentadbiran hal ehwal Islam.

Persidangan yang membincangkan tentang masa depan dan hala tuju umat Islam di Malaysia. Ia turut dihadiri oleh Pengarah-pengarah Jabatan Agama Islam Negeri, Agensi-Agensi di Bawah YB Menteri, barisan kepimpinan JAKIM , juga Ketua-ketua Jabatan yang ada kaitan secara langsung dengan pengurusan hal ehwal Islam seperti Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Khas dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang turut serta adalah PERKIM.

Persidangan Ketua-ketua Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia Tahun 2013 (Persidangan PKJ)

Sepanjang tahun 2013 JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Pahang dan Jabatan Agama Islam Selangor berjaya menganjurkan sebanyak tiga (3) kali Persidangan PKJ iaitu seperti berikut;

1. Persidangan PKJ kali ke-90 telah diadakan pada 22 hingga 24 Februari 2013 bertempat di Swiss-Garden Resort & Spa, Mukim Sungai Karang, Balok Beach Beserah, Kuantan Pahang Darul Makmur.

2. Persidangan PKJ kali ke-91 telah diadakan pada 18 Jun 2013 bertempat di Dewan Datuk Mohd Shahir, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bandar Baru Bangi, Selangor

3. Persidangan PKJ kali ke-92 diadakan pada 24-25 Oktober 2013 bertempat di Grand Blue Wave Hotel, Shah Alam, Selangor.

Persidangan tersebut telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Othman bin Mustapha, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Ahli persidangan yang hadir terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri, Pengarah/wakil beberapa agensi peringkat persekutuan seperti Jabatan Bantuan Guaman Malaysia, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan, Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT), Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA) Polis Di Raja Malaysia dan Lembaga Tabung Haji dan Pengarah- pengarah Bahagian JAKIM .

Persidangan ini merupakan medan untuk mengukuhkan kerjasama antara JAKIM dan Jabatan/Majlis Agama Islam dalam pengurusan hal ehwal agama Islam di peringkat negeri dan persekutuan. Ia juga bertujuan untuk menyelaras dan mewujudkan keseragaman dalam pentadbiran dan perlaksanaan hukum syara' di negeri-negeri di samping mempelajari kemajuan yang dicapai oleh sesebuah Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri untuk dijadikan panduan dan contoh kepada yang lain.

Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1434H/2013M

Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1434H/2013M diadakan dengan jayanya pada 24 Januari 2013 bertempat di Dewan Solat Utama, Masjid Putra, Putrajaya. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu' tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah telah berkenan mencemar duli menghadiri majlis berkenaan sekaligus merasmikannya.

Dengan bertemakan "Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah", majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri; YABhg. Tun Datuk Seri Panglima Haji Sakaran bin Dandai; YABhg. Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi; YABhg. Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid; YABhg. Tun Dato' Seri Zaki bin Tun Azmi; YB Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1434H/2013M, YB Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim dan tetamu-tetamu kenamaan yang lain.

Majlis sambutan itu turut melibatkan kakitangan kerajaan, badan berkanun, pertubuhan swasta, golongan pelajar, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai.

Pada majlis itu juga, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenan menyampaikan anugerah Maulidur Rasul SAW kepada sembilan

penerima anugerah yang terbahagi kepada dua kategori iaitu Anugerah Perdana dan Anugerah Maulidur Rasul SAW bagi tahun 2013. Anugerah Perdana Maulidur Rasul SAW Tahun 2013 menerima hadiah antaranya wang tunai berjumlah RM50,000, sijil dan plak serta hadiah iringan Mashaf al-Quran dan set Kitab Tafsir Fi-Zilalil Quran yang bernilai RM 3,000.00.

Manakala penerima-penerima Anugerah Maulidur Rasul SAW menerima hadiah wang tunai berjumlah RM20,000, sijil dan plak serta hadiah iringan mashaf al-Quran dan set Kitab Tafsir Fi-Zilalil Quran yang bernilai RM 3,000.00.

Majlis sambutan ini diakhiri dengan ceramah khas yang disampaikan oleh pendakwah bebas, YBhg Dato' Mohamad Zawawi bin Yusoh.

Para Penerima Anugerah Perdana dan Anugerah Maulidur Rasul Tahun 2013

Anugerah Perdana

YBhg. Dato' Sri Haji Anis bin Haji Abot, Mantan Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak dan Mantan Mufti Negeri Sarawak

Anugerah Maulidur Rasul Tahun 2013

YBhg. Dato' Haji Nooh bin Gadut

Penasihat Agama Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan

Penasihat, Majlis Agama Islam Negeri Johor.

YBhg. Tan Sri Mohd. Zaman Khan @ Hassan bin Rahim Khan

Timbalan Pengerusi Yayasan Ihtimam Malaysia

YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah binti Haji Abdul Karim

Yang Dipertua, Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI)

Tuan Haji Mohd. Bakir bin Haji Mansor

Penasihat Syariah, Pusat Fiqh Muamalat, Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM)

Tuan Haji Che Wan Alias bin Che Wan Abdullah

Pengurus Besar, Pembangunan Kandungan dan Penyelidikan Program Al Hijrah Media Corporation

Prof. Madya Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah

Ketua Program, Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan,

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

Tuan Haji Muhammad Fitri Abdullah

Ahli Majlis Kebangsaan, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)

Adik Khairunnisaq bin Khairudin

Pelajar Cemerlang Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2012

Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Mas, Kota Tinggi, Johor.



Para penerima Anugerah Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1434H/2013M

Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H/2013M

Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H/2013M diadakan pada 5 November 2013 (Selasa) bertempat di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbudin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajjah Haminah berkenan berangkat ke majlis dan seterusnya merasmikan Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H/2013M pada tahun ini. Turut hadir dalam majlis tersebut adalah YAB Perdana Menteri serta isteri, Menteri-Menteri

Kabinet dan Dif-dif Jemputan serta Duta-duta Luar Negara.

Sambutan Maal Hijrah pada tahun ini sekali lagi membawa tema **"Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah".** Kemuncak bagi majlis sambutan pada kali ini adalah penganugerahan tokoh Maal Hijrah di mana **YBhg.Brigadier Jeneral Tan Sri Dato' Seri Abdul Hamid b. Hj. Zainal Abidin (B)**, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dinobatkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan dan **YBhg. Dr. Zakir Abdul Karim Naik**, dari **Negara India** dinobatkan sebagai tokoh Peringkat Antarabangsa tahun 1435H/2013M. Penerima anugerah Tokoh Maal Hijrah pada kali ini akan menerima hadiah wang tunai berjumlah RM 100,000.00, sebuah plak, pingat dan sijil penghargaan.



YBhg. Brigadier Jeneral Tan Sri Dato' Seri Abdul Hamid b. Hj. Zainal Abidin (B),
Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H/2013M



Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H/2013M berlangsung di Dewan Planeri PICC, Putrajaya



YBhg. Dr. Zakir Abdul Karim Naik
Tokoh Maal Hijrah Peringkat Antarabangsa Tahun 1435H/2013M



Perasmian majlis disempurnakan pleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbudin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah. Turut berangkat Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajjah Haminah

Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1434H/2013M

Kerajaan Malaysia telah menjadikan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan sebagai salah satu acara tahunan sebagai salah satu wasilah untuk mendekatkan masyarakat Islam serta mencintai kitab suci al-Quran seterusnya melahirkan generasi qurani.

Buat julung-julung kalinya sejak lebih 20 tahun, Negeri Kelantan terpilih menjadi tuan rumah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-56 yang berlangsung selama 5 hari bermula 10 sehingga 14 Jun 2013.

Majlis yang diadakan di Kompleks Balai Islam, Lundang itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Sri Mohd Najib Tun Abd Razak.

Manakala upacara penutupan majlis tilawah pula telah mendapat perkenan dan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V.

Johan Qari majlis tilawah pada kali ini ialah Anuar bin Hasin mewakili Negeri Perak manakala Johan Qariah ialah Hanimzah binti Hj. Jalaluddin yang mewakili Negeri Pahang.



YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Ab.Razak menyempurnakan acara peramian majlis kali ini.



Antara tetamu kenamaan yang hadir



YAB Menteri Besar Kelantan Dato' Haji Ahmad bin Yaakob menyampaikan ucapan aluan sempena majlis perasmian



DYMM Sultan Kelantan sedang menyampaikan titah perasmian penutupan majlis



Johan Qari dan Qariah bergambar bersama hadiah kereta Proton Preve sumbangan Lembaga Tabung Haji

جابتن كماجوان إسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



PENGURUSAN DAN KEWANGAN

PENGURUSAN DAN KEWANGAN

KHIDMAT PENGURUSAN

Sebagai tunjang kepada kelancaran operasi, JAKIM sentiasa melaksanakan tanggungjawab dalam memastikan bahawa perancangan jabatan ini dapat berjalan dengan baik melalui khidmat pentadbiran dan pengurusan kewangan yang efisien.



Kereta Nissan Serena ditempatkan di Darul Quran, JAKIM .

Pengurusan Aset Kerajaan

Pengurusan aset amat penting sebagai medium utama dalam perancangan, pemantauan, pengawasan dan penyeliaan pengurusan aset di JAKIM ibu pejabat dan juga Pusat Tanggungjawab (PTJ) JAKIM yang lain.

Pada tahun 2013, sebanyak empat (4) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) telah diadakan dan laporan tahunan dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007. Selain itu, beberapa program telah diadakan dalam usaha mempertingkatkan kecekapan dan pengetahuan iaitu :

i. Kursus Pengurusan Aset dan Stor pada 16 April 2013;

ii. Bengkel Sistem Pengurusan Aset (SPA) pada 3 hingga 5 September 2013

iii. Pemeriksaan Aset pada Oktober 2013

iv. Pemeriksaan Stok dan Pemverifikasi Stor November hingga Disember 2013

Pengurusan aset telah membuat perolehan tiga 3 buah kereta Nissan Serena 2.0 yang telah di tempat di Bahagian Khidmat Pengurusan, JAKIM , Darul Quran, Kuala Kubu dan Institut latihan Islam Malaysia(ILIM) Bangi dan sebuah Toyota Fortuner 2.7 yang ditempatkan di JAKIM Cawangan Sabah. Perolehan ini dilakukan bagi menampung keperluan pengangkutan untuk program-program JAKIM .

Pentadbiran Am

Antara program utama pengurusan JAKIM yang telah dilaksanakan ialah mesyuarat-mesyuarat utama Jabatan, Perhimpunan Agensi-agensi di Bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Perhimpunan Bulanan JAKIM dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri. Cawangan Pentadbiran Am Juga turut berperanan sebagai urus setia Jabatan bagi beberapa mesyuarat utama agensi pusat seperti Mesyuarat Pengurusan JPM, Mesyuarat Pengurusan Ketua-ketua Jabatan di Bawah TKSUK dan TKSU JPM serta Perhimpunan Bulanan JPM. Berikut adalah pelaksanaan program peringkat jabatan yang telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2013.

Jadual 1 : Program-program yang dilaksanakan oleh Pentadbiran Am

PROGRAM	BILANGAN	PENYERTAAN
Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi JAKIM	5	Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Penasihat Undang-Undang dan pengarah Gred Jusa
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan JAKIM	9	Pengarah-pengarah Bahagian di ibu pejabat JAKIM dan PTJ
Mesyuarat Pagi JAKIM	17	Pengarah-pengarah bahagian di ibu pejabat JAKIM
Majlis Perhimpunan Bulanan JAKIM	6	Warga JAKIM
Majlis Perhimpunan Agensi-agensi di Bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri	1	Warga Agensi-agensi di Bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Pentadbiran am turut memainkan peranan sebagai penyelaras program utama Sektor Pengurusan JAKIM seperti Mesyuarat Pagi Sektor Pengurusan, Majlis Perjumpaan Pengarah Kanan (Pengurusan) Bersama Warga Sektor Pengurusan, program turun padang atau *walkabout* sektor. Program-program ini dilaksanakan bagi memastikan bahawa aspek pengurusan JAKIM sentiasa berada di tahap yang terbaik dan mengurangkan teguran audit dan aspek akauntabiliti dipatuhi sepenuhnya.

Selain itu, Pentadbiran Am turut terlibat dalam penyediaan infrastruktur, penyelenggaraan asset-aset milik jabatan dan membuat semakan berkaitan keselamatan jabatan ini secara kerap dan teratur. Tugas rutin ini sentiasa dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti JKR, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan, syarikat penyelenggaraan dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

Bagi memastikan pengurusan kenderaan Jabatan berjalan lancar dan selamat, latihan dan kursus telah diadakan iaitu Bengkel Penyeliaan Kenderaan di Masjid Putra pada 19 Jun 2013 dan Kursus Pengendalian Pacuan pacuan 4 roda (4x4) yang telah diadakan di Hotel Felda Residence Trolak, Sungkai, Perak pada 6 hingga 8 November 2013.



Kursus Pengendalian Kenderaan.

Komunikasi Korporat

Seksyen Komunikasi Korporat (dahulunya dikenali sebagai Unit Perhubungan Awam – Unit PRO) telah ditubuhkan bertujuan untuk menjadi perantara JAKIM dengan Kementerian / Jabatan lain dan orang luar bagi menjamin pentadbiran yang cekap dan adil.

Pada asalnya fungsi Seksyen Komunikasi Korporat adalah sebagai penghubung antara Kerajaan dengan orang ramai dan mewujudkan satu saluran yang membolehkan orang ramai mengemukakan kesulitan-kesulitan mereka semasa berurusan untuk mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan daripada agensi Kerajaan atau pengaduan terhadap sesuatu tindakan pentadbiran Kerajaan yang dirasai tidak adil.

Bidang tugas dan tanggungjawab Seksyen Komunikasi Korporat telah dipertingkatkan lagi melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 4 Tahun 1992 dan PKPA Bil.1 Tahun 2009: Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam. Pekeliling ini bertujuan untuk mewujudkan satu sistem pengendalian pengaduan awam agar tindakan-tindakan segera dan lebih berkesan diambil terhadap aduan-aduan yang diterima daripada orang awam.

Seksyen Komunikasi Korporat menjadi pusat tumpuan pengaduan awam dan bertanggungjawab bagi melaksanakan sistem pengendalian pengaduan awam dengan fungsi-fungsi dan tanggungjawab-tanggungjawab berikut :

- menerima aduan-aduan awam mengenai ketidakpuasan hati mereka terhadap sebarang tindakan pentadbiran Kerajaan;
- menyiasat aduan-aduan awam yang mempunyai asas; dan
- melaporkan dan memperakukan hasil siasatan mengenai aduan-aduan itu kepada Mesyuarat Pengurusan setiap bulan

Seksyen Komunikasi Korporat telah menyediakan sistem pengendalian pengaduan awam yang cekap dan berkesan dengan ciri-ciri seperti yang berikut:

- Semua aduan diselesaikan dengan cepat, tepat, adil dan cermat.
- Aduan diuruskan dengan jujur, berkecuali dan identiti pengadu dirahsiakan (atas permintaan pengadu) dan
- Tindakan pemulihan adalah adil, objektif dan telus.

Berikut adalah statistik melibatkan aktiviti rutin pihak Seksyen Komunikasi Korporat JAKIM :

1) Sidang Media JAKIM

* Sebanyak **51** kali sidang media telah diadakan sepanjang tahun 2013.

2) Kenyataan Media JAKIM

* Sebanyak **80** kenyataan media telah dikeluarkan sepanjang tahun 2013.

3) Berita yang Tersiar di Laman web/ Portal JAKIM sepanjang tahun 2013

Bulan	Bilangan
Januari	16
Februari	19
Mac	41
April	28
Mei	26
Jun	28
Julai	35
Ogos	10
September	32
Oktober	33
November	34
Disember	33
Jumlah	**335**

PENGURUSAN KEWANGAN

Selaras dengan perubahan struktur organisasi JAKIM melalui Waran Perjawatan Bil. A 102 Tahun 2009 dan Bil. A 184 Tahun 2010, terdapat perubahan kod aktiviti bagi Bahagian dan PTJ di JAKIM . Perincian kod akiviti tersebut adalah seperti di **Jadual 1:**

JADUAL 1: KEDUDUKAN BAHAGIAN DAN PTJ MENGIKUT KOD AKTIVITI-AKTIVITI DI JAKIM

2013
050100- Pengurusan
1.Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
2. Bahagian Khidmat Pengurusan
3. Bahagian Kewangan
4. Bahagian Pengurusan Maklumat
050200- Dasar
1. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
2. Bahagian Pengurusan Fatwa
3. Bahagian Kemajuan Islam
4. PTJ Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin
5. PTJ Masjid Negara
6. PTJ Masjid Putra
7. Bahagian Perhubungan
8. Pejabat Penasihat Undang-undang
9. Bahagian Penyelarasan Undang-undang
10. PTJ Bahagian Hub Halal
11. Atase Jakarta
12. Atase Canberra
13. Atase Kaherah
050300- Pembangunan Insan
1. Bahagian Dakwah
2. Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti
3. Bahagian Pembangunan Insan
4. Bahagian Penerbitan
5. Bahagian Media
6. PTJ PPA
050400- Darul Quran
050500- JAWI
050600- ILIM
050700- JAKIM Sabah
050800- JAKIM Sarawak

Selain dari ibu pejabat JAKIM , terdapat 11 lagi PTJ yang mengendalikan pengurusan kewangan iaitu Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Cawangan Labuan, JAKIM Cawangan Sabah, JAKIM Cawangan Sarawak, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Masjid Negara, Masjid Putra, Pusat Pemantapan Akidah (PPA) Jelebu, Darul Quran, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Bahagian Hab Halal. Dari segi pengurusan perolehan kerajaan untuk bekalan/perkhidmatan/kerja, kesemua PTJ merupakan urusetia bagi sebutharga masing-masing dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Sebut Harga di ibu pejabat yang dilantik oleh Pegawai Pengawal. Sementara bagi perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja yang memerlukan proses tender akan dikemukakan kepada Lembaga Tender, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Untuk memantau prestasi perbelanjaan mengurus, Bahagian Kewangan telah mewujudkan Mesyuarat Pemantauan Bajet Mengurus Bulanan peringkat JAKIM yang dipengerusikan oleh Pengarah Kanan (Pengurusan). Penyediaan laporan prestasi perbelanjaan setiap bulan turut dibuat dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan JAKIM secara bulanan. Laporan ini juga turut dikemukakan kepada JPM dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pemantauan Belanja Mengurus di bawah JPM yang diadakan setiap bulan bagi memantau prestasi perbelanjaan setiap agensi di bawah JPM. Bahagian Kewangan juga menjadi urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) di mana mesyuarat ini diadakan setiap 3 bulan sekali. Perkara-perkara yang dibincangkan adalah mengikut format yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2008 (berkuatkuasa 16 Julai 2008):

- Pengurusan Bajet (Peruntukan Mengurus dan Pembangunan);
- Pengurusan Perakaunan;
- Pengurusan Pungutan dan Tunggakan Hasil;
- Pengurusan Perolehan;
- Pengurusan Aset dan Stor;
- Teguran Audit;
- Latihan;
- Pelaksanaan JPKA di peringkat PTJ.

Penubuhan Jawatankuasa ini amat penting untuk memantau perbelanjaan bagi ibu pejabat dan PTJ di bawah JAKIM serta membuat penambahbaikan pengurusan kewangan melalui teguran audit yang turut dibincangkan dalam mesyuarat ini.

Pada tahun 2013, Bahagian Kewangan telah menerima Anugerah Pencapaian Pengurusan Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk Anugerah Sistem Pemantuan Projek II (SPPII).

Prestasi Perbelanjaan Mengurus JAKIM Tahun 2013

Prestasi perbelanjaan mengurus JAKIM tahun 2013 berdasarkan Laporan A499-Penyata Lengkap Perbelanjaan Mengurus Bulan 13 pada 31 Disember 2013-(sehingga 15 Januari 2014) adalah seperti di **Jadual 2** berikut:

Jadual 2: Prestasi Perbelanjaan Mengurus JAKIM Tahun 2013

DASAR	PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	PERATUS BELANJA %
DASAR SEDIA ADA	752,027,430	746,522,637.69	5,504,792.31	99.27%
DASAR BARU	4,247,700	3,728,579.12	519,120.88	87.78%
ONE OFF	24,349,298	23,145,792.50	1,203,505.50	95.05
ONE OFF (KE LUAR NEGARA)	1,237,572	1,235,732.21	1,839.79	99.85
JUMLAH KESELURUHAN	781,862,000	774,632,741.52	7,229,258.48	99.08%

Pengurusan Perakaunan

JAKIM mempunyai tujuh (7) Akaun Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan,1957 seperti berikut:

- **Akaun Amanah JAKIM** (kod amanah 82305) – merupakan gabungan Akaun Amanah Tabung Penyelidikan Islam Sarawak (bertarikh 9 Mei 1986), Akaun Amanah Pusat Islam Malaysia (28 Jun 2000) dan Akaun Amanah Hari Kebesaran Islam (1 Oktober 1999);

- **Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara** (kod amanah 82301);
- **Akaun Amanah Darul Quran JAKIM** (kod amanah 82334);
- **Akaun Amanah Masjid Putra, Putrajaya** (kod amanah 82331);
- **Akaun Amanah JAWI** (kod amanah 82339);
- **Akaun Amanah Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya** (kod amanah 882341); dan
- **Akaun Amanah Pusat-pusat Latihan JAKIM** (kod 882342).

Jawatankuasa bagi kesemua akaun amanah tersebut adalah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, JPM. Kedudukan baki akaun-akaun amanah tersebut sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti di **Jadual 3** berikut:

Jadual 3: Kedudukan Akaun-Akaun Amanah Di JAKIM Pada 31 Disember 2013

AKAUN AMANAH	BAKI AWAL (A)	TERIMAAN (B)	PERBELANJAAN TERKUMPUL (C)	BAKI DIBAWA KE HADAPAN D= A+B-C
Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara (82301)	1,718,183.67	1,299,920.81	1,253,705.00	1,764,399.48
Akaun Amanah Masjid Masjid di Putrajaya (82331)	375,420.98	559,522.73	501,909.94	433,033.77
Akaun Amanah JAKIM (82305)	5,878,948.43	1,561,252.75	1,493,403.64	5,946,797.54
Akaun Amanah Darul Quran (82334)	197,276.66	382,081.40	362,911.32	216,446.74
Akaun Amanah JAWI (82339)	25,502,312.23	86,699,138.85	99,663,752.91	12,537,698.17
Akaun Amanah Masjid Tunku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya (882341)	609,664.89	862,726.34	549,058.30	923,332.93
Akaun Amanah Pusat-pusat Latihan JAKIM (882342)	8,132.90	0	8,000.00	132.90
JUMLAH BESAR	**34,289,939.76**	**91,364,642.88**	**103,832,741.11**	**21,821,841.53**

Pengurusan Perolehan

Sepanjang 2013, perolehan yang telah dibuat adalah seperti di **Jadual 4** berikut:

JADUAL 4: PEROLEHAN BAGI TAHUN 2013

JENIS PEROLEHAN	BILANGAN	NILAI (RM)
Pembelian Terus	1957	19,146,838.28
E - Bidding	2	**312,071.00**
Sebut Harga	55	**13,242,793.61**
Tender	6	**9,914,884.30**

Prestasi Projek Pembangunan JAKIM

Di Bawah *Rolling Plan* Ketiga (RP3) RMKE-10 (2012-2013)

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh **(RMKe-10)**, projek-projek di bawah Peruntukan Pembangunan (DE) telah diagihkan melalui Rolling Plan (RP) yang dilaksanakan secara dua tahun sekali. Pada tahun 2013 segala peruntukan pembangunan diagihkan dibawah Rolling Plan Kedua (RP3).

JAKIM telah diluluskan (6) projek dengan siling RM87,120,393 dan peruntukan sebanyak RM48,786,700. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

BIL	NAMA PROJEK	BILANGAN PROJEK	SILING RMKE-10 (RM)	PERUNTUKAN (RM)
1	Menaiktaraf Masjid Wilayah Persekutuan	1	13,015,658	7,521,700
2	Pembinaan Ilaj Home (Pusat Jagaan HIV/AIDS Muslim)	1	13,668,388	10,000,000
3	Pembinaan Sekolah Rendah Agama (SRA) -SRA Pantai Ria, Pantai Dalam -SRA Ar-Rahah, Kerinchi	2	11,900,000	5,220,000
4	Pembinaan Masjid Al-Firdaus, Segambut	1	13,450,000	8,000,000
5	Makmal Analisis Hala, Enstek	1	30,376,347	15,625,000
6	Pendaftaran Logo Halal Malaysia di Luar Negara	1	4,710,000	2,420,000
JUMLAH		**7**	**87,120,393**	**48,786,700**

Senarai Program/Projek, peruntukan dan perbelanjaan JAKIM sehingga tempoh AKB 15 Januari 2014 adalah seperti berikut:-

BIL	NAMA PROJEK	BIL PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	PERUNTUKAN DIPINDA (RM)	PERBELANJAAN (RM)	% BELANJA
1	Menaiktaraf Masjid Wilayah Persekutuan	1	7,521,700	12,787,900	11,589,040	90.62
2	Pembinaan Ilaj Home (Pusat Jagaan HIV/AIDS Muslim)	1	10,000,000	2,695,000	2,678,404.40	99.38
3	Pembinaan Sekolah Rendah Agama (SRA) -SRA Pantai Ria, Pantai Dalam -SRA Ar-Rahah, Kerinchi	2	5,220,000	960,100	951,934.85	99.14
4	Pembinaan Masjid Al-Firdaus, Segambut	1	8,000,000	1,400,200	1,366,930.44	97.62
5	Makmal Analisis Hala, Enstek	1	15,625,000	7,000,100	6,998,400.31	99.9
6	Pendaftaran Logo Halal Malaysia di Luar Negara	1	2,420,000	2,420,000	2,259,210	93.35
JUMLAH		**7**	**48,786,700**	**27,263,300**	**25,843,920**	**94.79**